

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

**Bil. 31**

**Rabu**

**16 Jun 2010**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015)	(Halaman 32)
Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M 16(3)	(Halaman 131)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
■ Kes Kecurian Kereta Bernombor P180 Milik En. Toh Khiam Lee – <i>Y.B. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)</i>	(Halaman 131)
■ Pemulihan Projek Nas Pavilion, Jalan Imbi Yang Terbengkalai – <i>Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman 133)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Rabu, 16 Jun 2010**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk menguatkuasakan penggunaan bank DNA supaya semua rakyat di negara ini mempunyai rekod DNA dan boleh digunakan untuk mengesan dan menyelesaikan sesuatu kes jenayah yang berlaku.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Katil yang mengemukakan pertanyaan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bukanlah satu keperluan pada masa ini untuk menyimpan profil DNA semua rakyat di negara ini. Setakat ini peruntukan Akta Identifikasi DNA 2009 adalah dikehendaki menyimpan dan menyelenggarakan profil DNA terdiri daripada indeks berikut:

- (a) indeks tempat kejadian jenayah;
- (b) indeks *subscribe*;
- (c) indeks pesalah yang disabitkan;
- (d) indeks orang tahanan;
- (e) indeks penagih dadah;
- (f) indeks orang hilang; dan
- (g) indeks sukarela.

Objektif utama Bank Data DNA menyimpan dan menyelenggarakan indeks ini adalah bagi maksud pengenalpastian manusia berhubung dengan penyiasatan forensik. Sebagai tambahan kepada objektif ini, profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya disimpan dan diselenggarakan di dalam Bank Data DNA boleh digunakan untuk membantu dalam penemuan atau pengenalpastian jasad manusia daripada

sesuatu bencana atau bagi maksud kemanusiaan dan dalam pengenalpastian orang yang masih hidup atau yang telah mati.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini tiada negara yang ada Bank Data DNA untuk keseluruhan penduduk negaranya. Ini kerana analisa DNA melibatkan kos yang sangat tinggi dari segi pembangunan infrastruktur makmal DNA dan 'reagen-reagen' kimia yang diperlukan dalam analisa tersebut. Sekian, terima kasih.

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semenjak undang-undang mengenai DNA yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2008, sejauh manakah ianya telah digunakan sebagai satu kaedah untuk mencari bahan siasatan dan juga sebagai bahan bukti di mahkamah sama ada kes itu kes jenayah, kes pembuangan bayi ataupun pengenalan mayat dan sebagainya. Se jauh mana agaknya mahkamah menerima DNA ini sebagai bukti dalam sesuatu kes dan bagaimana pula sesuatu bahan DNA itu dapat disahkan sebagai milik sebenar orang yang diambil sampelnya sebagai bahan bukti pertuduhan. Bolehkah ianya dipertikaikan lagi kesahihannya? Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Identifikasi DNA 2009 diwartakan pada 3 September 2009 dan masih belum dilaksanakan oleh kerana pihak kementerian sedang menyediakan peraturan-peraturan yang diperlukan di bawah seksyen 24 akta berkaitan. Walau bagaimanapun oleh kerana itu buat masa kini siasatan yang melibatkan pembuktian DNA, proses pengambilan sampel DNA diperoleh atas sukarela atau kebenaran individu berkenaan. Sampel yang diambil kemudiannya dihantar oleh pegawai penyiasat PDRM kepada Jabatan Kimia untuk dibuat analisa.

Sebagai contoh seperti kes yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil tadi, berkaitan dengan jika hendak membuktikan bayi yang mati adalah anak suspek yang dilahirkan, maka kedua-dua sampel yang diperoleh dari bayi dan suspek perlu dibuktikan persamaannya melalui analisa yang dibuat oleh Jabatan Kimia Malaysia. Berkaitan dengan sama ada bukti DNA ini boleh dipertikaikan atau tidak, buat masa ini mahkamah menerima pembuktian DNA tetapi sama ada boleh dipertikaikan atau tidak daripada segi undang-undang buat masa kini, tiada menyatakan bahawa pembuktian keterangan DNA adalah satu keterangan yang konklusif. Terima kasih.

**■ 1010**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang seperti yang dijawab oleh Yang Berhormat tadi itu, ia bukan satu konklusif. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat terangkan di manakah di Malaysia ini kita adakan makmal yang bertaraf tinggi untuk membuat kajian DNA ini dan amalan yang digunakan di Malaysia ini adakah bermirip kepada United Kingdom, USA ataupun negara yang lain? Setakat inilah berapakah kes bilangan yang bergantung pada DNA di Malaysia ini. Mungkin di dalam lima tahun kebelakangan ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan?

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan bilangan yang kes-kes ini bergantung pada pembuktian DNA, ini saya tidak ada maklumat buat masa ini. Saya akan dapatkan dan beri saya secara bertulis.

Berkaitan dengan makmal yang kita wujudkan pada masa kini, bahawa untuk situasi masa kini yang mana masih belum kita laksanakan aktanya. Bahawa analisa yang dibuat adalah di jabatan-jabatan kimia yang ada di lima tempat di dalam negara kita untuk membuat analisa berkaitan dengan sampel-sampel yang diambil dalam pembuktian kes-kes ini untuk memastikan sama ada sampel-sampel yang kita ambil itu ada persamaan semasa kita ambil. Umpamanya seperti di tempat kejadian dan sebagainya.

**2. Puan Fuziah Salleh [Kuantan]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah kerajaan bersedia memansuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) kerana gagal memberi khidmat terbaik kepada masyarakat Orang Asli seperti yang disuarakan sendiri masyarakat Orang Asli. Jika tidak, apakah kaedah bagi mengembalikan semula kepercayaan Orang Asli terhadap jabatan ini.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuantan. Saya mohon Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab bersekali dengan soalan Yang Berhormat Ketereh pada 22 Jun 2010 kerana ia menyentuh isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih. Buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memandangkan jabatan ini masih relevan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada

masyarakat Orang Asli. Dakwaan atau tanggapan negatif dari sesetengah pihak bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli gagal menunaikan tanggungjawab adalah tidak berasas sama sekali. Mengikut penelitian kementerian, pandangan tersebut hanya diwakili oleh golongan tertentu dan mempunyai agenda tersendiri.

Berdasarkan sesi perjumpaan, dialog, bengkel, seminar dan persidangan yang diadakan sama ada oleh pihak jabatan ataupun pihak NGO yang mewakili Orang Asli, ternyata masyarakat Orang Asli mahu jabatan ini dikekalkan, malah dimantapkan lagi sebagai agensi yang memberi perlindungan kebajikan pembangunan dan kesejahteraan kepada masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada hakikatnya pembangunan masyarakat Orang Asli telah dipertanggungjawabkan oleh pihak kerajaan kepada sebuah agensi kerajaan iaitu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli semenjak pembukaannya pada tahun 1954 seperti mana termaktub dalam Akta Orang Asli – Akta 134. Penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan masyarakat Orang Asli sejak tahun 2001 sebagai contoh telah membuktikan kerajaan tidak pernah meminggirkan perwakilan masyarakat Orang Asli membuat proses keputusan.

Majlis ini berperanan menilai, menganalisis dan menasihati pihak kerajaan dalam semua program dan aktiviti yang dijalankan. Perwakilan masyarakat Orang Asli seramai enam orang iaitu Batin, cendekiawan Orang Asli, Orang Asli Berjaya dan NGO Orang Asli telah dilantik sebagai Ahli Majlis. Selain daripada itu, penyertaan masyarakat Orang Asli turut dilibatkan dalam proses pemantauan projek-projek pembangunan kerajaan melalui penubuhan sebuah Jawatankuasa Khas *Focus Group* Orang Asli. *Focus Group* ini berfungsi merancang, mengenal pasti dan menilai keberkesanan serta impak projek kepada Orang Asli dalam lima aspek iaitu prasarana, kesihatan, ekonomi, pendidikan serta warisan tradisi.

Seramai lima Orang Asli yang telah dilantik sebagai wakil masyarakat Orang Asli. Antaranya, Profesor Juli Edo daripada Universiti Malaya, Encik Majid Suhut – Presiden Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia, Encik Ir. Aziz Sitin. Terkini dalam aspek pendidikan sebagai contoh, seramai tujuh orang anak Orang Asli melebihi sasaran bilangan lima orang pelajar NKRA telah mendapat tawaran kerajaan oleh MARA untuk mengikuti kelas persediaan selama dua tahun di Kolej MARA. Seterusnya mereka akan dihantar melanjutkan pelajaran ke luar negeri seperti Australia, New Zealand, United Kingdom, India dan sebagainya dalam Program Pembelajaran Kejuruteraan, Perubatan, Perakaunan dan Kejuruteraan Kimia.

Sehingga Disember 2009, sejumlah 16,330 unit rumah telah dibina dan dibaik pulih untuk golongan Orang Asli di seluruh Malaysia. Dalam tempoh NKRA 2010-2012, kementerian merancang untuk menyediakan tambahan sejumlah 5,000 unit rumah. Penyambungan bekalan elektrik 24 jam di 322 buah kampung dan bekalan air bersih kepada 284 buah kampung Orang Asli. Sesungguhnya kementerian sentiasa terbuka dalam memberi ruang kepada pihak NGO serta pihak pemimpin masyarakat Orang Asli untuk menyuarakan pandangan, kehendak dan perasaan mereka berhubung dengan dasar-dasar yang dijalankan oleh pihak kerajaan melalui forum, seminar ataupun persidangan yang dianjurkan.

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Tuan Yang di-Pertua, walaupun di Kuantan hanya mempunyai 60 buah keluarga sahaja Orang Asal yang menjadi penghuni di Kuantan, yang lebih kurang ada dalam 1,000 orang dalam perkampungan di Kuantan. Namun, Pahang negeri saya menempatkan satu per tiga daripada jumlah Orang Asal di seluruh negara. Maka tentu sekali kepentingan Orang Asal ini merupakan kepentingan yang penting dekat di hati saya.

Saya ucapkan terima kasih kepada penerangan-penerangan itu dari sudut pendidikan dan juga dari sudut pembangunan yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Cuma saya agak tidak dapat penerangan berkenaan dengan projek-projek pembangunan ekonomi yang dilakukan ke atas komuniti Orang Asal. Ini adalah kerana rata-rata kita lihat bahawa Orang Asal ini di bawah paras garis kemiskinan, rata-rata di seluruh negara. Tidak ada satu pelan yang konkrit berkenaan dengan pembangunan ekonomi Orang Asal. Hak milik tanah dua hingga enam ekar untuk bercucuk tanam memang digunakan. Memang bagus untuk mereka bercucuk tanam.

Akan tetapi, perlu lebih daripada itu. Perlu ada satu projek yang melihat kepada pembangunan ekonomi mereka sehingga boleh menaikkan taraf hidup mereka. Kalau kita tengok sebelum ini, apabila Orang Asal membangunkan, menanam tanah dengan getah dan sawit... [*Dewan riuh*] Boleh dengarlah... [*Dewan riuh*] Orang Asli atau 'Orang Asal' itu boleh kita pertikai, kita bahas di lain waktu. Sama ada terma "Orang Asli" atau "Orang Asal" itu kita boleh bahas di lain waktu tetapi, Dewan yang mulia ini harap dapat beri tumpuan kepada soalan dan isu yang sebenar. Bukan tidak lari daripada isu yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, apabila orang asal menanam getah dan sawit dan diambil alih oleh FELCRA dan RISDA, Orang Asal hanya diberikan hak dalam bentuk saham.

Kalau sebelum ini apabila mereka mengusahakan tanah dan mereka menanam sawit dan getah, pendapatan mereka adalah lebih kurang RM1,000 sebulan tetapi, apabila diambil alih oleh RISDA, pendapatan mereka menurun. Dalam bentuk saham, mereka hanya lebih kurang dapat RM500 setahun. Jadi di manakah program pembangunan ekonomi untuk menaik taraf kehidupan?... [*Dewan riuh*]

**Beberapa Ahli:** Bohong, bohong!

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Kalau, kalau....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, tidakkah ini percubaan pembangkang untuk mengubah Perlembagaan? Dalam Perlembagaan “Orang Asli”, bukan “Asal”.

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Sri Gading, ini *floor* saya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Sri Gading, dengarlah.

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Apa yang saya ingin katakan di sini, kalau tuan-tuan Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini pergi turun tengok Orang Asal di seluruh negara, tuan-tuan tidak boleh nafikan bahawa mereka semua di bawah paras garis kemiskinan... [*Dewan riuh*] Di Pahang juga tidak ada elektrik, tidak ada jalan yang besar...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, kalau bising seperti begitu, manakan Yang Berhormat Kuantan boleh kemukakan soalan?... [*Dewan riuh*] Biarlah Yang Berhormat Menteri yang perjelaskan nanti. Sila, sila Yang Berhormat Kuantan jangan panjang sangat.

#### ■1020

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya katakan terminologi, *term* yang digunakan “Orang Asal”, atau “Orang Asli” boleh kita bahas di lain waktu tetapi, saya andaikan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini mempunyai adab dan etika yang lebih daripada apa yang dipamerkan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pembangunan ekonomi, menaikkan taraf semua Orang Asal ke tahap di atas paras garis kemiskinan. Terima kasih.

**Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kuantan. Saya ingat dia dari segi hendak label Orang Asli ataupun Orang Asal yang kita semua pun orang asal di negara ini. Cuma saya hendak sebutkan bahawa untuk

menyatakan bahawa langsung tidak ada program untuk membantu masyarakat Orang Asli dalam bidang ekonomi adalah tidak benar. Kalau kita melihat daripada sejumlah 141,000 Orang Asli di seluruh negara, padatnya terletak di negeri Pahang, di Perak dan Johor ini, 4,000 lebih adalah terdiri daripada miskin yang tegar.

Sebahagiannya telah kita berjaya melonjakkan dari segi dahulu miskin tegar kepada peringkat yang lebih baik penghidupan mereka, termasuk di negeri Pahang. Kalau kita melihat dari segi konsep seperti apa yang saya sebutkan, bukan hanya dalam bidang pendidikan yang kita hendak bantu Orang Asli dalam bidang ekonomi, dalam bidang kesihatan. Kalau kita tengok dalam bidang kesihatan, saya ingat hospital yang baru ini yang dirasmikan oleh Sultan Perak baru-baru ini di Sungai Siput, satu tempat yang begitu selesa. Satu orang pun sakit, bila dia sakit, dia bawa lima orang, kita layan sampai lima orang, anak-beranak dia, di situlah kita didik dan bantu masyarakat Orang Asli, begitu meluas.

Saya yakin tidak ada negara di dunia ini sama ada – sebutlah di Australia atau di mana-mana tempatkah, seperti apa yang kita titik beratkan. Dalam Rancangan Malaysia yang lalu pun, RMKe-9, kita peruntukkan jumlah yang besar untuk membantu masyarakat Orang Asli. Contoh di Pahang, di Pantos, dahulu masyarakat Orang Asli hanya mendapat pendapatan dalam lingkungan RM300 sebulan dan selepas itu kita libatkan mereka dalam pembinaan *agropolitan* di Pantos. Yang dahulu mendapat pendapatan RM300, sudah membatasi RM1,000. Terlibat bukan hanya dalam tanaman kelapa sawit, getah, nanas dan sampingan, ternakan kambing, ternakan lembu – ini kita galakkan kepada masyarakat Orang Asli.

Dalam bidang pendidikan, saya katakan tadi, kita *target* untuk tahun ini sahaja lima orang yang kita hantar ke luar negeri tetapi membatasi lima orang, tujuh orang. Sebenarnya kita tawarkan lapan orang, satu orang menolak untuk masuk ke United Kingdom dalam bidang perubatan, ke New Zealand, ke Australia, ke India – ini semua sebahagian daripada usaha kerajaan tetapi, kadang-kadang maklumlah oleh kerana ada pihak-pihak tertentu menidakkan. Bukan saya kata tidak ada Orang Asli miskin, bukan saya katakan tidak ada rumah yang begitu tidak sesuai yang perlu bantuan, maka dengan itu seperti yang saya sebutkan, kita bina masyarakat Orang Asli, bantu mereka dalam bidang prasarana termasuk elektrik.

Akan tetapi kita sedia maklum, Ipoh Barat, bekalan elektrik kita hendak sambung ke pelosok-pelosok yang begitu nun jauh, kosnya begitu meningkat, kita hendak *change mindset* masyarakat supaya pindah. Macam juga orang asal, contohnya, orang laut dari

Semporna, hendak pindah masuk ke darat pada tahun 60-an, 50-an, saya masih ingat bukan mudah – *social changes, culture changes*, bukan mudah. Mengambil masa, orang tua kita sampai ke Pahang untuk belajar bagaimana rancangan-rancangan dipinda dari laut sampai pulau-pulau, masuk ke kawasan-kawasan bandar sehingga hari ini manfaatnya begitu luas.

Ini proses yang mengambil masa yang mana memerlukan bukan hanya kerjasama daripada pihak jabatan, masyarakat pimpinan di negara ini untuk membantu masyarakat Orang Asli. Yang penting kepada kita, niat, nawaitu kita. Ini rakyat Malaysia, kita bantu mereka. Jangan kita peralatkan sehingga menidakkan pembangunan masa depan Orang Asli dalam pelbagai bidang ini.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Di Perlis ada Orang Aslikah, Arau?... [*Ketawa*] Tidak apa. Arau, Arau sila. Arau.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Giliran, giliran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang dihormati Yang Berhormat Menteri. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang ditubuhkan sejak daripada sebelum kita mencapai kemerdekaan 1957, kalau tidak silap saya.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*] [*Ketawa*]

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Janganlah kacau. Melaka pun tidak ada... [*Disampuk*] Memang 1957. Shah Alam memang tidak tahu fakta Orang Asli ini. Kita sedar bahawa masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan pertukaran beberapa menteri dalam dasar dalam usaha untuk menangani masalah Orang Asli, tetapi ada yang berjaya dan ada yang masih lagi ada perkara-perkara yang perlu diperbaiki dan sedang diusahakan oleh kerajaan. Cuma apa yang dibangkitkan oleh Kuantan dalam soalan tambahan, saya melihat ada sesetengah daripada fakta yang dibangkitkan seperti soal pengambilan tanah oleh agensi-agensi kerajaan seperti RISDA, FELCRA dan sebagainya yang melibatkan tanah-tanah yang pada mulanya sememangnya terpaksa dibuat *treatment*, kerana tidak bersesuaian untuk tanaman-tanaman komoditi utama negara.

Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri, kalau dilihat dari segi kesungguhan kerajaan yang membantu Orang Asli yang *scattered everywhere* ini, dengan izin, bersungguh-sungguh, tetapi masih ada lagi ruang yang boleh diperbaiki dan keadaan yang melibatkan soal-soal jarak, soal-soal kesukaran untuk kita membuat pembangunan menyeluruh kerana mungkin dari segi *culture*, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri, cuma soal geografi dan lain-lain.

Cuma di sini saya ingin bertanya pihak kerajaan, bagaimana kita ingin memastikan dalam keadaan sekarang untuk kita mengubah kerana taraf pendidikan mereka sudah pun meningkat. Ramai antara mereka menjadi orang-orang terpelajar, ada yang menjadi peguam dan sebagainya. Mereka juga bersedia untuk disatukan, mungkin di bawah kegiatan ekonomi seperti koperasi, persatuan dan sebagainya. Apakah yang boleh dibuat oleh kerajaan dalam keadaan sekarang untuk kita cuba melonjakkan sedikit atau kita membuat perubahan struktur dari segi kedudukan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli itu sendiri, mungkin kerana *close service*, dia kurang ada idea yang lebih baik untuk kita memastikan bahawa struktur ini dapat membantu menjayakan misi kementerian untuk membantu mengatasi masalah Orang Asli di negara kita.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat dari Perlis. Mengakui tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau tadi dan jabatan ini memang ditubuhkan sebelum kita merdeka lagi di bawah Akta 134 pada tahun 1954. Di samping itu saya mengakui bahawa perlu ada penambahbaikan dari semasa ke semasa dari segi menempatkan supaya pegawai-pegawai ini bukan hanya menghayati, menyedari, memahami dan juga turun ke peringkat bawah.

Saya ada nyatakan bilamana saya mengambil pimpinan ini, kita harus melakukan tanggungjawab sebaik mungkin, kerana setiap waktu bilamana kita gagal membina, membantu masyarakat Orang Asli, rumah-rumah mereka. Itu sebahagian daripada dosa yang terpaksa kita tanggung. Kegagalan dan kelewatan daripada pelaksanaan ini perlu dipegang sebaik mungkin. Maka dengan itu kita mempunyai sasaran untuk memastikan supaya pelaksanaan program-program ini dapat kita lakukan sebaik mungkin. Itu yang kita katakan ada *focus group* yang kita wujudkan – bagaimana membantu meningkatkan lagi, bukan hanya dalam bidang kesihatan, ekonomi, pendidikan, warisan dia, bahkan juga dari segi penambahbaikan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Arau tadi.

Dengan itu, baru-baru ini saya telah bincang dengan pegawai kanan di peringkat kementerian termasuk saya minta supaya JPA campur tangan, bagaimana menambah baik dari segi keupayaan kebolehan, sama ada memerlukan datangnya pegawai-pegawai dari luar untuk kita tempatkan. Yang penting ialah keberkesanan. Di samping itu, rancangan yang lebih rapi dalam pelbagai sudut. Contoh dari segi pembahagian tanah, ini merupakan isu yang agak kompleks yang memerlukan bukan hanya kerjasama daripada *Federal agency*, bahkan juga daripada kerajaan-kerajaan negeri.

Contoh, macam tanah yang kita ambil alih di Gua Musang, Kelantan, kita ada bangunkan. Bina rumah di situ, bagi bekalan air, tetapi Kerajaan Negeri Kelantan memajukan tanah yang berhampiran sehingga paip bocor dan pecah. Prasarana yang kita sudah bina untuk membantu masyarakat Orang Asli terbantut sedikit sebanyak oleh kerana kegiatan-kegiatan yang tidak menitikberatkan tentang apa kesan sampingannya kepada pembangunan di pinggir, di mana masyarakat Orang Asli ini berada.

Maka dengan itu kita harus mengambil perhatian bukan hanya tanggungjawab pihak Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri juga memainkan peranan. Pengagihan tanah banyak dibangkitkan. Jabatan ini dipersoalkan tidak mampu untuk melaksanakan tetapi, kuasa itu bukan terletak kepada Kerajaan Persekutuan. Kita perlu bincang dengan Kerajaan Negeri Pahang, Perak, dari negeri Kelantan, untuk mengagihkan tanah-tanah yang hendak diberi. Ada yang luasnya mereka majukan, termasuk kawasan rayau mereka iaitu 100 ekar. Hendak bagi 100 ekar, berapa tanah yang kita hendak majukan ini, yang dimiliki oleh Orang Asli?

Setakat ini sudah melebihi 19,500 hektar tanah yang kita sudah wartakan. Ada lagi 9,000 hektar yang kita sudah *survey* dan belanja RM3.5 juta, kerajaan tampung untuk membantu Orang Asli di dalam bidang-bidang pengagihan tanah.

#### ■1030

Sebenarnya banyak yang kita lakukan dan saya akui Yang Berhormat Arau, perlu penambahbaikan dari masa ke semasa dan ini saya janji, *insya-Allah* kita akan lakukan di peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah... [*Tepuk*]

**3. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah bekalan beras terjamin cukup sepanjang masa bagi keperluan rakyat negara ini, dan bagaimanakah kerajaan mengawal selia harga dan mutu beras.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]:**  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan beras untuk negara ini adalah mencukupi. Keperluan beras pada masa ini ialah sebanyak 2,342 juta metrik tan. Bekalan ini sebanyak 1.074 juta metrik tan adalah bekalan dari dalam negara dan bakinya dari sumber stok sedia ada dan juga import. Pada masa ini, kira-kira 30% diimport dari negara-negara seperti Vietnam, Thailand, Pakistan, Myanmar dan India.

Dalam aspek kawal selia harga dan mutu beras pula, harga yang dikawal oleh kerajaan adalah beras tempatan sahaja manakala harga beras import tidak dikawal oleh kerajaan. Mutu beras pula dipantau dari aspek tahap peratus hancur supaya beras yang dijual di pasaran menepati Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Harga beras Super Tempatan mengikut gred adalah seperti berikut;

Gred Beras (% hancur)	Harga (RM)
ST15%	RM16.50-RM18.00 (dikawal oleh kerajaan)
ST10%	RM24
ST5%	RM26.00

Terima kasih.

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jelas dari konteks jawapan tersebut, isu bekalan beras bertapak teguh di hati kerajaan. Dalam hal ini, beras adalah makanan asasi rakyat Malaysia. Soalan tambahan saya, apakah benar berlaku lambakan beras dalam pasaran sehingga menyebabkan harga padi turun di beberapa tempat pada musim ini? Kenapa kerajaan tidak membenarkan padi dari negeri – contoh negeri Perak, dijual di negeri Kedah? Terima kasih.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada tiga isu dibangkitkan. Yang pertama ialah harga padi, yang kedua ialah harga beras dan juga pemindahan padi di antara negeri.

Mengenai harga padi, saya ingin jelaskan, memang kita lihat di antara satu musim dengan satu musim harganya tidak stabil. Ini kerana kerajaan hanya menetapkan harga padi ini – ada dua jenis harga padi, satu padi yang diproses untuk membuat biji benih padi, ini harganya kita tetapkan sebanyak RM1,400 metrik tan. Satu lagi jenis padi ialah padi yang diproses untuk buat beras. Padi yang diproses untuk buat beras ini, kerajaan hanya menetapkan harga minimum iaitu RM750 satu metrik tan dan sekiranya harga ini bawah daripada RM750, maka BERNAS hendaklah membelinya di harga minimum RM750.

Di samping harga minimum, kerajaan juga telah pun menetapkan subsidi kepada setiap metrik tan iaitu sebanyak RM248.10 setiap metrik tan. Dalam masa yang sama,

kerajaan juga telah memperuntukkan beberapa insentif kepada petani-petani yang telah berjaya menambahkan hasil pengeluaran padinya. Yang menyebabkan harga padi ini tidak stabil ialah kerana pihak swasta berlumba-lumba untuk mendapatkan padi sehinggakan padi – sebagai contoh, dalam musim yang lepas, harganya meningkat sampai RM1,350 satu metrik tan tetapi apabila sampai musim ini, kita tengok harganya turun sampai RM1,150, RM1,250 – hampir RM100 ataupun RM200 turun dan berbeza dari musim yang lepas. Perkara ini berlaku kerana beras hari ini yang ada dalam negara kita, kita lihat sudah berlaku lebihan di mana sehingga bulan Jun, stok beras kita ialah lebih kurang 557,000 metrik tan.

Ada dua sebab mengapa kita mempunyai lebihan beras ini. Yang pertama, apabila pihak swasta di musim lepas berlumba membeli beras dengan mereka membuat spekulasi bahawa sistem SUBUR akan dilaksanakan tahun ini, maka mereka membeli padi dengan harga yang banyak tetapi mereka tidak proses menjadikan beras. Akhirnya apabila sampai musim sekarang, padi yang mereka beli musim yang lepas, mereka tidak proses dan apabila sampai musim ini, mereka tidak mampu lagi untuk membeli padi yang baru menyebabkan harga padi ini jatuh.

Yang kedua ialah kerana pada awal tahun ini, BERNAS telah pun mengimport hampir memenuhi kuota yang telah diperuntukkan kepada BERNAS untuk tahun 2010. Ini kerana pada hujung tahun lepas, di negara India kita telah sedia maklum telah dilanda monsun yang menyebabkan sawah padi beribu hektar telah musnah di India. Jadi oleh kerana kita bimbang akan berlaku krisis beras di peringkat antarabangsa sekiranya India membeli beras di peringkat antarabangsa, maka BERNAS telah mengambil tindakan proaktif membeli beras-beras import ini dan disimpan di dalam stok pada hari ini. Oleh kerana itulah sebab-sebabnya maka kita lihat bahawa harga padi yang dibeli tidak stabil kerana kerajaan hanya menentukan harga minimum dan yang kedua ialah lebihan beras ialah kerana sebab-sebab yang saya sebutkan tadi – spekulasi dan juga monsun di India. Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tanpa memanjangkan mukadimah dan tidak membosankan Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan tambahan saya, apakah tahap sara diri negara bagi komoditi beras setakat ini? Ini kerana dalam laporan RMKe-9, tahap sara diri bagi komoditi beras pada tahun 2005 adalah 72% dan keluasan tanah bagi penanaman padi hanya 0.42 juta hektar berbanding kelapa sawit 4.1 juta hektar dan 1.5 juta hektar pada tahun 2005. Ini

tidak akan bergantung langsung kepada negara luar atas pengeluaran ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Walaupun tidak ada padi tetapi tanya pasal padi. Ia ada dua beza di antara tahap pengeluaran kita. Yang saya nyatakan tadi bahawa kita keluarkan beras 70% tempatan dan 30% kita import tetapi, apabila sebut tentang sara diri (*self-sufficient*) ini, ia mengambil beberapa faktor seperti jumlah penduduk pengguna per kapita, jumlah penggunaan beras, pengeluaran beras. Saya ambil contoh tahun 2009 beza dengan tahun 2010. Kalau kita lihat jumlah penduduk pada tahun 2009, kita ada 28.3 juta orang dan pada tahun 2010 dianggarkan 28.6 juta orang. Kemudian, penggunaan beras ini ia tetap iaitu setiap rakyat Malaysia ini setiap orang dianggarkan menggunakan lebih kurang 79 kilogram setiap orang. Apabila kita dapat angka-angka ini, maka kita ada formula yang dikira. Seperti tahun 2009, penyampaian sara diri kita ialah 70.2% dan tahun 2010 ini kita anggarkan 72.5%. Walaupun pada asalnya *target* kita ialah 86% tetapi kita tidak dapat capai kerana pengeluaran padi tempatan tidak dapat dikeluarkan sepertimana yang kita rancang kerana mengalami masalah bencana alam, banjir, diserang penyakit dan sebagainya.

■1040

Jadi walau bagaimanapun, jaminan diberi bahawa kerajaan akan pastikan bekalan beras ini cukup di samping hari ini kerajaan sendiri ada satu stok penimbal kita sendiri iaitu setiap bila-bila masa kita ada 200 ribu metrik tan yang kita simpan yang boleh memberi jaminan dalam tempoh enam bulan. Kalau apa berlaku pun beras di negara kita tetap ada. Terima kasih.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua boleh pohon satu soalan tambahan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua boleh pohon satu soalan tambahan.

4. **Tuan Muhammad bin Husin [Pasir Puteh]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, sejak kilang kenaf di Pasir Puteh beroperasi apakah jenis produk yang dikeluarkan dan berapakah jumlah pengeluaran yang telah berjaya dihasilkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kilang memproses kenaf yang terdapat di Pasir Puteh adalah dikendalikan oleh sebuah syarikat tempatan. Operasi kilang tersebut masih di peringkat permulaan. Di mana ia menjalankan proses pengasingan fiber kenaf yang berkualiti tinggi sebagai bahan mentah untuk kegunaan industri. Produk-produk yang dikeluarkan adalah fiber kenaf dan empulur atau *core* kenaf yang dijual kepada sebuah syarikat pengguna tempatan. Di peringkat awal jumlah produk kenaf yang telah dihasilkan oleh kilang berkenaan, adalah sebanyak 14 tan fiber dan 35 tan empulur. Bahan tersebut selanjutnya dijadikan bahan mentah dan diproses bagi pengeluaran *fibre board* kenaf untuk pasaran luar negara. Terima kasih.

**Tuan Muhammad bin Husin [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan kerajaan mengadakan projek kenaf ini ialah untuk memberi gantian kepada tanaman tembakau yang berlaku banyak di Kelantan khususnya di Pasir Puteh tetapi, setakat ini dengan adanya kilang ataupun projek tanaman kenaf ini, soalan tambahan ialah apakah ia memberi keuntungan kepada bekas-bekas penanam tembakau. Apa yang berlaku kalau kita lihat di Pasir Puteh ialah kenaf ini tidak menjadi tanaman alternatif kepada tembakau setakat ini. Hasil yang mereka dapati juga tidak seberapa dan menjadikan penanam tembakau di tempat berkenaan mendapat kerugian besar dalam mengadakan projek kenaf ini. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kenaf bukanlah sebagai *alternative crop* dengan izin, kepada tanaman tembakau. Kita pada asalnya ingin mencari satu lagi tanaman yang boleh digantikan daripada tanaman tembakau. Salah satunya yang kita fikirkan mungkin kenaf boleh menggantikannya.

Akan tetapi apabila ditanam di kawasan tanaman tembakau di Pasir Puteh, di mana tanahnya adalah tanah bris, maka ia tidak dapat mengeluarkan hasil yang dijangkakan. Dengan itu kerajaan sedang mencari alternatif lain untuk kita membantu penanam-penanam tembakau di Pasir Puteh. Walau bagaimana pun, kita bukan seterusnya tidak menggalakkan tanaman kenaf di Kelantan atau di mana-mana dalam negara kita sebab kita menjangkakan kenaf juga adalah merupakan satu lagi komoditi yang boleh memberikan hasil yang lumayan kepada penanam-penanam jika dibandingkan dengan beberapa tanaman yang ada dalam negara kita. Oleh sebab itu galakkan diberikan untuk seluruh rakyat yang mempunyai tanah-tanah terbiar yang boleh dibangunkan dan dimajukan dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara akan

membantu kepada penanam-penanam dalam tanaman kenaf yang ada di seluruh negara. Maka, bukan bermakna kerajaan membiarkan kerugian berlaku kepada mereka yang berusaha dalam tanaman kenaf. Kerana kita sentiasa ingin membantu rakyat yang ada dalam negara khususnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah berjaya memperkenalkan satu lagi tanaman komoditi yang boleh memberi harapan kepada rakyat untuk menambah pendapatan. Akan tetapi saya dapati bahawa, dimaklumkan hasil tanaman kenaf ini yang telah diuar-uarkan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang berusaha menggalakkan petani-petani untuk mengusahakan tanaman kenaf ini. Ia tidak begitu menguntungkan. Jadi ada petani-petani yang terlibat telah mengalami kerugian, jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Apakah jaminan kerajaan ataupun usaha-usaha kerajaan untuk memastikan bahawa pengusaha-pengusaha tanaman kenaf ini tidak terus mengalami kerugian dan apakah langkah-langkah yang boleh dibuat oleh kerajaan untuk membantu mereka. Juga saya difahamkan bahawa tanaman kenaf ini akan mengimport serangga-serangga ataupun membawa serangga-serangga yang boleh memusnahkan tanaman-tanaman lain yang berdekatan dan ini menyebabkan petani-petani yang menanam tanaman lain di kawasan tanaman kenaf ini akan mengalami kerugian. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin jelaskan pertama, kalau sesiapa mengatakan tanaman kenaf tidak menguntungkan itu adalah sesuatu yang hanya menjadi persepsi semata-mata. Ini adalah kerana apabila kajian yang kita buat dengan bantuan dan insentif yang kerajaan berikan melalui LKTN ini, penanam-penanam kenaf terjamin sekurang-kurangnya dalam satu musim akan mendapat jumlah hasil yang agak lumayan iaitu sehingga RM3,000 pendapatan sehektar semusim. Ini menunjukkan bahawa sekiranya mereka menanam dua kali dalam setahun, pendapatan mereka berjumlah lebih kurang RM6,000 satu tahun. Ini memberikan satu pulangan yang agak besar kalau dibandingkan beberapa tanaman yang ada dalam negara kita.

Maka, sebab itu saya katakan tadi bahawa persepsi yang mengatakan tanaman ini tidak menguntungkan adalah sesuatu yang salah dari segi pandangan mereka yang benar-benar tidak dapat melihat dengan secara yang lebih mendalam. Ini adalah kerana kita memberikan insentif sewa tanah sebagai contoh. Kita akan berikan insentif sebanyak RM250 setahun bagi tanah satu hektar semusim. Maka, bermakna dalam satu

tahun insentif yang diberikan adalah RM500 satu tahun. Untuk jualan batang, kita berikan gerenti sebanyak RM500 satu tan satu musim. Begitu juga dengan kos penanaman di mana kerajaan membantu sehingga 30% daripada kos tanaman yang ditanam oleh penanam-penanam. Maka, ini akan memberikan satu pulangan yang agak lumayan juga kalau dibandingkan beberapa tanaman lain seperti tanaman padi sebagai contohnya.

Sebab itu anggapan mengatakan bahawa kita tidak memberikan satu bantuan yang mencukupi adalah sesuatu yang tidak benar. Saya berjanji di sini bahawa kerajaan melalui LKTN akan sentiasa membantu mereka yang mahu berusaha dalam tanaman kenaf yang akan menjadi satu lagi produk komoditi yang besar dalam negara. Sekian, terima kasih.

*[Soalan No.5 - Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) tidak hadir]*

**6. Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]** minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada kerajaan bercadang untuk mengkaji semula Akta Penempatan Berkelompok 1960 (Akta GSA 1960) bagi membolehkan tanah-tanah yang diberikan kepada Felda Plantations diambil kembali dan dimanfaatkan bagi penempatan generasi kedua FELDA dan jika tidak apakah rancangan komprehensif kerajaan untuk mengangkat status sosioekonomi generasi kedua FELDA.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat Keteher pada 13 Julai 2010 kerana saling berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji Akta Penempatan Berkelompok GSA kerana pelaksanaan akta ini telah:

- (i) berjaya mewujudkan 317 tanah rancangan FELDA di seluruh negara dengan penglibatan 225,270 orang suami dan isteri yang merupakan peneroka dan peneroka wati;
- (ii) penempatan berkelompok dan terancang dengan tanaman getah dan sawit telah berjaya mengeluarkan peneroka daripada kitaran ganas belunggu kemiskinan serta diiktiraf sebagai usaha pembangunan tanah seumpamanya yang paling berjaya dalam dunia;

**■1050**

- (iii) pengurusan tanah secara berkelompok dapat menyediakan prasarana, penyaluran bantuan, khidmat nasihat dan pemantauan secara lebih teratur dan cekap; dan
- (iv) akta ini adalah untuk kepentingan peneroka kerana dapat mengelakkan pemecahan tanah yang akhirnya membawa kepada saiz kecil yang tidak ekonomik dan mengelakkan daripada tanah digadai dan tergadai.

Pengurusan berskala besar pula menjadikan FELDA antara pemilik ladang paling luas di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga tidak bercadang untuk memberikan 340,882 hektar tanah milik FELDA yang diuruskan oleh Felda Plantations kepada generasi baru peneroka. Ini disebabkan jika tanah itu diagihkan kepada kira-kira 1.6 juta generasi baru anak dan cucu peneroka, setiap orang hanya akan mendapat 0.2 hektar atau setengah ekar seorang. Tanah sekecil ini tidak ekonomik untuk diusahakan dan kedudukan yang berselerak tanpa kemudahan asas tidak sesuai untuk penempatan.

Jika kerajaan memberikannya kepada generasi baru di 317 kawasan rancangan, bagaimana pula dengan rakyat di 15,000 buah kampung di seluruh negara yang juga inginkan tanah. Kerajaan bercadang untuk membuka lagi FELDA dengan model baru hanyalah untuk rakyat miskin tegar tanpa mengira kaum jika ada kerajaan negeri yang ingin memberikan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, purata enam tahun keuntungan bersih tanah seluas 340,882 hektar yang diusahakan secara komersial oleh Felda Plantations ialah sebanyak RM1.1 bilion setahun. Hasil ini kerajaan kembalikan semula kepada peneroka dan generasi baru melalui pelbagai ikhtiar sosioekonomi dan program bersepadu, antaranya:

- (i) sara hidup tanam semula dan pendahuluan hasil;
- (ii) bonus insentif produktiviti tahunan;
- (iii) pembiayaan saham Koperasi Permodalan FELDA (KPF);
- (iv) tabung Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF);
- (v) dana khas membantu mengatasi kemiskinan di Sabah;
- (vi) skim insurans kelompok percuma berlandaskan syariah;
- (vii) tabung bantuan kebajikan peneroka dan sumbangan Hari Raya;
- (viii) skim pembesaran rumah pinjaman tanpa riba;

- (ix) skim tuisyen percuma UPSR, PMR dan SPM;
- (x) asrama semai bakti, pusat literasi keluarga, PDK dan MRSM;
- (xi) bantuan pengajian tinggi dan dana khas pelajar cemerlang;
- (xii) program latihan pelbagai kemahiran percuma generasi baru dari membaiki motosikal hingga kepada menjadi jurutera kapal terbang dan juga pilot;
- (xiii) projek FELDA Jaya dan pembinaan perumahan warga FELDA, lima projek sudah siap dan sepuluh projek dalam proses;
- (xiv) pelbagai dewan, keceriaan kampung, kompleks sukan, surau, masjid;
- (xv) dasar pendapatan minimum peneroka;
- (xvi) projek Taman Dapur, IKS, gedung makanan negara; dan
- (xvii) pembangunan institusi dan masyarakat digital FELDA.

Jika tanah *plantation* ini diberi untuk penempatan, segala 17 usaha besar yang bernilai berbilion ringgit ini untuk manfaat warga peneroka tidak akan dapat dilaksanakan. Macam-macam yang telah kita laksanakan membangunkan peneroka dan generasi barunya yang diusahakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Macam-macam ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita imbau singkap sedikit tatkala membentangkan *Group Settlement Act*, Undang-undang Tanah secara kelompok oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. Janjinya jelas. Rasional mengambil tanah ini adalah untuk memastikan perjalanannya berkesan tetapi janjinya juga bahawa tanah itu adalah milik peneroka dan tidak diserahkan kepada syarikat. Boleh semak *Hansard*.

Memang benar kita tidak mencadangkan supaya pengagihan ini sehingga tanah itu tidak bersaiz ekonomik, tidak ada kenyataan yang ke arah sedemikian. Yang dibangkitkan adalah kerana kita boleh senaraikan 414 usaha yang dibuat oleh FELDA, tidak siapa nafikan. Soalannya ialah pulangan itu dan hasil tidak setimpal dengan ikhtiar dan pengorbanan peneroka, itu isunya.

Umpamanya - Yang Berhormat Sri Gading dengar... [Ketawa] Umpamanya, milik *Felda Plantations*, kos pengurusan meningkat, ketelusan dan pertanggungjawaban dipersoalkan. Soalnya, umpamanya FELDA belum bayar tabung tanam semula RM17,000 yang telah dipotong selama peneroka mengeluarkan hasil. Di Palong 4 -

RM70,000 berhutang setelah tujuh tahun tanam semula. FELDA Sungai Buaya - setiap peneroka dijanjikan RM120,967 seekar. Berdasarkan purata setiap peneroka memiliki 7.9 ekar maka patut menerima RM961,000 seorang yang dikeluarkan baru ini di Hulu Selangor RM50,000 setelah sepuluh tahun. Mana baki RM810,000 yang tertunggak sejak tahun 2000? Ini isu yang dibangkitkan.

Tidak ada isu yang jawapan berjela-jela, 414 kerja telah dibuat oleh FELDA yang tidak kita pertikai tetapi yang kita pertikai mengapa beban ditanggung oleh peneroka dan mengapa syarikat yang diserahkan, tidak boleh serah kepada peneroka, jual kepada syarikat dan kroni boleh. Ini isu yang dipertikaikan. Memang dapat persetujuan di Negeri Sembilan, di Hulu Selangor sebelum ini di bawah pentadbiran yang lama, mudah diberikan tanpa perhatian menjamin kedudukan mereka. Oleh yang demikian, saya ingin mohon penjelasan daripada kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri, menteri ke sekarang atau timbalan menteri? Bagaimana tentang kedudukan, pemberian dividen ...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, soalan difahami.

**Datuk Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Pemberian dividen dan bonus berasaskan anggaran baki perolehan sejumlah RM27 juta daripada tanah 500 ekar berkenaan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Banyak betul soalan tambahan Ketua Pembangkang ini. Sebenarnya bukan 414, kita ada 50 pembaharuan baru di bawah Perdana Menteri yang menjaga FELDA. Saya baru baca 17, ada 50 semuanya.

Tadi disebut tentang geran tanah, saya ingin memaklumkan bahawa kita bagi hak milik kepada peneroka. Sebagai contoh sekarang ini, 65% daripada peneroka telah mendapat hak milik, bukan kita tidak bagi tetapi kita bagi. Yang lain apabila prosesnya selesai kita akan berikan hak milik kepada peneroka. Kemudian, ada juga disebut sebagai pulangan tidak setimpal. Satu-satunya agensi kerajaan di negara ini yang memberikan pendapatan minimum adalah FELDA. Tidak ada lagi agensi kerajaan yang memberikan pendapatan minimum kecuali FELDA iaitu minimum RM1,000 sebulan.

Kalau harga sawit dan getah merosot daripada pulangan RM1,000 sebulan, FELDA akan memberikan subsidi kepada peneroka dengan percuma sehingga pendapatan itu mencecah kepada RM1,000. Satu lagi yang disebut ialah tabung tanam semula. Tabung tanaman semula ini memang duitnya dikumpul oleh peneroka tetapi bukan berjumlah RM17,000. Tabungnya berjumlah RM9,000. Oleh sebab untuk tanam semula kos sekarang bukan RM9,000 tetapi adalah berjumlah RM17,000. Baki selebihnya itu adalah subsidi FELDA kepada peneroka. Mereka semua akan diberi,

RM17,000 itu semua akan diberi tetapi hendaklah ada bukti-bukti ditanam semula. Kalau kita beri sekali gus RM17,000 apa akan berlaku? Mereka guna duit itu untuk beli perkara lain dan tidak buat tanam semula. Apabila sudah ditebang, yang tertentu kita keluarkan jumlah yang tertentu, itu dasar FELDA untuk manfaat peneroka.

Satu lagi tentang Sungai Buaya ini. Sungai Buaya bukan lagi di bawah FELDA. Penduduk Sungai Buaya telah keluar daripada FELDA, lama dah mereka keluar. Mereka menerima janji daripada syarikat sendirian berhad yang tidak ada kaitan dengan kerajaan. Pun begitu kita masih lagi berusaha untuk membantu penduduk Sungai Buaya sebagaimana yang telah kita lakukan baru-baru ini. Itulah yang ingin saya sampaikan.

Satu lagi tentang anggaran bonus yang disebut oleh Ketua Pembangkang tadi. Tidak ada satu agensi kerajaan di Malaysia ini yang memberikan bonus setiap tahun kepada anggotanya kecuali FELDA.

#### ■1100

Sejak Perdana Menteri mengambil alih FELDA, kita berikan bonus kepada peneroka. Seumur hidup peneroka tidak dapat bonus, tetapi kita berikan bonus kepada peneroka. Inilah kehebatan Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap soal untuk membangunkan masyarakat FELDA tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya berdukacita kerana ada tuduhan jahat. Ini hendak bangunkan masyarakat FELDA tetapi, ada tindakan jahat daripada luar yang disebut dalam *internet*. Tuduhan daripada satu pihak lain menuduh Perdana Menteri hendak memfliskan, dan hendak bankrapkan FELDA, kononnya kedudukan FELDA telah merosot daripada RM4.5 bilion kepada RM200 juta.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini, bagaimana kedudukan kewangan FELDA sekarang ini? Di mana telah pun dibelanjakan bagi meningkatkan sosioekonomi masyarakat FELDA? Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Memang ada di dalam *internet* satu surat terbuka daripada seseorang yang disebut sebagai bekas Timbalan Menteri yang menjawab tentang FELDA. Tuduhan RM4.5 bilion kedudukan tunai FELDA, sekarang tinggal RM200 juta dan ada juga permintaan supaya disiasat oleh SPRM.

Saya ingin menjelaskan, pada tahun 2004 kedudukan tunai FELDA ialah RM4.08 bilion. Pada akhir tahun 2009, kedudukannya RM1.35 bilion merosot RM2.73 bilion. Wang itu kita bukan kita 'songlap' sebagaimana yang dituduh, tetapi wang itu kita gunakan - RM241 bilion pelbagai pembangunan sosioekonomi, latihan kemahiran, insentif produktiviti, insurans, prasarana dan macam-macam lagi. *RM2.41 billion* untuk pelbagai pembangunan sosioekonomi - *RM2.41 billion*. RM2 bilion lagi ialah pembangunan tanam semula termasuk sara hidup dan pendahuluan hasil - itu sudah RM4.41 bilion. RM603 juta ialah kita bagi pinjam untuk besarkan rumah peneroka - 19,546 buah rumah peneroka, pinjaman rumah mudah tanpa riba. RM662 juta pula ialah untuk membeli menara FELDA yang ketika kita beli harganya ialah RM935 sekaki persegi. Sekarang ini meningkat kepada RM1,400 ke RM1,500 sekaki persegi. Satu lagi ialah RM253 juta kita belanjakan dana khas bantuan membasmi kemiskinan di Sabah. Itu duit merosot dari segi kedudukan tunai. Namun, harta semasa - aset FELDA.

Pada tahun 2004 - RM9.17 bilion meningkat pada tahun 2009 kepada RM15.37 bilion; peningkatan RM6.2 bilion; tunai merosot RM2.73 bilion; dan aset meningkat RM6.2 bilion. Jadi itulah tunai berkurang tetapi, kita usahakan untuk pelbagai manfaat peneroka dan kita juga membuat pelaburan di Indonesia, Turki, China, Afrika Selatan, Australia, Pakistan, Dubai, Arab Saudi, Amerika dan Kanada. Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan disentuh mengenai pembasmian kemiskinan di Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Balik Pulau. Saya sudah panggil Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat. Sila.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat mengatakan berbilion-bilion dibelanjakan untuk warga di FELDA - mungkin betul. Akan tetapi soalan saya, kenapa baru-baru ini saya tengok orang Felda Kemahang terpaksa berjuang berhabis-habisan sampai ke Mahkamah Persekutuan? Mereka menggunakan dana sendiri, cari peguam sendiri, sehingga ke saat akhir ketika menang pun kerajaan mengambil pendirian tidak mengaku kalah. Memberi kekangan, itu berpuluh-puluh tahun kita kena lawan. Adakah sikap begini yang dikatakan mempermudah dan memperkasakan masyarakat FELDA? Itu sikap membebankan. Mohon penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih. Felda Kemahang 3. Saya tahu tempat itu, saya pernah pergi tempat itu dan berkubang di tempat itu... *[Ketawa]* Saya kenal dengan orang-orang di situ, tidur di sana! Apa yang berlaku pada hari

apabila kes itu dibawa ke Mahkamah Persekutuan, peguam FELDA tidak hadir atas sebab teknikal. Peguam FELDA itu berhenti kerana ayahnya ada penyakit kanser. Ia tidak menyatakan kepada fail utama menyebabkan berlaku *miscommunication* dan tidak datang peguam bela FELDA.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Cerita dongeng ini...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Dongeng? Saya tidak berbohong di dalam Dewan Rakyat, ya. Kemudian hakim memutuskan tanpa memanggil peguam bela FELDA, hanya memanggil peneroka tiga orang tanpa memanggil peguam bela FELDA dan hakim memutuskan - ia kata peguam bela tidak hadir, maka peneroka menang. Kita bawa ke Mahkamah Rayuan, serupa keputusannya begitu. Ia kata tidak datang! Peguam bela FELDA tidak datang, jadi peneroka menang. Bukan kerana FELDA menipu peneroka, tetapi peguam bela FELDA tidak datang... *[Ketawa]*

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Apa punya teruk peguam, tidak ada *lawyer* hendak bantu FELDA...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab itu kes ini sekarang berada dalam semakan kehakiman dan belum selesai. Itu penjelasan saya.

7. **Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]** minta Perdana Menteri menyatakan, setakat ini berapa peratuskah peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan di Sabah yang telah dibelanjakan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang-di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Kalabakan. Sebelum itu, saya mengalu-alukan kehadiran JKK Kampung Kati; pelajar-pelajar Sekolah Menengah Lambor Kiri, Parit; dan guru-guru SJK(T) Kuala Langat yang turut hadir pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 7 Jun 2010 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM21.74 bilion bagi melaksanakan 3,739 projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan di seluruh negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM14.79 bilion iaitu 68.1% telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek-projek RMKe-9. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya kemukakan ini saya mahu tahu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, berapa peruntukkan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan? Kemudian

hingga sekarang ini, berapa yang sudah dibelanjakan? Itu sahaja yang saya mahu tahu, tetapi belum ada jawapan begitu. Sehingga sekarang, berapa yang sudah dibelanjakan dan berapa peratus yang tidak dapat dibelanjakan? Itu yang saya mahu tahu.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun kemukakan jawapan tadi kepada Yang Berhormat dari Kalabakan. Saya sudah katakan bahawa RM21.74 bilion diperuntukkan. Peruntukkan ini pada mulanya memang tidak sebanyak RM21 bilion. Pada tahun 2009, awalnya bekas Perdana Menteri kita telah mengumumkan RM1 bilion tambahan, kemudian ada pembangunan koridor yang telah ditambahkan dengan peruntukkan. Jumlah semua RMKe-9 pada mulanya kurang, tetapi selepas itu ditambah melalui pembangunan koridor untuk memudahcarakan... Saya habiskan dahulu Yang Berhormat, saya habiskan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, ini sudah menyeleweng.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tidak, tidak...

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** ...Ini kerana saya mahu tahu... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi jawapan saya. Saya habiskan - saya minta supaya Yang Berhormat memberi saya masa untuk jelaskan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Kita mahu Rancangan Malaysia Kesembilan bukan koridor...

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

■1110

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih. Maka apabila kita kata koridor ada juga input daripada kerajaan untuk memudahkan *infrastructure*. Selain itu pakej khas yang diumumkan RM1 bilion oleh Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri kita ketika itu pun termasuk maka dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, apabila kita kata pembangunan semuanya ada dalam RM21.74 bilion dan setakat ini ada 22 agensi yang telah digunakan untuk membelanjakan duit ini, RM14,803,763,618 juta telah dibelanjakan. Bererti hampir 68% telah dibelanjakan. Itu maklumat yang ingin saya berikan. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak puas hati, rakyat Sabah tidak puas hati kerana Rancangan Malaysia Kesembilan berlainan, koridor berlainan, itu pakej khas berlainan. Ini penyelewengan jadi kita tidak mahu, kita mahu jawapan yang sebenar.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, duitnya datang daripada Kerajaan Persekutuan maka apabila kita rancang pada tahun 2006 sebagai landasan maka tuntutan dan juga projek-projek yang telah dibekalkan memang ada. Selepas itu apabila kita tengok infrastruktur...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini jawapan daripada menteri saya rasa rakyat Sabah mendengar sekarang, jawapan yang penting ini.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Ini saya tidak bagi laluan dah masuk. Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Putatan...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Rancangan Malaysia Kesembilan banyak yang belum siap. Kalau jawapan macam ini mengecewakan rakyat negeri Sabah.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua, biar saya habis jawab dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan. Maka apabila kita campurkan lima tahun projek-projek pembangunan sekali, kita tidak boleh asingkan ini projek RMKe-9, ini projek koridor, ini projek NKRA yang telah diumumkan pada tahun 2009. Sekali gus kita tengok berapa banyak yang telah kita belanjakan kerana projek-projek ini sedang dilaksanakan dan dihabiskan untuk projek DE atau *Development Expenditure* dan mungkin akan dibawa ke tahun 2011 sekali. Okey, itulah jawapan yang saya hendak beri.

Sekali lagi saya hendak tegaskan 68.1% iaitu RM14.79 bilion telah dibelanjakan setakat ini untuk Rancangan Malaysia Kesembilan termasuk projek-projek yang telah saya katakan.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hal Sabah pun Yang Berhormat Gombak masukkah? Biarlah saya yang urus.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Saya pemimpin rakyat Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak pernah pun datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, semalam dalam perbahasan saya berhubung Rancangan Malaysia Kesepuluh saya turut menyentuh *performance*, prestasi yang telah dicatatkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan ada kaitan dengan soalan yang ditanya oleh sahabat saya Yang Berhormat Kalabakan.

Dalam rekod yang tercatat termasuk ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas menunjukkan hanya 15.7% projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah disempurnakan dan disiapkan dan rekod juga mencatatkan sejumlah RM193 bilion yang belum lagi dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, maknanya projek-projek itu belum disiapkan dan saya percaya sebahagian besar projek-projek ini berada di negeri Sabah. Persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kalabakan tadi mengapa pengumuman telah dibuat tetapi pelaksanaannya tidak disempurnakan, projek-projek tidak disiapkan.

Apakah ini hanya retorik politik UMNO untuk mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen di Sabah kerana ini penting mengapa tidak dilaksanakan RM193 bilion, yang disempurnakan hanya 15% sahaja. Saya ingat MIC tidak perlu jawab soalan ini, kalau boleh kita cari wakil UMNO. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila teruskan.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, kenakalan Yang Berhormat Gombak itu keterlaluan. Saya jawab, Tuan Yang di-Pertua saya hendak jawab.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Saya bagi fakta, mengapa perlu disangkal?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia memang budak nakal Yang Berhormat, dia budak nakal dalam Dewan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Saya beri fakta dia tidak jawab, kata nakal. Saya minat dia tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Dia guna perkataan "nakal".

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab, biarlah saya jawab. Maka mana ada Tuan Yang di-Pertua Rancangan Malaysia Kesembilan itu 15% sahaja yang telah dilaksanakan. Maka tohmahan-tohmahan ini secara sewenang-wenangnya akan menggugat kemuliaan Dewan ini kerana seorang Ahli Yang Berhormat mesti bertanggungjawab apabila melontarkan statistik kerana ini

boleh memberi gambaran yang berbeza bahkan satu Rancangan Malaysia Kesembilan, saya jawab Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Statistik ini saya telah semak dalam semua rekod termasuk ucapan Perdana Menteri, saya sebut tadi.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya tengah jawab, saya tidak mahu Yang Berhormat Gombak mengganggu saya. Saya tengah menjawab kerana saya rasa ini adalah satu statistik yang salah. Saya rasa 15% itu satu yang salah dan berapakah jumlah Rancangan Malaysia Kesembilan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Bagi yang betul kalau betul itu salah, bagi yang betul, apakah statistik yang betul. Kenapa tidak beritahu Yang Berhormat Kalabakan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk dahulu Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya hendak beritahu 68%.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri duduk dahulu.

**Beberapa Ahli:** Duduk, duduk.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua saya habiskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah saya dengar cukup mengenai dengan soal ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh soalan tambahan lagi Tuan Yang di-Pertua?... [Ketawa] Tadi dapat tiga.

**8. Tuan Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah kerajaan bercadang memberi insentif galakan kepada bomba sukarela di seluruh negara dengan peralatan-peralatan utama bagi menampung khidmat mereka dengan bertambahnya kawasan perumahan dan penduduk sekarang ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim bin Haji Ukin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sentiasa memberikan sokongan dan insentif kepada pasukan bomba sukarela dari semasa ke semasa. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ataupun RMKe-9 sahaja kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM13.9 juta bagi pembelian peralatan kebombaanan.

Pada tahun 2008 sebanyak sebuah kereta bomba Proton Arena, 2,000 jaket api dan 2,250 pasang kasut api diagihkan kepada pasukan bomba sukarela di seluruh

negara. Selain daripada itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga sentiasa memberikan latihan kebombaannya kepada anggota bomba sukarela berkaitan dengan pemadaman dan penjagaan kebakaran bagi mempertingkatkan kemahiran pasukan. Terima kasih.

**Tuan Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Secara umum kita lihat tugas-tugas bomba ini semakin hari makin rencam. Bukan sahaja masalah kebakaran tetapi banyak kes-kes lain seperti *accident*, sampai ular sawa masuk dalam rumah pun panggil bomba juga, cuci tahi lembu tengah jalan pun bomba lagi.

Oleh itu selain daripada apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi apakah kerajaan boleh memikirkan imbuhan-imbuhan khusus terutama operasi bulanan kepada pasukan bomba sukarela. Setahu saya contoh di Kedah kita ada 40 *team* pasukan bomba, Pulau Pinang ada 30. Kalau RM200 seorang imbuhan sebulan banyak menjimatkan belanja kerajaan daripada kita buat bomba yang memerlukan belanja yang lebih banyak.

Begitu juga malang tidak berbau, kita hendak menyelamatkan orang tetapi boleh jadi mereka sendiri yang menerima malang. Apakah kerajaan memikirkan suatu skim perlindungan imbuhan kepada pasukan ini. Begitu juga mereka perlu kad kuasa. Dalam keadaan-keadaan tertentu spontan mereka pergi tempat itu, pakai *t-shirt* tidak pakai uniform, tempat berkenaan tidak dibenarkan masuk sebab tidak ada kad kuasa.

Satu lagi yang saya ingin tahu ialah mengenai dengan kedudukan bangunan, kenderaan yang diguna pakai oleh pasukan bomba sukarela di seluruh negara kebanyakannya, contoh di kawasan saya di Kuala Ketil Baling agak daif. Kenapa kita tidak boleh peruntukkan sekurang-kurangnya satu peruntukan *one off* kepada mereka. Jadi insentif yang sebegini akan memberi makna penghargaan pihak kita kepada petugas-petugas sukarela begini dan dengan sekali gus satu langkah yang lebih menjimatkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Lajim bin Haji Ukin:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Terima kasih juga kepada soalan tambahan. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan kementerian saya sedang dalam proses untuk mencadangkan kepada kerajaan, kepada Kabinet supaya bomba sukarela ini akan dijadikan bomba sukarela yang berdaftar dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

## ■ 1120

Apabila mereka ini berdaftar, mereka akan memenuhi peraturan-peraturan yang akan disyaratkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan di situ kita akan menggariskan beberapa perkara seperti yang disebut oleh Yang Berhormat termasuklah skim insurans, elaun waktu bertugas dan juga kad kuasa serta peruntukan-peruntukan yang dirasakan oleh kerajaan perlu diberikan kepada bomba sukarelawan. Setelah mereka ini didaftarkan, maka bomba sukarelawan ini akan dikenali sebagai Bomba Sukarelawan Bantuan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Terima kasih, Yang Berhormat.

**9. Datuk Raime Unggi [Tenom]** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, mekanisme yang membolehkan setiap isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana mampu menikmati faedah jalur lebar, sejajar dengan Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan (NBI).

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI), seluruh negara termasuk kawasan luar bandar akan disediakan liputan jalur lebar untuk orang awam atau *Broadband to General Population* (BBGP) berkelajuan sehingga 2MBps melalui perkhidmatan berwayar atau tanpa wayar. Pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan bagi meningkatkan kadar penggunaan jalur lebar termasuklah memperluaskan liputan jalur lebar serta perkhidmatan selular ke seluruh negara.

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga membangunkan lebih banyak Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) di luar dan pinggir bandar. Pihak pemberi perkhidmatan juga digalakkan membina rangkaian menggunakan pelbagai teknologi untuk menaik taraf kapasiti lebar jalur domestik dan antarabangsa. Pihak industri juga digalakkan untuk menyediakan pakej jalur lebar mampu milik kepada kumpulan sasaran misalnya penyediaan pakej jalur lebar oleh TM pada harga serendah RM20 sebulan bagi murid-murid sekolah dan RM38 sebulan bagi pelanggan biasa. Terima kasih.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan dalam menyediakan keperluan jalur lebar terutama kepada kelompok berpendapatan rendah dan juga sederhana, Tuan Yang di-Pertua.

Saya difahamkan juga penebusan jalur lebar berkelajuan laju telah mencapai lebih kurang 31.7% pada akhir tahun lalu dan juga pada sasaran pada akhir tahun ini adalah pada 50%.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah setakat manakah kerjasama kerajaan bersama dengan pihak GLC-GLC kita dalam telekomunikasi dalam menyediakan prasarana tersebut dan juga termasuklah memperbanyakkan daerah-daerah digital terutama di kawasan-kawasan luar bandar, Tuan Yang di-Pertua sebagai agenda Jalur Lebar Kebangsaan yang mana bermatlamat menyediakan perkhidmatan jalur lebar kepada rakyat terutama bagi kawasan di luar bandar dan juga Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan untuk pelajar-pelajar sebanyak RM20. Saya rasa RM20 ini merupakan satu bebanan kepada para pelajar. Kalau boleh dikurangkan lagi RM20 kepada RM10 atau RM5 kepada para pelajar kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Tenom yang sangat prihatin atas kemusykilan murid-murid untuk mendapatkan jalur lebar.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini memang sentiasa bekerjasama dengan GLC-GLC ataupun pemberi-pemberi perkhidmatan telekomunikasi di negara ini. Sebagaimana yang kita semua telah maklum bahawa kesemua syarikat telekomunikasi di negara ini adalah penyumbang kepada USP atau *Universal Service Provision* dan dari sumbangan kepada dana ini, mereka secara tidak langsung sama juga menyumbang kepada penyebar luas perkhidmatan tersebut. Begitu juga dana ini digunakan untuk kerajaan memberi ataupun menyampaikan perkhidmatan jalur lebar mahupun telekomunikasi biasa kepada rakyat ke tempat-tempat yang dipanggil misalnya T3. Oleh kerana kalau kita ingat bahawa syarikat-syarikat pemberi ataupun yang menyediakan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini tidak akan mampu memperluaskan perkhidmatan mereka ataupun jangkauan perkhidmatan mereka ke pedalaman sekiranya tidak melalui peruntukan dari dana USP.

Dengan cara ini, kerajaan bersama-sama dengan pemberi perkhidmatan tersebut memperluaskan perkhidmatan jalur lebar dan juga telekomunikasi biasa. Berkenaan dengan penurunan ataupun untuk mengurangkan caj kepada penggunaan jalur lebar oleh pelajar-pelajar, itu saya ingat mungkin ada sedikit masalah oleh kerana yang RM20 ini pun sudah di bawah paras harga untuk menyediakan perkhidmatan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah selepas itu *high speed broadband* telah dilancarkan, saya telah terima banyak aduan bahawa pengguna-pengguna *Streamyx* telah di prejudis. Nampaknya untuk mempercepatkan itu *high speed broadband*, pelanggan-pelanggan *high speed broadband* yang bayar lebih banyak itu yuran kepada Telekom, mereka diberi ruang yang lebih besar, *space* yang lebih besar. *Cyberspace* yang lebih besar supaya *high speed broadband* akan lebih cepat. Akan tetapi, akibatnya pelanggan-pelanggan *Streamyx* Telekom mendapati bahawa *Streamyx speed* mereka telah dilambatkan dan apakah pendirian kementerian?

Nampaknya Telekom hanya mementingkan pelanggan-pelanggan yang membayar lebih yuran kepada Telekom yang *subscribe* kepada *high speed broadband* tetapi *at the expends of the normal consumer*, pelanggannya yang *subscribe* kepada *Streamyx*. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa kejadian ini tidak akan diteruskan. Satu lagi adalah *internet speed* di Parlimen ini pun amat lambat. Apakah kementerian akan buat atas aduan-aduan tersebut?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bandar Kuching mengatakan ada aduan dari pengguna *Streamyx* bahawa mereka adalah dianaktirikan oleh Telekom. Itu hanya tohmahan yang tidak benar.

■1130

Ini kerana Telekom memang menghargai sumbangan dari pengguna ***Streamyx*** dan sentiasa menghargai langganan pengguna ***Streamyx***. Sebagaimana yang kita tahu pada masa sekarang pengguna *high speed broadband* hanyalah kurang lagi dari 6,000 sekiranya dibandingkan dengan pengguna ***Streamyx*** yang dekat 1.4 juta dan sekiranya ada kelambatan ataupun *the degradation* dalam *sub based Streamyx* itu bukan disengajakan dan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bukan. Ini kerana walaupun hanya 6,000 pelanggan *high speed broadband* tetapi ruang yang ditetapkan oleh Telekom bagi *high speed broadband* itu lebih besar...

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Yang Berhormat...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Un-proportionately larger.*

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *That's why you should be.*

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Yang Berhormat Bandar Kuching berapa lama sudah jadi *Member of Parliament*?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini tidak ada kaitan.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Belum tahu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini masalah...

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Belum tahu...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Yang dihadapi oleh apa yang kita bincang sekarang...

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Belum tahu peraturankah?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Adalah masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna...

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...*Internet* dan jangan tanya...

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Sudah...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Berapa lama saya jadi Ahli Parlimen.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini relevan.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Jikalau sudah lama jadi Ahli Parlimen, saya masih menjawab dan janganlah mencelah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu jawapan yang diputar belit...  
*[Dewan Riu]*

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Ya. Oleh sebab yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menjawab apa yang ditambahkan lagi oleh Yang Berhormat yang belum tahu bagaimana peraturan di Majlis ini.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dia tidak jawab. Dia nafikan hakikat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan selesainya jawapan daripada Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada soalan nombor 9, maka sesi bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan selesai. Setiausaha, sila.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

**USUL****RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (2011-2015)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

**“Bahawa Dewan ini,**

**menyedari** akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dalam menghadapi persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha kerajaan untuk terus melaksanakan Misi Nasional dengan disokong oleh Model Baru Ekonomi sebagai rangka dasar pembangunan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan dilaksanakan berasaskan hala tuju strategik, program dan peruntukan yang diperlukan untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan membawa negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD.3 Tahun 2010;

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat “1Malaysia : Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” dan mempunyai iltizam yang teguh bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk menjayakan pelan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju, berdaya tahan dan berdaya saing, demi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia”. **[15 Jun 2010]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sungai Siput, saya difahamkan Yang Berhormat Sungai Siput mempunyai 29 minit lagi. Sila.

**11.33 pg.**

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang berbahas RMKe-10. Pada hari Rabu yang lalu, saya telah berjumpa beberapa ahli NGO India di lobi Dewan Negara. Mereka datang kerana mereka tidak puas dengan cara *scholarship* biasiswa JPA diberi. Pada pandangan mereka, ramai murid India yang miskin tetapi yang dapat keputusan SPM yang begitu bagus tidak dapat dan banyak biasiswa JPA diberi kepada lapisan India yang kaya dan

juga yang ada hubungan dengan pemerintah. Kumpulan NGO ini membawa tiga tuntutan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Satu ialah, pemberian biasiswa untuk kaum India harus mengikut lapisan sosioekonomi. Oleh sebab 31% daripada masyarakat keluarga India mendapat pendapatan RM2,000 sebulan dan ke bawah. Terdapat 31% daripada biasiswa JPA harus dikhaskan untuk murid-murid daripada keluarga-keluarga yang miskin ini. Oleh sebab 24% daripada keluarga India dapat pendapatan bulanan di antara RM2,000 dan RM3,000 sebulan, dia minta 24% daripada JPA *scholarship* atau biasiswa JPA dan *scholarship* lain juga harus ditawarkan kepada kategori ini. Mereka kata tidak mengapa jika murid-murid daripada keluarga miskin tidak mendapat 12A, 4A atau 5A pun cukup. Akan tetapi beri mereka peluang. Mereka juga kata hanya 21% daripada keluarga India dapat pendapatan bulanan yang melebihi RM5,000 sebulan. Dikatakan hadkan pemberian sub biasiswa kepada kumpulan lapisan India yang terkaya ini iaitu RM5,000 ke atas ini ke 21%.

Tujuan kedua mereka ialah nama-nama murid India yang ditawarkan biasiswa JPA harus disenaraikan di surat khabar-surat khabar supaya orang awam dapat tahu, siapakah dia? Sekolah manakah dia? Dan juga apakah kategori sosioekonomi dia? Kita mesti ada satu sistem yang *transparent* dan telus dalam pemberian *scholarship*.

Tuntutan ketiga mereka ialah pemilihan untuk biasiswa bagi setiap kategori dan lapisan sosioekonomi ini harus ditumpukan kepada pencapaian akademik sahaja. Sekarang kaedah untuk memberi 20% untuk ko-kurikulum dan sebagainya, ini membuka ruang untuk mereka yang ada hubungan politik ataupun dengan pentadbiran untuk tipu proses ini. Jadi, saya haraplah pihak kerajaan yang mengendalikan pemberian biasiswa kepada murid-murid India ambil perhatian setiap perasaan komuniti India dan tiga tuntutan ini. Saya rasa tuntutan ini juga adalah relevan situasi kaum-kaum lain juga. Ia tidak mencukupi untuk kita memohon dan mendapatkan kuota untuk kaum kita. Kita juga harus memastikan kuota ini sampai ke sasarannya iaitu lapisan miskin dalam lapisan kaum kita juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan kembali kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh. Pelan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini bergantung sangat kepada pelaburan swasta. Ia ini akan jadi dengan izin, *the main driver of economic growth*. Ini

adalah hasrat kerajaan untuk meningkatkan jumlah yang dilabur oleh pihak swasta daripada RM60 bilion setahun pada masa ini ke RM115 bilion setahun. Ini pelaburan daripada pihak swasta. Antara langkah yang terkandung dalam dokumen RMKe-10 ialah untuk mewujudkan satu *environment* yang *business friendly* atau mesra pada *business*. Ini juga untuk melonggarkan syarat dalam undang-undang yang memberi perlindungan kepada para pekerja.

Contohnya adalah cadangan untuk menjadikan lebih mudah untuk memberhentikan pekerja. Selain itu juga, ada cadangan untuk mengurangkan cukai korporat dan untuk menggantikan cukai korporat ini dengan cukai GST yang akan membebankan rakyat biasa. Selain itu juga, ada pelan untuk memotong subsidi. Ini kerana dikatakan ini akan membawa defisit dalam bajet. Tujuannya ialah supaya dapat penilaian yang baik dan positif daripada agensi antarabangsa yang menasihatkan pelabur. Satu lagi langkah yang akan diambil ialah dana sebanyak RM20 bilion untuk membantu pihak swasta melabur.

Tuan Yang di-Pertua, dana RM20 bilion ini ada satu yang begitu besar. Negeri atau *state* yang terkaya di Malaysia adalah Selangor dan bajet tahunan Selangor hanya RM1.4 bilion. Jadi bajet 20 dana ini adalah 15 kali ganda lebih besar daripada bajet satu negeri, negeri Selangor. Jelasnya adalah RMKe-10 ini begitu baik untuk syarikat swasta di Malaysia yang ada hubungan rapat dengan pihak pemerintah. Durian bernilai berjuta-juta ringgit sedia runtuh. Ke tangan siapakah? Itulah persoalannya.

Masalahnya untuk rakyat Malaysia adalah hampir semua langkah kerajaan untuk meningkatkan pelaburan swasta di Malaysia akan membawa kesan yang negatif pada masyarakat marhaen di Malaysia. Perlindungan untuk para pekerja akan dikurangkan. Cukai baru iaitu cukai GST akan dikenakan atas rakyat biasa, subsidi akan ditarik balik, kualiti rawatan di hospital kerajaan akan jadi lebih teruk akibat polisi *health tourism* ataupun pelancongan kesihatan, dan kos pendidikan semakin naik akibat penswastaan.

Jadi, nampaknya Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah turut serta dalam *race to the bottom*, dengan izinnya. Kita berlumba-lumba dengan negara-negara lain di rantau kita untuk sampai ke tahap minimum iaitu dari peringkat menjaga pekerja, alam sekitar, dan cukai kita berlumba. Dalam persaingan hebat kita untuk mendapatkan pelaburan, kerajaan sanggup mengorbankan kepentingan rakyat berpendapatan rendah.

#### ■ 1140

Itulah masalahnya dengan RMKe-10 ini. Persaingan hebat ini bukan hanya untuk pelabur asing, pelabur tempatan juga boleh membawa modal mereka untuk melabur di

negara lain jika mereka dapat terma yang lebih baik. Kita baru dengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, FELDA pun sudah angkat ia punya modal ke atas, ke luar negara.

Jadi inilah realiti ekonomi dunia pada masa ini, para pelabur adalah agung. Mereka boleh pergi ke mana-mana negara yang beri mereka syarat yang lebih lumayan. Oleh itu, kerajaan-kerajaan yang memilih strategi bergantung kepada pelabur swasta terpaksa memujuk para pelabur sampai ke tahap kita mengabaikan rakyat kita sendiri. Inilah bahaya strategi pembangunan yang bergantung pada pelaburan swasta tetapi, inilah polisi utama kerajaan dalam RMKe-10.

Mengikut dokumen RMKe-10, perkembangan GDP atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 6% adalah disasarkan. Inilah *target* kita, *6% a year*. Ini satu *target* Tuan Yang di-Pertua, yang amat susah dicapai. Sistem ekonomi global yang menghadapi masalah serius dalam permintaan kasarnya. Pendekatan korporat untuk mengurangkan kos termasuk paras gaji yang dibayar menjejaskan kemampuan rakyat biasa membeli barangan yang dikeluarkan oleh para pelabur. *There is problem with demand*. Kelembapan permintaan pasaran adalah masalah pokok yang menyebabkan krisis ekonomi pada zaman ini.

Respons tradisional negara-negara maju adalah untuk memakai kaedah kes untuk memacukan ekonomi dengan meningkatkan perbelanjaan kerajaan (*government spending*) untuk membuat *pump priming*. Di Malaysia juga kita pakai kaedah itu. Dahulu kita pakai RM7 bilion, selepas itu kita pakai RM60 bilion sebagai usaha merangsang ekonomi.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Sungai Siput, saya ingin mohon penjelasan. Saya selaku generasi muda yang bakal mewarisi negara ini, mendengar penjelasan Yang Berhormat, saya amat kluatir. Ini kerana baru-baru ini, antara benda yang dibincangkan di negara yang kaya iaitu di negara Teluk yang mana ketika itu krisis Teluk amat ketara tetapi, andaian pertama mengatakan *the real time bomb* ialah krisis Teluk iaitu Palestin dan Israel tetapi ada hujah mengatakan *the real time bomb* ialah masa depan pekerjaan golongan pekerja di Teluk yang sehingga hari ini kerana sikap demokrasi yang tidak mampan dan dasar pembangunan yang tidak mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Pada pandangan mereka, itu merupakan *the real time bomb* apabila pekerja-pekerja tidak diadili ataupun diurus dengan baik. Ini kerana terdapat satu lagi dinamik yang mana kalau gagal diurus

oleh kerajaan, kelompok yang lain – mungkin kelompok pengganas, kelompok *terrorism* yang mana kita tidak mahu wujud dalam kerangka politik dunia pada hari ini.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Masalahnya ialah sekarang pihak swasta yang melabur sedang pilih mana negara mereka boleh pergi. Ini akan bawa masalah kepada negara-negara seperti di Eropah sekarang. Mereka menghadapi masalah dengan dia punya subsidi. Saya balik ke Eropah sekarang. Strategi mereka untuk kendalikan masalah kegawatan ekonomi ialah kaedah kes. Mereka pakai banyak duit untuk *pump priming* di Eropah.

Akan tetapi strategi ini meningkatkan perbelanjaan kerajaan pada hadnya. Di Eropah, beberapa kerajaan tidak dapat membayar balik hutang mereka seperti di Iceland ataupun di Greece dan sekarang kita dengar di Sepanyol dan Portugal. Mereka ini terpaksa tarik balik subsidi, tarik balik pencen, kurangkan gaji pekerja dalam kerajaan. Itu adalah *time bomb* di *Europe* kerana kerja orang di *Europe* terjejas. Jadi, memang betul. Masalah dengan ekonomi dunia ini akan membawa masalah besar untuk rakyat miskin dan ada kemungkinan ada kekacauan dalam negara-negara ini. Okey.

Oleh kerana ekonomi global ini mempunyai kelemahan yang berpunca daripada strukturnya sendiri, risiko kegawatan ekonomi akan sekali lagi melanda dunia dalam lima tahun yang akan datang ini adalah besar. *It is big chance* kita akan ada lagi satu kegawatan ekonomi. Oleh itu, kemungkinan Malaysia akan mencapai pertumbuhan GDP sebanyak 6% setahun untuk sepuluh tahun yang akan datang ini adalah tipis, *unlikely*, tidak mungkin berlaku.

Saya ingin bertanya kepada pakar-pakar ekonomi di EPU dan Kementerian Kewangan. Mereka tidak tahukah bahawa ekonomi dunia ini tidak begitu stabil? Kita ada satu masalah dengan *consumer demand*, lembap sahaja. Walaupun mereka tahu tetapi apa yang dikeluarkan ialah satu dokumen *political* kerana mereka dipaksa, ditekan oleh Menteri Kewangan, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. “*Bawa satu dokumen yang optimis kerana saya perlu untuk election tahun depan.*” Nampaknya macam itu. Ini kerana kita lihat statistik di seluruh dunia ini, *the world economy is not doing well* tetapi apa yang diberi dalam kita punya *plan document* ini *is off the mark, completely off the mark, not realistic with 6% per year for ten years? Come on* lah, siapa *you* ini hendak tipu?... [Ketawa]

*So, that is the problem. I am very surprise* kerana saya tahu *two possibilities* lah, orang ini tidak tahu, mereka tidak *training*, mereka bodoh. *I do not believe it. I* tahu ada ramai orang yang pandai di situ. Saya ingat mereka ini mesti keluarkan dokumen seperti

ini. Katakan 6%, boleh? Tidak boleh lah. Kita perlu cari kaedah – kita tengok apa realiti, baru kita boleh aturkan strategi yang boleh kerja. Apabila kita hanya buat macam ini, *sleight of hand*, apa gunanya?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya berminat apabila Yang Berhormat Sungai Siput menggariskan kajian mengatakan bahawa pertumbuhan 6% itu barangkali tidak mungkin boleh dicapai. Kemungkinan 4% ataupun lebih kurang daripada itu. Ini bermakna matlamat yang telah digariskan atau diuar-uarkan untuk mencapai negara berpendapatan tinggi kepada garis yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu juga tidak mungkin tercapai. Kalau tidak mungkin tercapai, maksudnya persembahan yang diberi pada minggu lepas itu untuk meyakinkan rakyat itu sebagai apa?

Sekali lagi, seperti yang disebutkan Yang Berhormat Sungai Siput, saya hendak bertanya, kalau kakitangan kerajaan yang berjawatan tinggi dalam EPU menyedari perkara ini tetapi masih lagi mempunyai sikap menyembunyikan fakta atas dasar politik semata-mata sedangkan analisa ini juga sebahagian daripada tanggungjawab yang dipegang bersama oleh mereka dan kita bersama, apakah sebenarnya mereka ini bersekongkol untuk membawa negara kita ke arah yang hendak ditentukan oleh mereka sendiri? Saya minta pandangan Yang Berhormat Sungai Siput dalam hal ini. Terima kasih.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Kita tidak boleh salahkan *civil servant* lah, mereka mengikut arahan. Jika ada *political decision* untuk mengatakan kita mesti ada optimis, kita perlu ini yang optimis, apa mereka boleh buat?

Akan tetapi, saya ingin tanya inilah. Katakan *even if we can*, katakan kita boleh lakukan, katakan kita berupaya memperkembangkan ekonomi negara sebanyak 6% setahun untuk sepuluh tahun yang akan datang, adakah ini satu yang kita harus lakukan? *Can we afford to grow at 6%?* Kita semua tahu mengenai masalah pencemaran alam. Kita tahu ada masalah pemanasan dunia, masalah perubahan cuaca, masalah kenaikan paras air laut akibat pemanasan dunia. Jika kita memperkembangkan ekonomi Malaysia 6% setahun berturut-turut dalam sepuluh tahun, kita akan kembangkan ekonomi kita 80%. Jadi, *carbon dioxide* yang dikeluarkan juga 80% akan naik, pencemaran alam pun 80% akan naik.

Jika kita mahu lakukan perkembangan ekonomi GDP 6% setahun, Thailand juga mahu, Philippine juga mahu, Indonesia juga mahu, India juga mahu, China juga mahu,

mampus... [Ketawa] Alam sekitar akan mampus ya. Apa akan berlaku kepada alam kita dan cuaca dunia? Apabila kita bincang isu pemanasan dunia di Dewan ini, semua sokong. Kata, "Ya! Kita harus ambil berat" Akan tetapi apabila kita bahas rancangan ekonomi untuk lima tahun akan datang, nampaknya kita sudah lupa masalah bencana alam, masalah alam sekitar.

■1150

Pertumbuhan 6% sokong, membina dua kilang besar aluminium di Sarawak yang akan mencemarkan, sokong juga. Membanjiri Bakun dengan satu empangan besar, tenggelami satu kawasan lebih luas dari Singapura. Akan lepaskan lagi gas *methane* ke udara. Sokong. Undi, lulus. *Where are we going? What's is going on here?* Nampaknya kita di Dewan ini ada *split personality* Tuan Yang di-Pertua. *Schizophrenic* dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemimpin...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sikit, boleh? Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Sedarkah Yang Berhormat Sungai Siput bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat janji di Copenhagen menurunkan 40% *carbon emission* per kapita per GDP. Ini perkara yang perlu diambil perhatian. Yang Berhormat Sungai Siput juga mungkin perlu juga kita ingatkan Dewan. Mungkin RMKe-8 sasarannya 7.5% pertumbuhan.

Akan tetapi yang tercapai hanyalah 4.7%. Tidak pernah setahun pun dalam lima tahun RMKe-8 bahawa 7.5% ini dicapai Yang Berhormat Sungai Siput. RMKe-9 yang disasarkan 6%. Akan tetapi dalam lima tahun, 2006 hingga 2009 tidak pernah tercapai 6% pun, hanya 4.2% meskipun Petronas membenamkan RM235.6 bilion. Jadi Yang Berhormat Sungai Siput, kalau boleh saya minta Yang Berhormat Sungai Siput sebutkan. Kalau benarlah begini cara kita memacu pertumbuhan, "*are we driving at second gear for ten kilometers?*" "Apakah kita memandu pada gear dua untuk sepuluh kilometer?" Cukup ganas dan rakus.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya rasa sebagai pemimpin kita mesti selalu sedar bahawa kita diamanahkan untuk menjaga dunia ini, menjaga alam sekitar. Saya difahamkan dalam al-Quran juga dikatakan, "Ingatlah ketika Tuhan menyatakan pada malaikat bahawa Dia akan menjadikan di atas muka bumi ini manusia sebagai khalifah". Khalifah. [Tepuk] *Vice regent*, yang bertanggungjawab menjaga dunia, menjaga *environment*, menjaga alam sekitar. Konsep ini bahawa kita memegang amanah untuk menjaga alam sekitar

kita supaya digunakan oleh generasi akan datang ini termaktub dalam ajaran semua agama.

Bila kita tengok pada ajaran kaum Red Indian di Amerika Syarikat dengan izin. *"You do not inherit the world from your forefathers. You borrow it from grandchildren"*. "Dunia ini tidak diwarisi dunia ini daripada bapa *you*, *you* pinjam daripada anak cucu *you*." Ini Red Indian punya. Akan tetapi bila kita buat *plan* ekonomi ini, Rancangan Malaysia Kesepuluh ini nampaknya kita lupa semua ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi beberapa statistik untuk membandingkan Malaysia dengan negara-negara lain di dunia. Bila kita ambil negara Nepal, pendapatan per kapita mereka ialah USD1,010.00 setahun berbanding dengan Malaysia USD12,160 setahun. Jangka hayat hidup di Nepal adalah 63 tahun untuk kaum wanita. Di Malaysia adalah 74 tahun. Kadar kematian kanak-kanak di bawah lingkungan umur lima tahun, *under five mortality* di Nepal adalah 59 untuk setiap 1,000 kelahiran. Di Malaysia 12.

Jadi kita boleh tengok keadaan di Nepal begitu lebih teruk daripada Malaysia. Kita pergi ke Uganda. Uganda dapat per kapita, *income* per kapita dia ialah USD880 berbanding dengan Malaysia USD12,000. Jangka hayat hidup di Uganda 51 tahun untuk kaum wanita berbanding 74 tahun di Malaysia. *Under five mortality* kematian kanak-kanak di bawah lima tahun di Uganda 130 setiap 1,000 kelahiran. Berbanding dengan 12. Kita sepuluh kali lebih baik daripada Uganda.

Tuan Yang di-Pertua, jika negara-negara miskin seperti di Benua Afrika, seperti Nepal mahu memperkembangkan ekonomi mereka itu memang munasabah. Kita boleh kata pada mereka, *"Oh, global warming, paras air naik, you jangan memperkembangkan ekonomi you"*. Akan tetapi jika negara yang kaya macam Malaysia, macam Amerika Syarikat juga mahu memperkembangkan ekonomi mereka 3%, 5%, 6% adakah ini munasabah?

Yang saya tahu Amerika Syarikat buat, England buat, Eropah buat. Mereka tidak bertanggungjawab. Kita pun hendak ikut jugakah? Masalah di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, bukan KDNK yang terlalu kecil. Bukan kekayaan negara yang terlalu kecil. Masalahnya ialah pengagihan kekayaan negara yang tidak betul. Masalah di Malaysia ialah pemborosan, *wastage*. Masalah di Malaysia ialah pembaziran wang dalam projek-projek yang tidak perlu.

Minggu lalu kita tengok, kita dengar cadangan hendak pindah Parlimen ini ke Putrajaya dengan kos RM800 juta. RM800 juta, hendak pindah. Akan tetapi pada masa

yang sama kita dengar, “*Oh, ada defisit yang besar*”. Dalam 9 tahun kita akan jadi bankrap, kena tarik balik subsidi. Akan tetapi boleh pindah Parlimen dengan kos begitu tinggi. *What is going on? Apa kita punya values?* Dalam RMK-10 ada cadangan membina sistem MRT yang baru dengan anggaran kos RM35 bilion.

Akan tetapi ada NGO-NGO yang mengatakan kita boleh buat satu sistem *public transport* berdasarkan bas, sistem bas awam dengan *dedicated bus lane* dengan satu kos yang *a fraction of this cost*. Jadi bila cakap ini MRT ini untuk kebajikan siapa? Kebajikan pengguna biasa di Kuala Lumpur ataupun untuk kebajikan kroni-kroni yang akan dapat kontrak lumayan. *That is the question* di Malaysia bukan— kita boleh *double* kita punya per kapita.

Akan tetapi pergi ke poket siapa? Jadi isunya bukan kita menjadikan ekonomi kita lebih besar. Isunya ialah kita boleh jika kita telus, kita jujur, kita boleh membina satu negara kebajikan di mana semua rakyat hidup selesa. Akan tetapi untuk buat ini kita mesti mengawal ketamakan lapisan yang sedang membazir pendapatan negara. Rancangan Malaysia Kesepuluh masih terperangkap dalam satu *mind set* yang lama. Satu konsep membangunkan negara yang telah membatasi tarikh pelupusannya. *Pass its use by date*. Kena buang.

Ada pentinglah kita sebagai wakil rakyat yang menentukan polisi rancangan negara membuka minda kita pada *paradigm* baru, pada kaedah-kaedah baru, pada konsep-konsep baru. Saya hendak bawa satu syor yang praktikal. Mari kita menganjurkan satu lawatan sambil belajar ke Venezuela, tahun ini *by partisan*. Pakatan Rakyat, Barisan Nasional. Kita pergi ke sana supaya dapat menyaksi pendekatan mereka dalam membangunkan negara mereka.

Ini kerana di Venezuela satu kaedah yang berlainan diguna pakai. Satu kaedah yang bukan bergantung pada FDI daripada luar negeri. Yang tidak bergantung pada kebaikhatian para pelabur. Tidak bergantung pada ketamakan untung di kalangan korporat. Akan tetapi yang bergantung pada pengagihan kekayaan secara lebih adil dalam negara mereka. Bergantung pada amalan demokrasi melalui referendum untuk semua perkara yang penting.

Baiklah kita pergi bersama-sama dan belajar sedikit daripada mereka. Mungkin kita akan dapat idea yang baru daripada mereka.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Saya boleh?

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Sungai Siput, sedikit sahaja soalan saya. Saya juga merasa perlukan satu paradigma baru dalam merangka agenda wawasan ataupun ekonomi Malaysia ataupun Malaysia mengatakan satu muafakat baru rakyat. Akan tetapi yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat Sungai Siput saya khuatir tidak akan dipersetujui oleh APCO. APCO bertujuan ada di dalam *website* dia, membangkitkan semula, meneruskan hubungan baik Malaysia dengan Amerika Syarikat. Mohon penjelasan.

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, saya tahu perkara APCO, kita kena pergi Venezuela saya ingat. [Ketawa] Okey saya akan akhiri ucapan saya sudah sampai masa. Pada kami di Parti Sosialis Malaysia ini, Rancangan Malaysia Kesepuluh ini adalah rancangan yang cacat, *sorry*. Ini rancangan yang tidak ambil kira realiti ekonomi dunia pada tahap ini. Yang langsung tidak ambil kira tanggungjawab kita terhadap masalah cuaca dan alam sekitar.

#### ■1200

Diri kita tidak akan berjaya. *You cannot go it 6%*. Akan tetapi apa yang boleh *you* buat, *you* boleh menyusahkan rakyat. *You* boleh tarik semula subsidi. *You* boleh ubah undang-undang yang memberi perlindungan kepada para pekerja. *You* boleh kenakan GST. *You* akan menyusahkan rakyat tetapi itu akan mencapai 6% itu. *So, it is very bad plan*. Ini akan membawa masalah untuk masyarakat marhaen di Malaysia. PSM ini tidak dapat menyokong Rancangan Malaysia Kesepuluh ini yang 'cacat' dan kita akan terus membawa isu-isu subsidi, isu GST, isu penswastan kesihatan dan lain-lain ke perhatian rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ledang.  
12.00 tgh.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya hendak mengucapkan juga setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah pun membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh pada hari Khamis lepas yang kepada saya mencakupi semua lapisan masyarakat, semua bidang terutamanya bidang ekonomi yang menjurus kepada meningkatkan pendapatan negara ke tahap yang tinggi.

Kalau saya hendak mengulas sedikit tentang beberapa perkara yang dibangkitkan tentang pembangunan berterusan, kepada saya pembangunan berterusan

itu tidak boleh putus. Tidak boleh putus, umpamanya jalan kampung. Kalau dahulu jalan kampung cukup hanya ada jalan. Kemudian ada jalan tanah merah, tanah *gravel*. Kemudian naik pada jalan berturap. Dahulu *Semi-grout*, sekarang *premix*. Dahulu tidak perlu ada misalnya tidak perlu ada lapisan *binder course* sekarang sudah ada. Ini peningkatan pembangunan berterusan.

Jadi, pada saya soal pembangunan ini tetap berterusan. Apabila bercakap soal infrastruktur, ia tetap berterusan. Ia tidak pernah putus sampai bila-bila. Dahulu tidak ada *high-speed broadband*, sekarang sudah ada. Dahulu cukup dengan kemudahan *public phone*, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang keperluan menara-menara telekomunikasi. Dahulu tidak terfikir soal capaian Internet. Sekarang soal capaian *internet* - saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kementerian Telekomunikasi kerana telah bersetuju dengan negara jiran untuk mengurangkan kadar caj *handphone* dan Internet dua buah negara pada tahap 30%. Ini satu perkembangan yang baik. Saya sendiri kalau pergi ke Johor Baru, kalau saya tidak *block* telefon saya dari laluan antarabangsa, ia akan ubah automatik kepada *channel Singapore*. Ini pun satu masalah juga tetapi, apabila cajnya sudah turun, ini mungkin satu kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, ini soal pembangunan. Pada saya perlu kita teruskan. Kalau dahulu mungkin di Sabah dan Sarawak, isunya ialah tidak ada jalan. Kemudian ada jalan. Kalau dahulu mungkin 1,000 kilometer sekarang keperluannya sudah sampai pada tahap 100,000 kilometer. Mungkin begitu. Ia tidak pernah putus. Jadi, ini Tuan Yang di-Pertua, pembangunan yang berterusan yang perlu kita pertahankan sampai bila-bila, tidak boleh berhenti.

Akan tetapi kalau kita lihat Putrajaya Tuan Yang di-Pertua, kita ada Putrajaya. Kita berbangga dengan pembangunan di Putrajaya. Pembangunannya pesat. Dahulu kalau kita hendak ke Putrajaya perlu mengikut Lebuhraya Utara-Selatan, perlu melalui Kajang. Sekarang sudah ada laluan terus ke Putrajaya iaitu melalui Setapak. Seputeh atau Setapak? Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak menegur satu perkara kepada Perbadanan Putrajaya. Janganlah terlalu taksu dengan Putrajaya.

Kalau kita sampai di Putrajaya sekarang ini, boleh masuk tetapi kita mungkin susah hendak keluar. Belum lagi menyentuh soal *parking*, soal letak kereta. Itu satu bab. Soal papan tanda. Perkara yang *simple* sahaja Tuan Yang di-Pertua, soal papan tanda. Boleh masuk tetapi tidak boleh keluar. Kalau hendak menghala ke Bangi, mungkin kita akan sesat sehingga ke Sepang dengan papan tanda yang tidak tepat, bercelaru. Nampak cantik tetapi bercelaru.

Oleh sebab itu saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk menegur Perbadanan Putrajaya, jangan terlalu taksud dengan pembangunan di sana tetapi perkara-perkara yang asas mereka lupa. Mereka perlu menyemak kembali pembangunan di sana tidak menyukarkan orang ramai contohnya ialah yang berkaitan dengan papan tanda. Itu perkara asas. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bergerak jauh sedikit dalam tempoh... setengah jam ya, Tuan Yang di-Pertua?...  
*[Merujuk kepada Tuan Yang di-Pertua].*

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa 25 minit.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Masa 25 minit?... *[Ketawa]* Saya mesti menyentuh berkenaan kawasan Ledang dahulu. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, kita menasaskan pendapatan yang tinggi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Siput tadi kita perlu menjaga alam sekitar. Maksudnya mesti ada satu kaedah yang lebih terkini bagaimana kita boleh menjaga alam sekitar walaupun pembangunan itu perlu. Kita tidak boleh menafikan pembangunan hanya kerana alam sekitar tetapi kita tidak boleh juga menafikan alam sekitar tentang pembangunan mesti ada pengurusan.

Pada saya kalau kita hendak meningkatkan pertumbuhan ekonomi kepada tahap 6% mesti ada cara lain untuk kita menjaga alam sekitar. Akan tetapi kita tidak boleh jumud. Tidak perlu pertumbuhan ekonomi 6% kerana kita hendak menjaga alam sekitar. Mesti ada teknologi terkini untuk menjaga alam sekitar walaupun kita hendak membangunkan kilang melebur aluminium mesti ada kaedah terkini. Kita mesti lebih terkedepan daripada segi teknologi. Kita tidak boleh menafikan pembangunan hanya kerana alam sekitar. Jadi, pembangunan berterusan termasuklah yang ada di Ledang. Saya hendak meminta...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Bolehlah pasal ini bos kan? Perlu beri jugalah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat melihat bahawa penjagaan alam sekitar dan juga pembangunan ini mesti diselarikan? Kita dapat melihat bahawa banyak projek pembangunan untuk rakyat yang telah dicadangkan oleh kerajaan, ia dilihat sebagai tergendala akibat kekangan daripada NGO-NGO sebab masalah alam sekitar tidak mesra rakyat. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju dan mencadangkan kepada

kerajaan bahawa apa pun juga bentuk pembangunan yang dirancang itu hendaklah terlebih dahulu diselesaikan isu-isu persekitarannya kemudian projek itu barulah diketengahkan. Minta pandangan Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Ini bos kepada Timbalan Pengerusi BNBBC. Panggil boslah kan? Pada saya mudah sahaja. Ia mesti seiring. Akan tetapi kita tidak lupa tentang kita mesti mencari kaedah terbaru bagaimana kita boleh menjaga alam sekitar dan semua pihak memberikan kerjasama yang erat. Memang ada disebutkan di dalam al-Quran tadi, *'Manusia adalah khalifah di muka bumi ini'* yang menjaga khazanah dunia. Maknanya kita perlu bekerjasama, tidak boleh seorang sahaja yang menjaganya.

Kadang-kadang Majlis Daerah membuat gotong-royong hendak menjaga alam sekitar, penduduk di taman-taman perumahan *masya-Allah* Tuan Yang di-Pertua, bercekak pinggang, panggil pun tidak singgah. Lalu pun tidak singgah untuk mengajak bergotong-royong. Ini perkara-perkara yang *basic*. Kita minta kerjasama daripada masyarakat supaya jangan menggunakan *plastic bag* mereka tetap menggunakan *plastic bag*. Jangan buang sampah di merata-rata tempat, buang sampah di merata-rata tempat. Ini perkara-perkara *basic*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tambah sedikit Yang Berhormat Ledang. Bersetujukah Yang Berhormat bahawa memang dunia ini akan musnah akibat tangan-tangan kotor manusia? Apakah kata yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat?... [Disampuk].

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tangan-tangan kotor manusia? Perbuatan yang kotorlah bukan... [Ketawa] Tangan tidak kotor Yang Berhormat Kinabatangan. Perbuatan tangan itu yang kotor.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Perbuatan seperti Yang Berhormat Pokok Sena mungkin, ya?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, ini perkara-perkara yang kita perlu lihat. Saya, kalau bab alam sekitar, memang saya bersetuju. Akan tetapi kita mesti ada pendekatan yang sangat terkini, bukannya yang membabi-buta dan sebagainya. Saya kembali semula pada permohonan saya mengenai Ledang dahulu. Saya bimbang terlupa. Kita hendak mencapai negara maju, kawasan Ledang tertinggal. Jadi, ada perkara-perkara yang perlu saya sebut tentang kawasan Ledang dahulu.

Pertamanya, oleh kerana di Ledang ini adalah sekarang telah menjadi Daerah Baru Ledang, malam Sabtu lepas kita menyambut ulang tahun kedua Daerah Baru Ledang. Jadi saya memohon Ledang diadakan satu stadium.

■1210

Jadi saya memohon supaya Ledang diadakan satu stadium. Ledang tidak boleh tertinggal dengan negeri-negeri lain, mesti ada satu stadium.

Kedua, kita ada Gunung Ledang. Kita perlukan ada satu kawasan R&R - mesti ada satu peruntukan di sana, dapat RM5 juta pun sudah cukup untuk peringkat permulaan. Akan tetapi, stadium kalau peringkat awal tidak ada duit tidak mengapa - kita minta RM20 juta.

Kemudian ada satu jalan penting Tuan Yang di-Pertua. Ini disebut dalam Parlimen supaya rakyat nampak kita memang perjuangkan - memang kita perjuangkan, tetapi perlu ada bukti. Jalan Kundang-Teluk Rimba ke Tangkak - RM20 juta. Kemudian gerai buah-buahan, kerana di kawasan saya memang terkenal dengan buah-buahan. Jadi adakanlah gerai buah-buahan. Tidak perlu mahal, tidak perlu banyak - tidak perlu mahal sangat, RM1 juta cukup. Kita mula RM1 juta - mungkin akan datang RM10 juta, tidak mengapa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya bersetuju dengan pandangan EPU bahawa Malaysia kini berada di persimpangan yang penting dalam pembangunan ekonominya, untuk melakar laluan ke arah menjadi ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Oleh itu, negara perlu membina platform yang kukuh menerusi pencapaian negara sebelum ini. Maknanya kita selama ini sudah mencapai tahap ekonomi yang agak baik, walaupun kita terpaksa berdepan dengan masalah ekonomi dunia tetapi kita masih boleh bertahan.

Jadi di sinilah Tuan Yang di-Pertua, kita perlu ada seperti yang disebut. Kita perlu ada transformasi ekonomi, pendapatan sederhana kepada pendapatan tinggi, pendapatan negara daripada yang sedia ada kepada tahap yang lebih tinggi, pendapatan per kapita, pendapatan rakyat meningkat. Kalau sekarang sekitar USD700 - lebih kurang RM13,000. Kita mesti ada cita-cita. Cita-cita kita ialah pertumbuhan ekonomi enam peratus - kita ada cita-cita. Kalau kita *target* enam peratus, kemudian kemampuan kita kerana faktor-faktor lain yang di luar dugaan menjadi empat peratus - itu perkara yang perlu kita *adjust* semula, tetapi kita mesti ada cita-cita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju. Negara yang berpendapatan tinggi ini memerlukan peralihan kepada aktiviti nilai yang ditambah tinggi dan berintensif pengetahuan yang tinggi dan mendalam. Saya setuju ia memerlukan pengkhususan, maknanya kita tidak boleh seperti dahulu. Apa sahaja yang kita fikir menguntungkan negara kita, kita bawa masuk.

Cukuplah Tuan Yang di-Pertua, kita terlalu ramai pekerja asing termasuk pendatang haram yang bekerja dalam negara kita. Apabila kita tidak *selective* dengan izin, kita terpaksa mengambil pekerja asing yang terlalu ramai di semua sektor. Kadang-kadang kita tidak perlu pun pekerja asing ini. Kita perlu ada cita-cita dengan memilih bidang-bidang tertentu yang tidak memerlukan pekerja yang ramai. Kita tidak mahu ada pekerja asing ramai, termasuklah lebih-lebih lagi pekerja daripada kalangan pendatang haram.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, banyak kejadian jenayah termasuklah pecah rumah - polis siasat ada kesan cap jari. Baru-baru ini berlaku di Ledang, ada kesan cap jari tetapi tidak ada rekod dalam Malaysia kerana sah, ini pendatang haram yang melakukan jenayah dalam negara kita. Siang buat kerja, malam mencuri.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Ya, silakan.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat Ledang bicarakan tadi menterujakan saya untuk memohon persamaan pandangan. Dalam seksyen 60M, Akta Pekerja 1955 menjelaskan bahawa haram bagi pekerja asing diambil mengetepikan pekerja tempatan. Akan tetapi saya ulangi kepada Yang Berhormat Sri Gading dua hari yang lepas, puncanya ialah penguatkuasaan itu tidak ada. Undang-undang sudah ada, akta sudah ada tetapi, longgokan beramai-ramai ditangkap - tindakan tidak diambil terhadap pengusaha ataupun syarikat-syarikat yang terlibat.

Setuju atau tidak dengan saya kelembapan dan juga ketidakcekapan penguatkuasaan ini mendorong kepada kebanjiran beramai-ramai pekerja asing? Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk jangka masa yang pendek saya setuju. Penguatkuasaan perlu ditingkatkan, tetapi kita tidak mampu untuk terus berkeadaan begini untuk satu jangka masa panjang. Oleh sebab itulah mesti ada satu formula lain dan formulanya ialah dengan mengkhususkan bidang ekonomi yang tertentu, yang tidak memerlukan pun pekerja-pekerja asing. Kalau pun sedikit

tenaga-tenaga mahir, kelayakan yang tinggi dan sebagainya itu kita terima. Akan tetapi pekerja yang tidak mahir datang daripada luar masuk ke dalam negara kita, pada saya perlulah kita berhentikan.

Kadang-kadang kita tidak boleh salahkan sektor pekerjaan ini. Dalam negara kita sebenarnya tidak ada pun yang menganggur, kerana masing-masing memilih kerja. Misalnya bidang pembuatan perabot, tidak ramai orang kita yang hendak bekerja - terpaksa import daripada luar. Dalam bidang pertanian pun sama, tidak ramai malah tiada orang kita yang sanggup bekerja dalam sektor pertanian - terpaksa ambil orang luar. Tidak cukup - terpaksa terima yang datang secara haram. Ini yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, di seluruh negara. Pada saya ini penting.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik Rancangan Malaysia Kesepuluh kerajaan ini yang menumpukan sumbernya ke arah keutamaan bidang ekonomi utama negara yang tertentu. Pendekatan baru dalam pengagihan peruntukan RMKe-10 yang tertumpu lebih kepada infrastruktur bukan fizikal, berbanding dengan pembangunan infrastruktur fizikal. Akan tetapi inilah...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Ledang, mengenai pekerja sedikit Yang Berhormat Ledang. Pekerja, masalah pekerja. Sedikit boleh?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sudah terlepas ini.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sedikit sahaja, boleh? Yang Berhormat Ledang mohon penjelasan sedikit, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Ledang mengatakan ada masalah kebanjiran pekerja asing di Malaysia tetapi kajian menunjukkan, contohnya kajian oleh *Society of Petroleum Engineers* menunjukkan bahawa ramai kakitangan teknikal yang mahir dan berpengalaman daripada Petronas. Di bawah kepimpinan Tan Sri Hassan Marican, telah ramai meninggalkan berhenti dan mendapat tawaran lumayan daripada syarikat-syarikat lain terutama di Timur Tengah. Jadi saya rasa di sini, dalam kerisauan orang lain datang, ada juga tenaga-tenaga mahir kita yang keluar. Saya rasa mohon penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya daripada awal tadi menyebut tentang kita bersetuju dengan pelan transformasi berpendapatan tinggi yang berasaskan kepada kemahiran. Mungkin ruang pekerjaan yang ada ini dalam negara kita masih lagi belum dapat ataupun belum sempurna untuk mereka-mereka yang mahir ini. Jadi ruang

kemahiran itu perlu diwujudkan - ruang kemahiran itu. Barulah kita boleh mewujudkan suatu suasana berpendapatan tinggi. Kalau pendapatannya tinggi, saya tetap yakin dan saya percaya masalah yang disebut oleh Yang Berhormat Balik Pulau tadi tidak timbul. Tidak perlu penghijrahan dari negara kita, kecualilah kalau mereka ini memang tidak suka negara panas dalam negara kita ataupun mereka mungkin perlukan negara lebih panas daripada negara kita - ia *vice versa*, dengan izin. Itu soal lain, tetapi asasnya ialah berpendapatan tinggi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pendekatan baru dalam pengagihan peruntukan RMKe-10 ini adalah tumpuan yang lebih kepada infrastruktur bukan fizikal, berbanding dengan pembangunan infrastruktur fizikal. Saya bersetuju nisbah bukan fizikal ditingkatkan kepada 44% berbanding hanya 20% dalam RMKe-9. Peralihan ini saya setuju selaras dengan penekanan kepada *outcome*, misalnya mengagihkan tumpuan. Disebut di situ, daripada membina bangunan sekolah kepada meningkatkan kemahiran guru untuk pencapaian pelajar cemerlang. Maknanya dengan izin, *instead of hardware to software*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun yang disebut dalam RMKe-10 ini, saya lebih tertumpu kepada soal perlunya ada keseimbangan bandar dan luar bandar. Kalau misal kata disebut sekolah di bandar segala-galanya canggih, guru-gurunya cemerlang, kemudahan IT terbilang, kecuali sesaknya jalan raya.

#### ■1220

Akan tetapi di luar bandar Tuan Yang di-Pertua, gurunya mungkin belum, tidak sama taraf dengan di bandar kemudahan IT nya masih lagi jauh. Jadi perlu ada keseimbangan antara bandar dan luar bandar. Ini semua memerlukan satu fokus supaya apa pun pembangunan yang kita rancangan biarlah seimbang antara bandar dan luar bandar. Luar bandar ini tidak minta bangunan yang tinggi-tinggi. Tidak minta bangunan *twin tower* dan sebagainya tidak minta. Akan tetapi dari segi perkhidmatan sebab kita hendak kurangkan perbezaan taraf hidup antara bandar dan luar bandar. Bos lagi Tuan Yang di-Pertua, kena bagi minta izin.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kalau kita melihat ke arah bagaimana sesebuah negara menuju negara maju mestilah keseimbangan pembangunan antara wilayah itu memainkan peranan secara langsung. Apakah kita akan berbicara sebuah negara maju di bandar-bandar raya kita maju tetapi di luar bandar kita masih mundur. Jadi apakah istilah itu boleh kita

ungkapkan sebagai sebuah negara yang maju tetapi di sebaliknya, sebetulnya masih banyak yang mundur di luar-luar bandar. Minta ulasan Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan daripada Yang Berhormat Kinabatangan seperti sebuah perkataan yang apa yang paling mundur... [Ketawa] Akan tetapi pada saya dia mesti seimbang walaupun bukan bermakna ada *Twin Tower* di Kuala Lumpur ada *twin tower* di Ledang tidak perlu tetapi dari segi perkhidmatan. Kalau disebut *high-speed broadband* bukan sahaja cajnya rendah tetapi kelajuannya tinggi. Pemasangan *fiber optic* mesti sempurna, jangan *fiber* optik pasang tetapi kelajuan internet masih lagi perlahan. Rancangan sudah ada tetapi dari segi pelaksanaan sebab kita perlu fokus tentang pelaksanaan walaupun kita ada cita-cita untuk membantu kawasan luar bandar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh disebut tentang pengkhususan pembangunan di kawasan-kawasan tertentu ataupun kawasan terpilih. Mungkin IRDA, mungkin Wilayah Pembangunan Timur ataupun barat termasuk Sabah dan Sarawak. Cuma kalau di Ledang Tuan Yang di-Pertua sebelum saya terlupa, Yang Berhormat Jasin tidak ada dalam Dewan sepatutnya dia sokong saya. Saya ingin bangkitkan tentang pembangunan Johor Utara. Pembangunan Melaka itu sendiri dan pembangunan Selatan Negeri Sembilan. Oleh sebab kawasan ini jauh daripada IRDA, kawasan ini jauh daripada pembangunan wilayah timur dan barat tetapi, di situ baru sahaja diwujudkan Lapangan Terbang Batu Berendam. Saya nampak Tuan Yang di-Pertua, Lapangan Terbang Batu berendam ini walaupun letaknya di Melaka, dia boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan Johor Utara, Selatan Negeri Sembilan apatah lagi Melaka itu sendiri.

Sewajarnya Jabatan Penerbangan Awam tidak banyak kerenah ataupun saya difahamkan mengenakan syarat-syarat yang sukar untuk membenarkan lapangan terbang itu beroperasi dibuka kepada penerbangan-penerbangan, syarikat-syarikat penerbangan tertentu supaya boleh membawa penumpang daripada kawasan tersebut ke kawasan-kawasan lain dalam Semenanjung. Setakat ini belum ada. Sedangkan itu adalah satu pembangunan yang telah pun berlaku dan sedia ada. Hanya memerlukan satu input lain untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan yang saya sebutkan tadi melibatkan kawasan Ledang Tuan Yang di-Pertua, Johor Utara. Ada dalam Malaysia orang tidak tahu Ledang di mana. Ada orang Malaysia tidak tahu Gunung ledang di mana. Tengok cerita PGL dia tahu, tetapi Gunung Ledang tidak tahu di mana? Agaknya mereka tidak baca sejarah. Johor Utara, Melaka dan juga Negeri

Sembilan Selatan. Yang Berhormat Tangga batu bangun dia pun orang Ledang. Mak dia orang Ledang.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tahniah Ledang dapat daerah baru. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya nampak Yang Berhormat Ledang mempunyai satu pandangan yang jauh terhadap perkembangan kawasan segi tiga utama. Kalau dibangunkan iaitu di Selatan Negeri Sembilan, di Selatan Melaka dan Utara Johor, Tuan Yang di-Pertua. Satu kawasan yang saya kira kalau dapat dicapai oleh semua pihak ia menjadi satu kawasan pelancongan yang paling cantik dan indah boleh mengatasi negeri di bawah bayu dengan pemandangan gunung yang begitu indah dan permai.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit persetujuan daripada Yang Berhormat Ledang, apa jadi dengan jalan yang sepatutnya menghubungkan Jementah, Johor, Segamat dengan kampung Relau, Kampung Raja Asahani.

Tuan Yang di-Pertua, satu senario yang pelik di kawasan ini Tuan Yang di-Pertua. Sebagai contoh halaman rumah berada di Melaka, dapurnya berada di Johor, anjung kanannya berada di Negeri Sembilan. Jadi tuan rumah ini dia ada tiga perintah. Perintah Melaka, perintah Johor, perintah Negeri Sembilan, nasib baik semuanya sokong Barisan Nasional lah. Itu sebab Johor, Melaka, Negeri Sembilan menang...

*[Ketawa]*

Jadi saya hendak tanya kedudukan, saya hendak tanya Yang Berhormat Ledang. Terima kasihlah kerana kaitkan dengan pembangunan tiga tempat ini dengan *Airport* Batu Berendam tadi. Akan tetapi yang lebih penting ialah kalau terbina jalan ini jalan yang putus ini ia akan lebih dapat menggalakkan kegiatan ekonomi di kawasan-kawasan yang kita sebutkan tadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Saya sebenarnya amat terhutang budi kepada Yang Berhormat Tangga Batu kerana membangkitkan tentang soal itu soal jalan tadi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, jalan itu sebenarnya sudah lama dipohon. Semua pihak memohon, Melaka mohon, Ledang Mohon, Segamat mohon. Dia adalah jalan melalui tiga kawasan daerah melibatkan tiga negeri. Jadi kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta kepada pihak KKLW ataupun JKR melihat perkara ini supaya dapat menjadi satu perkara yang realiti. Tidak adalah orang di Kampung Relau Asahan terpaksa masuk Melaka dahulu daripada Johor kerana Kampung Relau Asahan adalah dalam daerah Ledang negeri Johor. Hendak sampai ke Relau Asahan contohnya kena pergi Melaka dahulu kerana tidak ada jalan

penghubung tetapi, ini jalan barulah, dahulu tidak perlu sekarang perlu. Maknanya pembangunan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tadi ialah apa pun yang kita rancang dan sebagainya kita sebut tentang Batu Berendam dan sebagainya. Memang kita mengalu-alukan kalaulah boleh supaya Jabatan Penerbangan Awam melihat peringkat ini kerana ia menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi tadi sebut segi tiga di situ. Ini maksud yang disebut dalam RMKe-10 pembangunan kawasan-kawasan terpilih ataupun kawasan *cluster* di situ. Jadi ini melibatkan pelaksanaan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya pertamanya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada pegawai kerajaan kerana umumnya pegawai kerajaan telah pun banyak menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan dalam negara kita.

Saya tidak setuju sangatlah kalau Sungai Siput sebut tadi pegawai kerajaan ini menurut perintah 100% selekoh politik. Kalau perkara itu benar takkanlah yang dilaporkan dalam RMKe-10 ini tidak benar Tuan Yang di-Pertua. Ini akan disemak oleh bukan sahaja oleh pakar-pakar dalam negara Malaysia malahan seluruh dunia, laporan demi laporan keluar. Saya nampak di situ ada ketelusan dan tidak mungkin akan timbul perkara yang meragukan. Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua sudah sebut tadi soal, Tuan Yang di-Pertua sudah bagi signal. Dua perkara sahaja pendek sahaja. Pertama pelaksanaan, sistem penyampaian itu mesti tepat.

■ **1230**

Masih banyak lagi ruang yang boleh dimainkan oleh pegawai-pegawai kerajaan. Pegawai kerajaan memainkan peranan penting dan sebab itulah pegawai kerajaan seharusnya terus membantu kerajaan kerana cita-cita ini sangat murni, tidak timbul soal politik dan sebagainya. Saya percaya pegawai kerajaan, staf kerajaan sentiasa berpegang kepada etika sebagai staf ataupun pegawai kerajaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang akhir saya hendak sebut ialah soal pendidikan. Yang sudah berlaku sekarang ini, saya puji. Kita tidak boleh persoalkan sangat, adalah cacat di sana sini dan sebagainya, yang hendak ditingkatkan tentang infrastruktur pendidikan saya puji, saya sokong. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, jangan lupa satu perkara ialah apabila kita sudah merancang, sudah mewujudkan dan menjadikan graduan kita berpelajaran dengan kelulusan yang tinggi, semalam Yang Berhormat Batang Sadong sebut ada juga pelajar IPTA, IPTS yang terlibat dengan pembuangan bayi, itu kepada saya melibatkan moral, melibatkan akhlak, penguasaan agama, pengamatan, penghayatan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan, saya hendak cadangkan supaya kita lebih serius, lebih fokus soal pendidikan agama dan moral di peringkat sekolah. Kalau di peringkat UPSR, saya hendak cadangkan supaya subjek UPSR ditambah kepada satu lagi subjek iaitu pendidikan agama dan moral. Moral itu bagi yang tidak beragama Islam, pendidikan agama bagi yang beragama Islam. Kita belajar tetapi kita tidak masukkan dalam peperiksaan UPSR. Kalau di peringkat menengah begitu juga.

Pendidikan seks, ramai orang tidak tahu apa itu pendidikan seks ini. Saya hendak mencadangkan supaya kita menjadikan lebih luas iaitu Pendidikan Munakahat. Soal bab nikah, kahwin dan cerai ini. Supaya dia tahu apa makna kahwin sebenarnya, nikah sebenarnya...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Menyampuk]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Cerai sebenar, perkara-perkara yang asas, bukan perkara-perkara yang seks sahaja, di peringkat sekolah menengah. Jadi mungkin bunyinya tidak lah terlalu - Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang dengan perkataan seks itu, kita ubah kepada munakahat tetapi kita lengkapkan dengan tanggungjawab suami isteri yang lebih komprehensif. Jadi ada lagi masa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habis Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sudah habis? Jadi Tuan Yang di-Pertua, begitulah sahaja saya menyokong Rancangan Malaysia Kesepuluh ini dan mudah-mudahan menjadi satu realiti, dan menjadi satu kebanggaan rakyat Malaysia dan *insya-Allah*, seluruh rakyat Malaysia akan terbela nanti. Sekian terima kasih. Saya menyokong.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]:** *[Bangun]*

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**12.33 tgh.**

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberikan saya peluang untuk melibatkan diri dalam perbahasan RMKe-10 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan ucapan dengan menyokong usul Rancangan Malaysia Kesepuluh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri disifatkan sebagai penyusunan sebuah perancangan yang punya harapan mengarahkan negara menjadi sebuah negara maju. Rancangan Malaysia Kesepuluh bertemakan rancangan kemakmuran ekonomi dan keadilan sosial. Sebanyak RM230 bilion diperuntukkan. Beberapa sektor telah difokuskan dan dipilih oleh kerajaan. Kerangka Rancangan Malaysia Kesepuluh menjangkakan sektor swasta akan menerajui pelaburan dengan didorong oleh sektor perkhidmatan nilai tambah tinggi sektor pembuatan dan sektor pertanian.

Sektor swasta atau sektor korporat akan memainkan peranan penting mencorakkan pembangunan rakyat dan negara. Rancangan Malaysia Kesepuluh memperuntukkan sebanyak 55% kepada sektor ekonomi. Saya ingin mengingatkan sektor korporat supaya tidak hanya memikirkan untung rugi perniagaan semata-mata tetapi sektor korporat harus mula melakukan transformasi dengan melipatgandakan komitmen tanggungjawab sosial mereka kepada rakyat dan negara. Syarikat korporat yang kaya raya mesti mula merangka program pembangunan sosial. Sektor korporat harus menawarkan kemudahan biasiswa dan dermasiswa kepada rakyat. Menawarkan program latihan, seminar, kursus, latihan pembinaan kemahiran secara percuma kepada rakyat, membuka peluang seluas-luasnya kepada rakyat untuk belajar dan rakyat menumpang maju seiring dengan kemajuan sektor korporat. Syarikat besar korporat, jangan kedekut, jangan bakhil untuk menghulurkan bantuan penajaan bagi menjayakan program-program rakyat walaupun nilai komersialnya mungkin tiada.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesepuluh menyasarkan purata pertumbuhan KDNK 6%. Walaupun begitu, sesetengah ahli ekonomi meramalkan bahawa sukar untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh mencapai sasaran purata pertumbuhan KDNK 6% ini. Kerajaan harus bertanggungjawab untuk memberi lebih penjelasan untuk meyakinkan rakyat dengan analisis dan fakta bagi memperkukuhkan sasaran 6% yang ditetapkan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, supaya ia boleh tercapai. Penekanan Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah kepada ekonomi berpendapatan tinggi, berasaskan pengetahuan. Bunyinya bagus, sedap tetapi janganlah ia hanya indah khabar dari rupa.

Untuk mencapai matlamat ekonomi berpendapatan tinggi berasaskan pengetahuan, perkara paling asas yang perlu diselesaikan oleh kerajaan ialah prasarana ICT. Sasaran prasarana ICT iaitu pembuatan jalur lebar mesti berkelajuan tinggi. Hari ini kedudukan Malaysia dalam penarafan antarabangsa bagi kelajuan

Internet adalah di tangga tercorot pada kedudukan 102. Bagi negara ASEAN, Singapura, Thailand, Filipina lebih baik dr Malaysia. kerajaan perlu bertindak serius untuk mengatasi kelemahan ini. Pelabur akan lebih berminat dan yakin untuk melabur di Malaysia jika tahap prasarana ICT setanding dengan negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa sekalipun kos ekonomi mesti memastikan rakyat mampu meraih pendapatan tinggi. Kerajaan menetapkan sasaran untuk meningkatkan pendapatan negara kasar per kapita kepada RM38,850 ataupun USD12,140 bagi setiap isi rumah menjelang tahun 2015. Walaupun begitu, sasaran tersebut masih jauh menepati definisi Bank Dunia bagi sebuah negara maju iaitu pendapatan per kapita sebanyak USD1700 setahun.

Jurang kaya miskin semakin hari semakin menjarak jauh, yang kaya akan berlimpah peluang projek dan kontrak dan yang miskin akan berterusan tidak ada duit, tidak mampu membuat projek, tidak layak mendapat kontrak. Agihan sumber kekayaan negara tidak sama rata. Kerajaan perlu menyusun semula masyarakat melalui sektor ekonomi untuk mewujudkan persekitaran ekonomi yang seimbang di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik terhadap perancangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan untuk membangunkan rakyat dan negara. Rancangan Malaysia Kesepuluh memperuntukkan RM92 bilion iaitu 40% daripada peruntukan keseluruhan kepada pembangunan bukan fizikal. Rancangan Malaysia Kesembilan hanya memperuntukkan hanya 22% untuk pembangunan bukan fizikal. Tentunya peningkatan ini akan memberi faedah secara langsung kepada rakyat atau dalam kata lain kepada pembangunan modal insan.

Tidak ada gunanya kita bina bangunan tinggi mencakar langit, tidak ada gunanya kita membangunkan sistem dan teknologi yang canggih, menelan berbilion-bilion juta ringgit duit rakyat kalau akhirnya kita terpaksa mengimport kepakaran luar untuk menerajui *facility* yang ada kerana tenaga tempatan tidak cukup mahir. Oleh itu, adalah sangat penting kerajaan memastikan pelan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh mampu mencapai sasaran.

Sektor pendidikan Tuan Yang di-Pertua, akan diberikan tumpuan paling utama untuk terus diperkukuhkan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Memberi tumpuan kepada melahirkan rakyat sebagai modal insan berkualiti tinggi, yang berkemampuan untuk bersaing sehingga ke peringkat global. Rancangan Malaysia Kesepuluh akan mengutamakan pemeringkatan tahap kemahiran guru daripada membina bangunan sekolah.

**■1240**

Konsensus bebas, kami di kawasan bebas menyokong penuh usaha ini kerana bagi sebuah negara maju, profesion perguruan merupakan kumpulan penting yang diberi perhatian penuh oleh kerajaan. Ini kerana para guru adalah cerminan kepada sebuah negara. Guru yang baik akan menghasilkan anak murid yang berkualiti dan berkemahiran tinggi. Guru yang baik akan melahirkan generasi cemerlang untuk negara. Saya mencadangkan kepada kerajaan bahawa elaun guru perlu distrukturkan semula selaras dengan kualiti guru yang mahu dipertingkatkan. Di negara maju profesion perguruan adalah karier yang berprofil tinggi, tetapi keadaan sebaliknya di negara kita. Sukacitanya kami di konsesi bebas mahu melihat guru-guru diberi gaji yang lumayan dan guru ditarafkan kepada kedudukan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang perlu perhatian Parlimen yang mulia ini adalah untuk mendesak agar kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh menghapuskan sistem PTPTN. Hasrat negara untuk membangunkan dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia akan terbantut jika negara masih mengekalkan sistem PTPTN. Saya mahu bersama konsensus bebas berpendirian tegas bahawa sistem PTPTN perlu dikaji dan diteliti semula. Saya mempersoalkan tindakan kerajaan membenarkan tindakan menyenaraihitamkan peminjam yang tidak membayar hutang PTPTN sehingga mereka tidak boleh ke luar negara. Saya faham tidak bayar hutang itu salah. Tindakan patut diambil, tetapi bukan cara dengan menyenaraihitamkan para peminjam. Tindakan seperti ini dilihat seolah-olah kerajaan tidak sensitif terhadap pembangunan generasi muda. Malahan kerajaan menyusahkan generasi muda.

Tidak keterlaluan saya mengatakan tindakan menyenaraihitamkan adalah seperti membunuh perkembangan generasi baru dengan mengheret anak-anak pelajar ke situasi yang bermasalah. Konsensus bebas sangat mempersoalkan polisi menyediakan kemudahan pinjaman untuk belajar bagi menggantikan bantuan biasiswa. Kami menolak sistem pendidikan negara diniagakan. Kami lihat adalah sangat bahaya sistem pendidikan negara yang ada pada hari ini melahirkan graduan dengan segulung ijazah bersama segulung hutang. Tamat belajar ada hutang berpuluh-puluh ribu. Kami menuntut bantuan biasiswa atau dermasiswa hendaklah kembali diperkenalkan dan diperluaskan semula. Adalah menjadi hak rakyat untuk mendapatkan pendidikan terbaik dan sudah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang terbaik untuk rakyat. Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi berhubung dengan sektor pendidikan negara.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pohon penjelasan. Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Ya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bayan Baru. Menyentuh soal PTPTN, setuju tidak Yang Berhormat Bayan Baru kalau saya nyatakan bahawa masalah PTPTN ini sebenarnya ialah masalah pengurusannya yang tidak teratur dan kelam-kabut. Fail entah di mana, rekod entah di mana. Dengan sebab itulah mereka menghadapi masalah untuk mengutip balik pinjaman yang diberi kepada pelajar-pelajar. Jikalau tidak saya rasa tidak ada masalah pelajar-pelajar yang telah *graduate* dapat pekerjaan kalau sekadar bayar RM50 sebulan, RM100 sebulan adakah jadi masalah? Saya tidak fikir. Akan tetapi kalau rekod tidak ada, fail tidak ada kemudian tidak tahu kedudukannya jadi macam mana?

Jadi, saya mohon kepada Yang Berhormat bolehkah kita cadangkan kepada PTPTN mengemaskinikan pentadbirannya, pengurusan, sistemnya itu. Akan tetapi satu perkara saya ingin tanya lagi kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat fikir bahawa kerajaan mampu untuk mengadakan beratus bilion ringgit dalam bentuk biasiswa kepada pelajar-pelajar hendak mengikuti pengajian tinggi kalau sekiranya kita hapuskan PTPTN ini? Saya rasa boleh cakaplah, tetapi tidak mungkin kot hendak diadakan seratus bilion, dua ratus bilion nanti kalau hendak bagi percuma. Apa respons Yang Berhormat?

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Terima kasih kawan saya dari Pasir Salak. Saya setuju mungkin cara pengendalian PTPTN itu memang saya rasa ada masalah, tetapi bagisaya kita harus ambil satu langkah ke depan untuk mengkaji semula dasar PTPTN. Negara kita ini kaya dan dari segi peruntukan saya percaya mampu. Oleh sebab itu kalau kita kaji balik dalam RMKe-10 ini dan kita mengambil kira polisi PTPTN ini, saya tidak setuju PTPTN ini harus diteruskan malah ubah kepada biasiswa dan ini boleh menambahkan universiti-universiti tempatan. Saya tidak setuju isu tentang memperniagakan sistem pendidikan negara kita. Kerajaan mampu saya percaya.

Biarlah saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Seperkara lagi berhubung sistem pendidikan negara saya khuatir apabila melihat institusi pendidikan menjadi produk yang diniagakan. Moto institusi pendidikan dipengaruhi oleh pasaran pengiklanan dan promosi, iklan ini ceritanya semua bagus seolah-olah habis belajar maka terus mendapat kerja pangkat besar. Akhirnya pelajar terperdaya dengan iklan pergi ke kolej,

belajar tidak bermakna. Habis belajar kerja tidak seberapa dan hutang sahaja yang ada tidak boleh dibayar hutang kena *blacklist*. Dianiaya budak-budak kita. Oleh sebab itu kami minta kerajaan supaya dapatkan senarai lengkap dan terkini berapa jumlah peminjam PTPTN yang telah diambil tindakan disenaraihitamkan. Kami juga mahu tahu berapa jumlah anak Melayu, berapa jumlah anak orang India, anak orang Cina dan anak-anak daripada kaum etnik lain yang telah disenaraihitamkan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kepada pembangunan fizikal menurun daripada 78% semasa Rancangan Malaysia Kesembilan kepada 60% dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Secara umum Rancangan Malaysia Kesepuluh ada keseimbangan di antara pembangunan fizikal dan pembangunan modal insan. Peruntukan pembangunan fizikal mesti diurus secara berhemah dan bijaksana berdasarkan keperluan dan tidak membazir. Projek pembangunan kontrak kerajaan bukanlah buat catur politik bagi pemimpin politik bagi menjaga kepentingan politik masing-masing dengan menganugerahkan kontrak kepada kroni untuk pastikan diri kekal berkuasa. Penyalahgunaan kuasa di kalangan pemimpin dengan rasuah kontrak projek kerajaan telah menyebabkan berlaku pembangunan tidak seimbang. Banyak tanah rakyat rosak atas nama pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, untung nasib Rancangan Malaysia Kesepuluh terletak kepada pelaksanaan kerajaan. Kerajaan juga bermaksud kakitangan kerajaan. Menyedari betapa besarnya amanah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dipikul oleh kakitangan kerajaan, saya menyeru kerajaan khususnya kakitangan kerajaan untuk mempertingkatkan tahap efisiensi dan produktiviti kerja untuk merealisasikan Malaysia sebuah negara maju. RMK-9 mencatat banyak kegagalan menurut laporan Jabatan Statistik EPU. Rasuah, korupsi masih menjadi penghalang besar untuk Malaysia menjadi sebuah negara maju. Laporan kaji selidik oleh Merdeka Centre baru-baru ini menunjukkan 53% rakyat Malaysia menetapkan rasuah sebagai masalah paling besar kepada negara ini. Laporan ini dibuktikan lagi dengan kenyataan CUEPACS yang menyatakan bahawa 41% kakitangan awam terlibat dalam rasuah.

Oleh itu konsensus bebas Tuan Yang di-Pertua bersangka baik dengan berfikiran positif untuk melihat Rancangan Malaysia Kesepuluh berjaya. Konsensus bebas mencadangkan kepada kerajaan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja yang tempoh khidmatnya adalah sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh. Tujuan dan fungsi utama suruhanjaya ini adalah untuk memantau pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya cadang suruhanjaya ini perlu terdiri daripada

pemimpin-pemimpin politik daripada pemerintah, parti pembangkang dan juga bebas. Tokoh akademik, tokoh korporat, pegawai tinggi kerajaan dan NGO. Tokoh seperti Tan Sri Hasan Merican bekas Pengerusi dan Presiden Petronas yang telah banyak berjasa kepada rakyat memimpin Petronas dengan baik ataupun Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah Ahli Parlimen Gua Musang, pengasas Petronas mungkin calon sesuai untuk mengetuai suruhanjaya seperti ini.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, cerita atas kertas melihat kerajaan memberi fokus kepada usaha meningkatkan kualiti rakyat. Tiga pendekatan digariskan bagi mencapai matlamat tersebut berpusat kepada menjana pendapatan rakyat, meningkatkan taraf hidup semasa dengan meningkatkan *access* kepada kemudahan asas serta melaksanakan program khusus untuk kumpulan sasaran.

Kami menasihatkan Kerajaan Persekutuan jangan jadi macam kerajaan setahun jagung Pakatan Rakyat Selangor. Janji tinggi langit, kalau air laut dijadikan tinta, nescaya tidak cukup untuk menulis janji-janji mereka. Apa yang kita tahu, masalah rompakan dan lanun pasir makin menjadi-jadi di Selangor dan memuncak sejak Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi penasihat ekonomi Selangor. Kawan saya Yang Berhormat Kuala Langat tidak lama lagi jadi Pengerusi Semesta, tolong jaga baik-baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai Ahli Parlimen sepatutnya memberi sumbangan kepada pembangunan negara, dengan izinnya, *contribute to nations building*. Aktiviti politiking melampau sepatutnya dihentikan serta-merta. Kepentingan dan kebajikan rakyat seharusnya diberikan keutamaan. Namun, kelihatan Yang Berhormat Permatang Pauh masih mempunyai masalah untuk bersama memperjuangkan hak rakyat. Pembohongan demi pembohongan terus beliau lakukan tanpa sebarang rasa malu demi mencapai matlamat merampas Putrajaya. Bak kata seorang rakan beliau, *"Itulah kelebihan Yang Berhormat Permatang Pauh"*. Dia langsung tidak ada maruah dan harga diri. *Lying is speaking to him*, kata kawan saya dan juga ada kata pepatah Inggeris dengan izin.

Satu negara sudah tahu mengenai pembohongan dan putar belit beliau mengenai rampasan kuasa 16 September. Beliau terus membohongi kita dengan dakwaan isu APCO...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dan terpanggil untuk meminta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat menyentuh soal satu rakan ini, ini adalah satu kenyataan yang tergantung. Bolehkah Yang Berhormat memanjangkan sedikit penjelasan rakan Yang Berhormat Permatang Pauh ini dengan lebih jelas kepada Dewan yang mulia ini, siapa dia?

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Tidak apalah, biar saya habis sebab dalam ucapan saya, saya akan sentuh semua apa yang diminta oleh Yang Berhormat Putatan. Semakin banyak kerenah dan temberang beliau untuk melengah-lengahkan – kes liwat beliau pun dilewat-lewatkan. Bila Saiful bersumpah, banyaklah kelentong dia untuk mengelak dari bersumpah. Sebagai seorang Islam Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu kita tidak ada masalah untuk bersumpah jika kita bercakap benar. Saya cabar Yang Berhormat Permatang Pauh kalau benar anak jantan, pergilah bersumpah menafikan dakwaan Saiful. Janganlah terus menyorok di sebalik jubah, serban para ulama yang terus menerus memperkudakan beliau.

Saya tidak berminat dengan serangan peribadi kepada mana-mana pihak tetapi Ketua Pembangkang...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Bayan Baru, Balik Pulau sedikit boleh? Tadi Yang Berhormat Bayan Baru mengatakan mengenai songkok, serban, jubah para ulama. Saya sensitif di situ sebab bagi saya isu pemakaian ulama itu, itu satu pilihan mereka yang ada sebab-sebab keagamaan dia.

**Seorang Ahli:** Hai! Sensitif pula.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tidak. Ini Menteri Pendidikan macam ini? Ranap masa depan Malaysia. Isu judi dia tidak lawan, isu ini dia hendak lawan. Puna masa depan Malaysia. Yang Berhormat Bayan Baru, saya begitu, saya faham perbezaan pendapat tetapi, jangan kita gunakan kolateral isu ulama yang tidak bersalah untuk membuatkan hujah kita. Saya rasa itu tidak sesuai.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau, adinda saya. *You, bos you* kena jagalah. Walau bagaimanapun, saya tidak ada niat untuk memperbodohkan ulama dan sebagainya. Akan tetapi saya hanya mengatakan jangan diperkudakan oleh sesiapa. Seperti saya kata, saya tidak minat serangan peribadi kepada mana-mana pihak tetapi Ketua Pembangkang sekarang sudah berubah menjadi ketua pembohong.

Saya masih ingat bagaimana beliau membohongi kami mengenai isu skandal seks Yang Berhormat Elizabeth Wong dari Bukit Lanjan. Semasa skandal itu memuncak, beliau memanggil kami dan memberi taklimat kononnya Yang Berhormat Elizabeth Wong ini mesti berhenti dan meletak jawatan sebagai Exco dan ADUN kerana katanya, bukan sahaja gambar yang tersebar, beliau sendiri pernah melihat video Yang Berhormat Elizabeth dengan kelakuan seks kononnya, termasuk acara makan ais krim katanya. Kami semua terkedu dengan kenyataan beliau ini. Malahan, beliau nyatakan akan tunjukkan video itu kepada kami. Kami sedang menunggu hendak tengok video itu tetapi sampai hari ini apa pun tidak ada.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Saya rasa ini merupakan satu – makan ais krim kita faham tetapi saya rasa di Dewan yang mulia ini mungkin Yang Berhormat Bayan Baru boleh menggunakan perkataan-perkataan yang lain.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Tidak payah *explain* langsunglah itu.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Kerana itu ada Peraturan Mesyuaratnya. Saya pohon Tuan Yang di-Pertua menjelaskan dan mengawal selia perbahasan seperti ini.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Sama-sama tahu sudahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya mendengar Yang Berhormat ya.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Elizabeth Wong masih kekal di jawatannya, sebaliknya Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu yang mengkritik Menteri Besar Selangor kerana mengekalkan Elizabeth Wong akhirnya dipecat daripada parti apabila cuba mempertahankan Islam. Sekarang Yang Berhormat Permatang Pauh membawa dongeng baru kononnya kami menerima sogokan RM2 juta. Saya tahu beliau membuat pembohongan itu kerana terdesak kerana ada beberapa cabang PKR bercadang mengemukakan usul undi tidak percaya kepada beliau semasa Kongres Khas PKR di Kota Baharu baru-baru ni. Beliau cuba mengalihkan isu dan masalah beliau.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Wangsa Maju bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Ya, sila.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru. Tadi saya tertariklah dengan apa yang disentuh atau dibangkit oleh Yang Berhormat mengenai dengan Yang Berhormat Elizabeth Wong ini. Sama ada saudara saya sedar bahawa semasa kita berhijrah keluar daripada puak-puak ini – puak-puak pemimpin *Little Napoleon* dan *trendy lefties* ini... [Disampuk] Memang benarlah yang *trendy lefty* ini... Dan kami dituduh macam-macam – najis dan sebagainya. Akan tetapi sekarang ini kes skandal seks ini telah ternyata dan ditutup. Sama ada ini menunjukkan bahawa ketua umum mereka ini juga *condone* dengan izin, tindakan ini?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali membangkitkan peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Nanti nanti...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Peraturan mesyuarat apa, peraturan mesyuarat nombor apa?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Dewan ini kita ada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan mesyuarat mana, Yang Berhormat?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Kita ada Tuan Yang di-Pertua. *Let the Tuan Yang di-Pertua decides.*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ya, *decide. What number, say what number?*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *You cannot decide on the...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, peraturan mesyuarat yang mana Yang Berhormat?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila aturan...

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Eh Menteri, diamlah! Hendak bahas, bangun!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan marah Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tidak, apa yang dok bercakap macam ini? Ini Menteri Pendidikan! Tidak layak jadi Menteri Pendidikan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat pun bercakap juga, duduk-duduk bercakap juga.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, kita boleh tegur itu Menteri daripada sana. Kalau tidak puas hati, kita bahas di luar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik. Peraturan mesyuarat yang mana Yang Berhormat?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(6) menggariskan bahawa, "*Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain*". Apa maksudnya di sini? Yang Berhormat Bayan Baru dan juga Yang Berhormat Wangsa Maju dengan secara khusus menunjukkan bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh cuba menyembunyikan kes. Itu jahat, itu *malicious in all forms if you want to argue*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Jadi saya memohon Tuan Yang di-Pertua menghentikan ucapan sebegini demi kita membawa kerajaan *from contempt to competent* daripada menghina Dewan ini kepada kematangan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *you don't have to shout at me*.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *This is serious*. Saya menjaga kemuliaan Tuan Yang di-Pertua dan juga kemuliaan teman-teman di sini. Mohon satu keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau kita dengar...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, saya tidak nampak hujah itu menuduh siapa-siapa. Kalau dia benar, benarlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau tidak benar, tidak apalah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf dari segi ton suara saya. Tuan Yang di-Pertua, dari segi ton suara, saya mohon maaf tetapi saya menegaskan ini isu serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tahu Yang Berhormat tetapi ada isu yang diperkatakan dalam Dewan ini mereka disuap RM2 juta. *I think to be fair to* Yang Berhormat Bayan Baru, saya tidak melihat ini bercanggah dengan peraturan.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tidak, tidak, *we can create a precedent.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak. Ketika berucap di sini pun dikatakan projek besar-besar kerajaan ini diambil oleh kroni-kroni kerajaan. Itu pun tidak ada bukti.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Itu adalah fakta Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak, ini masa berucap tidak dibagi fakta, cuma tuduhan, lemparan liar. *So let – jangan kita sensitif over this.*

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ini pandangan niat yang jahat, *malicious allegation.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You have to be fair.* Keadilan cakap adil, mana adil macam ini? Orang kena hentam tidak mahu membalaskah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru, sudah habis Yang Berhormat?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya belum habis ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Tidak, bagi sedikit ini, saya hendak bagi habis sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya habiskan.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Wangsa Maju hendak cakap sedikit.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Bukankah ini menunjukkan bahawa mereka ini *condone* kegiatan begini dan juga menunjukkan semua ini semata-mata untuk apa, *politic of expediency.* Hendak pergi ke mana? Putrajaya sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, *last sentence* Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Banyak lagi. Habis sudah kah? Tidak apalah, apa yang dikatakan Yang Berhormat Wangsa Maju pun terjawab. Boleh saya sambung lepas makan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Masa 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habis masa sudah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Ha?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Ada sedikit lagi sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Last sentence.*

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Saya boleh habiskan. So, sekarang saya sudah cabar Yang Berhormat Permatang Pauh tunjukkan bukti tetapi bila tanya, dia kata bukti tidak ada, bukti hilang dan sebagainya. Ini yang saya...

Isu judi, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua orang Sabah. Siapa bawa judi ke Sabah? Siapa yang memaksa Ketua Menteri Sabah pada masa itu untuk menerima lesen judi di Sabah, siapa orangnya? Hari ini kononnya *champion* hendak mempertahankan judi. Ini semua pembohongan. Saya tidak mahu tukang gelar Ketua Pembangkang jadi pembohong tetapi sudahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Saya minta Ketua Pembangkang, *behave* lah Ketua Pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita berehat tengah harilah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]:** Dengan itu saya mohon menyokong RMKe-10. Terima kasih.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ini Yang Berhormat Bayan Baru, *you* tidak ada standardlah mahu cakap fasal Ketua Pembangkang. Ini dapat kereta baru, rumah baru, banyak mahu ceritalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

***Dewan ditempohkan pada pukul 1.02 petang.***

## ■ 14.30

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Selangor.

**2.33 ptg.**

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Saya turut bangun untuk bersama-sama dengan kawan-kawan yang lain membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini dan bermula dengan menyatakan dan menegaskan betapa saya dan juga kawan-kawan di sebelah sini mahukan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini berjaya.

Seperti mana juga kita mahu Model Ekonomi Baru berjaya Tuan Yang di-Pertua dan juga Pelan Transformasi Kerajaan. Meskipun sebagai pembangkang tetapi ini adalah peranan kami yang diangkat oleh rakyat untuk menyemak dan mengimbang secara berkesan supaya semua program kerajaan benar-benar dapat memanfaatkan rakyat dan memajukan negara. Itu komitmen kami. Tidak ada sedikit pun untuk kita mahu menggagalkan perancangan-perancangan kerajaan ini. Tidak ada kebaikannya untuk kami pun dan untuk rakyat kalau begitulah keadaannya dari setiap program rancangan kerajaan ini kerana ia kalaunya gagal akan terus menghimpit rakyat. Rakyat terus akan merana bahkan kebelakangan ini pula disebut-sebut dan diuar-uarkan tentang mungkin bankrapnya negara ini. Kesemua ini tidak mendatangkan apa-apa faedah sama ada kepada pembangkang, Pakatan Rakyat, apatah lagi kepada kerajaan yang sedang diberikan amanah untuk memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun kami sebagai pembangkang buat hari ini tetapi kita mahukan kesemua program dan rancangan ini berjaya kerana kemungkinan untuk hari-hari esok dan hari-hari mendatang akan beralih pula pemerintahan ini. Ini adalah cukup munasabah, maka kita tidak mahu mewarisi sebuah kerajaan yang bankrap Tuan Yang di-Pertua. Maka, seperti mana yang difirmankan oleh Allah SWT [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] - "*Kemenangan dan kekalahan itu disilih gantikan di antara manusia ini.*" Maka, dengan itu atas rasa tanggungjawab ini khususnya untuk akhirnya menyaksikan kemakmuran akan dapat dikecapi oleh seluruh rakyat di negara ini, maka

saya terus mengingatkan kesemua kita bahawa sesungguhnya seperti mana yang sekali lagi ditegaskan oleh Allah SWT apabila Allah SWT berfirman [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] - “*Dia yakni Allah yang menjadikan kamu sebagai khalifah di atas muka bumi ini supaya kamu memakmurkan muka bumi ini.*”

Atas dasar ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan pada awalnya bahawa berita baiknya daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, saya perhatikan, saya baca sama ada ringkasannya mahupun terbitan yang setebal ini dan mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya mulakan dengan mengatakan bahawa berita baiknya daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh ini adalah kerana antara lainnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menurunkan dan meletakkan beberapa, mengasaskan dan menguar-uarkan sepuluh idea baru dan langkah-langkah strateginya untuk memenuhi dan menunaikan serta melunaskan matlamat-matlamat tersebut. Itu berita baiknya.

Akan tetapi berita kurang baiknya, perkara-perkara itu tatkala kita halusi bukanlah satu yang sebenarnya baru bahkan telah pun diungkap dalam rancangan-rancangan Malaysia yang lalu, khususnya Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan. Ini meletakkan andainya kalau kita tidak memerhatikan pelaksanaannya, kami cukup khuatir bahawa ia akan mengalami natijah dan keputusan yang kurang lebih sama dengan apa yang telah disaksikan sehingga kini. Sememangnya kita tidak bercakap tentang gagalannya atau gagal seluruhnya rancangan-rancangan Malaysia yang lalu, itu bukan perkara yang kita sebutkan atau bukan itu yang kita maksudkan. Yang kita maksudkan adalah tatkala rancangan-rancangan Malaysia sehinggalah yang kesembilan yang berakhir tahun ini, dalam kedudukan kerajaan dan keadaan negara, keberadaan negara hari ini masih banyak yang belum ditunaikan.

Pada petang ini saya akan memulakan dengan menyebutkan betapa, pertamanya, peruntukan RM230 bilion itu. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita perhatikan Rancangan Malaysia Ketujuh, Kelapan dan Kesembilan, kesemuanya mendapat suntikan-suntikan tambahan. Rancangan Malaysia Ketujuh mendapat 53% tambahan, bermula dengan RM67 bilion berakhir dengan RM103 bilion. Rancangan Malaysia Kelapan bermula dengan RM110 bilion, tambahannya 55% berakhir dengan RM170 bilion. Rancangan Malaysia Kesembilan bermula dengan RM220 bilion, tambahan dengan suntikan fiskal RM67 bilion berakhir dengan RM287 bilion. Nyata pada kali ini kita tidak punya kewangan yang begitu mewah justeru kerana menanggung beban hutang Kerajaan Pusat, beban hutang awam yang begitu tinggi ke paras kalau

tidak silap saya 50.6% iaitu bersamaan dengan RM368 bilion yang sudah tidak lagi *prudent* dan wajar.

■1440

Akan tetapi kita lihat peruntukan-peruntukan itu apa pun adalah besar. Lalu Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan diri saya dan juga Kerajaan Barisan Nasional hari ini supaya bermula dengan menetapkan sasaran-sasaran yang wajar, yang munasabah. Oleh sebab itu sahabat saya daripada Sungai Siput dan saya mencelah sebentar tadi kerana saya rasa terpanggil untuk pertama-tamanya menyebutkan setelah saya sebutkan bahawa sepuluh idea besar yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu baik tetapi tatkala beliau menggariskan akan matlamat-matlamatnya untuk memacu, akan antara lainnya pertumbuhan yang nyata adalah satu yang cukup besar dan dilihat sebagai satu yang berpandukan kepada apa yang saya telah sebutkan tadi iaitu berpandukan kepada prestasi yang lalu.

Tidak salah apa pun yang hendak diletakkan sebagai sasaran itu sebagai hak Kerajaan Barisan Nasional. Itu hak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi izinkan kita mengingatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa sasaran-sasaran yang lalu, apa pun sebabnya sebenarnya tidak mencapai sasaran-sasaran bahkan jauh meleset dan tersasar. Rancangan Malaysia Kelapan telah saya sebutkan sebentar tadi yang disasarkan 7.5%, yang dicapai hanya 4.7%. Dengan tidak sekalipun dalam tahun 2001 hingga 2005, sasaran 7.5% itu tercapai. Begitu juga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan diletakkan sasaran purata 6%. Dengan apa yang saya sebutkan tadi, Petronas membelanjakan dan melabur RM235.6 bilion dalam tahun 2006 hingga 2009, kita hanya mampu mencapai purata 4.2% pertumbuhan nisbah KDNK.

Lalu Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan diri saya dan juga Kerajaan Barisan Nasional, tidak salah untuk menyebutkan apa pun. Akan tetapi biarlah ia satu yang tidak hanya mendodoikan rakyat. Untuk kita beredar contohnya daripada apa yang dikatakan sebagai Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita pada setiap rakyat kita itu, melonjak daripada kurang lebih pada tahun 2000 dalam RMK-8 sebagai RM20,000 begitu, melonjak kepada RM26,000 dalam lima tahun. Lalu mahu melakukan lonjakan sehingga RM38 ataupun RM36 bilion kurang lebih PNK per kapita. Itu lonjakan yang agak besar. Apa yang dimaksudkan besar itu bukan hanya kepada angkanya tetapi yang lebih penting daripada itu. Kalau kita memahami sedikit tentang ekonomi, ia membawa maksud bahawa kita akan memobilisasikan sumber-sumber *resources* negara ini untuk sampai ke situ dengan maksud kata, puratanya pertumbuhan sebanyak

6.5% setahun. *Compounded* 80% dalam lima tahun dalam RMKe-10 ini. Apa yang dimaksudkan di situ adalah akan berlaku seperti mana yang berlaku terdahulu daripada ini.

Hari ini kita tidak dengar dan laporan ini pun tidak menyebut sedikit pun tentang apa yang dikatakan sebagai keefisienan pertumbuhan. RMKe-8 saya lihat ada disentuh di situ. Apa yang disebutkan oleh para ekonomi sebagai dengan izin apa yang disebutkan sebagai *Incremental Capital Output Ratio (ICOR) value* – nilai ICOR. Nilai di mana kita meletakkan *investment* untuk menyaksikan pertumbuhan. Kali ini tidak ada pun disebutkan. Di situlah nilainya sejauh manakah keberkesanan *investment* kita. Sebab ekonomi itu dia ada punya *absorption capacity*nya. Dia punya keupayaan untuk menghadam *investment*. Akan tetapi kalau kita sudah meletakkan pertumbuhan yang seperti itu, sebenarnya kita tidak memahami bahawa apa yang hendak kita pacu seperti mana yang telah saya sebutkan tadi seumpama memandu kereta pada *gear* dua untuk sejauh 10 kilometer. Itu yang berlaku satu masa dahulu. Mantan Perdana Menteri menyebutkan bahawa kita mahu pacu pertumbuhan 10% untuk sepuluh tahun satu masa dahulu. Kemudian ditakdirkan Allah, berlaku *the Asian debacle financial crisis* 1997 lalu hancur segala apa jua cita-cita kita untuk sampai ke tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang dimaksudkan supaya kita kembali sedar bahawa apa maksud kita mendewakan pertumbuhan ini. Apa maksud kita apabila kita meletakkan persoalan '*growth*' itu sebagai satu dasar, satu matlamat dalam *micro economics*. Ia bukan hanya sekadar *growth* dalam angka itu. Akan tetapi ia mesti membawa kepada apa yang saya sebutkan lebih awal tadi, kemakmuran itu. Kemakmuran yang akhirnya menyinggung persoalan *quality of life*.

Tatkala kita menyaksikan dan kita selidik dan kita tilik dan kita renungi kedudukan kita hari ini, kita memang tidak akan bankrap seperti Greece. Betul, saya rasa tidak ada *parallelnya* di situ. Akan tetapi kita pada waktu yang sama mungkin akan menjadi seperti negara Filipina. Negara Filipina yang hari ini sedikit waktu dahulu, presidennya adalah seorang *Professor in Economics*, Gloria Macapagal-Arroyo itu adalah seorang *Professor in Economics*. Akan tetapi negaranya setelah rankingnya adalah hanya di belakang Jepun, *in postwar* Asia. Hari ini di mana Filipina? Kita sudah menjadi itu. Kita tidak perlu ada takut. Ditakut-takutkan, dimomokkan menjadi Greece. Mungkin jauh *parallel* itu, perbandingan itu mungkin tidak sama. Akan tetapi kita sedang mengalami dan kita sedang mengikuti jejak langkah menjadi sebuah negara seperti Filipina.

Ini yang dimaksudkan Tuan Yang di-Pertua tatkala kita tidak meletakkan persoalan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat itu supaya negara dan rakyat di sini, rakyat di seluruh negara ini tanpa mengira kaum, bangsa dan agama mengecap khazanah kekayaan negara ini.

Kalau kita lihat kepada *Gini coefficient*, *intra* dan *inter-ethnic*, ini mungkin satu perkara yang mungkin saya tidak dapat sebutkan dengan lebih *mendetail* kerana kekangan waktu di sini. Apa yang hendak saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua adalah dalam persoalan meletakkan setelah saya baca ini, saya tidak nampak jelas bagaimana persoalan prioriti itu. Prioriti ini bukan satu *magical word* tetapi paling tidaknya kita memacu dan kita membuat slogan 1Malaysia. Saya sudah boleh membayangkan dalam tahun 2020 nanti, bukannya 1Malaysia.

Jelasnya akan wujud 2Malaysia. Malaysia yang negeri-negeri maju di Pantai Barat Semenanjung dan Malaysia negeri-negeri mundur atau kurang maju di Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Suasana ini, senario ini, gejala ini, kebejatan ini berlangsung 47 tahun terus-terusan. Hari ini saya faham apa itu kemiskinan tatkala saya pergi dan menziarahi kawan-kawan di Sibu sedikit waktu dahulu dan juga tatkala saya berada di Keningau dan melihat bandar-bandar dan tempat-tempat yang lain kerana adik dan adik ipar saya tinggal di Keningau. Saya tahu apa maksud kemiskinan, apa maksud sekolah pedalaman. Apa maksud kalau sekolah tidak punya bekalan api dan bekalan air bersih. Selama 47 tahun tidak ada sebab dan alasan yang boleh kita berikan. Kecuali di sana tidak ada komitmen yang benar-benar. Minta maaf lah MP-MP daripada Sabah dan juga Sarawak.

Hari ini saya bercakap atas dasar seorang MP *law maker legislator* untuk seluruh rakyat Malaysia yang mana saya simpulkan di sana jelasnya tidak memahami kita. Apa yang dimaksudkan dengan izin dalam bahasa Arabnya, bahasa *fiqh al-aulawiyat* ataupun meletakkan *prioritization*, keutamaan itu kena dan betul pada tempatnya.

Dengan kata lain, meletakkan semua penting. Hendak dapatkan Parlimen baru penting. Hendak dapatkan istana juga penting. Hendak membuat kabel dasar laut berbilion-bilion ringgit itu juga penting.

#### ■1450

Berbelanja besar dalam pengangkutan awam, sehingga hari ini masih melengkok, masih kucar-kacir lagi, masih tidak ada *interconnectivity* di antara LRT, RapidKL dan sebagainya, sehinggakan Prasarana terpaksa mengeluarkan 8 bon berjumlah RM8.74 bilion yang dijamin oleh Kerajaan Pusat. Mengapa begini sekali kita

mengurus kekayaan dan khazanah negara ini? Kerana kita tidak punya keutamaan, kerana kita tidak punya satu paradigma pemikiran meletakkan keutamaan itu untuk menyejahterakan rakyat.

Dalam pada waktu yang sama, ketirisan dan kebocoran cukup sarat dalam pengurusan khazanah kekayaan negara ini. Tidak ada pemerintahan, tidak ada kerajaan yang lain dalam 50 tahun yang lalu kecuali Kerajaan Perikatan dan UMNO Barisan Nasional. Siapa yang hendak kita salahkan? Tepuk dada dan tanya kesedaran dan keimanan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, lalu dengan itu, saya membawa keinsafan ini supaya kita tidak lagi bercakap dan tidak lagi membuat peruntukan-peruntukan besar kecuali kalau benar-benar kita telah pastikan bahawa kita punya komitmen untuk melaksanakan perkara ini. Contohnya, dalam koridor-koridor yang kita bentangkan, saya mengambil hanya daripada fakta-fakta yang diberikan oleh kerajaan. Saya memerhatikan dalam lampiran, muka surat 420 itu, saya memerhatikan peruntukan-peruntukan yang dibuat dalam semua, *“menangani masalah ketidaksamaan sosial ekonomi yang berterusan secara membina dan produktif,”* hanya Iskandar Malaysia yang punya peruntukan yang saya perhatikan dalam hal ini.

Hanya Iskandar Malaysia yang mempunyai peruntukan yang tidak silap saya kurang lebih RM39 bilion. Selainnya tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dalam RMKe-9, paling tidaknya saya punya, saya dapat lihat projek-projek yang disebutkan. Akan tetapi sejauh ini kita dapat saksikan sama ada *Northern Corridor*, sama ada Koridor Sabah dan sebagainya dan saya memerhatikan pula pencapaian-pencapaiannya, Tuan Yang di-Pertua, pernah dibuat pengisytiharannya RM1 trilion. Sehingga hari ini daripada RM140 bilion yang disasarkan dan yang komited untuk pelaburan adalah RM245 bilion, yang sebenarnya hanyalah RM40 bilion.

Selain daripada itu, kita tidak tahu mana akan datang dana itu dan saya berbincang dengan kawan-kawan lain, tidak ada peruntukan. Suasana ketika Kerajaan Pusat sedang dibebani dengan hutang yang seperti ini, saya tidak tahu untuk kerajaan menerbitkan bon, sukuk atau konvensional, itu satu hal lain, tetapi saya tidak nampak. Saya sebutkan dalam hal ini kita dapat lihat di awal tadi, RMKe-7, RMKe-8, RMKe-9, semuanya mendapat penambahan tetapi RMKe-10 ini, apakah kerajaan mampu membuat penambahan-penambahan walaupun 10% sebab yang dalam RMKe-7 (53%), RMKe-8 (55%), RMKe-9 mendapat suntikan fiskal sebanyak RM67 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya mengingatkan kerajaan supaya benar-benar cermat. Yang Berhormat Ledang menyebutkan bahawa pembangunan mesti berterusan. Itu jelas bagi kami dan saya sebutkan awal-awal tadi bahawa saya selaku Ahli Parlimen Kuala Selangor mahukan semua perancangan kerajaan berjaya. Andainya kami mengambil alih, kami mahu mengambil alih kerajaan ataupun birokrasi ataupun perancangan yang baik. Jadi, dengan itu tidak ada apa pun, tidak ada siapa pun yang sepatutnya menyangsikan bahawa kita mahu kesemua projek-projek dan perancangan besar ini berjaya.

Lalu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan apabila kedengaran ulangan daripada gelombang penswastaan kedua ini dan yang paling mutakhir adalah bagaimana kerajaan sedang meneliti dan menimbang sebuah syarikat sendirian berhad mahu mengambil alih 23 tol *highway* di seluruh Malaysia ini. Asas Serba sedang berunding untuk mendapatkan pemilikan kesemua 23 tol di Malaysia ini dengan harganya RM50 bilion. Dengan tawaran yang diberikan, yang dikedepankan ataupun yang cuba disogokkan adalah penjimatan subsidi sebanyak RM14 bilion oleh kerajaan.

Kepada rakyat dikatakan bahawa di sana tidak akan dinaikkan tol untuk selamalamanya dan rakyat akan dapat berjimat RM20 bilion. Pada waktu yang sama, kita ingin mengingatkan kerajaan supaya cadangan-cadangan seperti ini adalah ulangan dan kitaran semula kegagalan *privatization* atau penswastaan dalam gelombang yang pertama. Sudah cukup yang disebutkan oleh sahabat saya dari PJU utara, saya tidak mahu ulang. Berapa banyak yang kita *bailout*, hasil daripada kegagalan penswastaan itu.

Akan tetapi kalau hanyalah sekadar sebuah syarikat sendirian berhad, tidak kiralah Halim Saad kah, Daim kah berdiri di belakangnya, saya tidak tahu secara tepatnya. Pokoknya hari ini, kalaulah inilah cara gaya kita mahu mengurus seterusnya, persoalan penswastaan dan *direct nego* yang diberikan hanya kepada satu entiti, ia merupakan satu pengkhianatan kepada harapan rakyat kerana kalau hanya RM50 bilion dan mereka akan menggunakan *future revenues toll* ini. *Future revenues* ini akan di *securitize* kan dan daripada sekuriti *future revenues* ini mereka akan menerbitkan sama ada *dividend bonds* atau *conventional bonds* ataupun *musyarakah bonds* dan sebagainya, sukuk – itu mudah, sesiapa pun boleh buat.

Kalau PLUS mahu buat pun tidak apa tetapi untuk dirundingkan langsung *direct*, dengan satu entiti untuk mengambil alih 23 *highway*. Ini satu perkara yang saya kira jangan ulangi kegilaan yang dilakukan dalam penswastaan yang pertama, yang

menyaksikan pelbagai kegagalan yang akhirnya ditanggung oleh rakyat, ditanggung oleh *the taxpayers money*.

Tuan Yang di-Pertua, lalu dengan itu saya mengingatkan juga akan usaha kerajaan untuk mendapatkan *revenues* selain daripada *revenues* ataupun pendapatan-pendapatan yang sudah mula difikirkan adalah apa yang dikatakan sebagai *the Goods and Services Tax*. Cukai baru, *consumption tax* yang nampaknya akhirnya akan mengalih pandangan kerajaan kepada rakyat juga. Yang dimaksudkan dengan 'Rakyat Diutamakan' itu adalah ketika mana kalau sangguplah Perdana Menteri memangsakan rakyat, yang dimaksudkan 'Rakyat Diutamakan' itu untuk mendapat pendapatan dan *revenue stream* dan model, selain daripada apa yang mampu dicapai. Jadi dengan kata lain, kalau saya mengalih sedikit kepada apa yang sedang kita saksikan hari ini...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Sedikit, boleh?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Boleh.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ya, terima kasih. Menyebut tentang isu GST di mana kerajaan bercadang untuk mengumpul atau meraih sedikit lagi tambahan dana atau *revenue* kepada Kerajaan Pusat melalui bidang pengenaan cukai baru ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor, ada pendapat juga mengatakan kos untuk pelaksanaan GST ini boleh mencapai beberapa bilion ringgit, lebih tinggi berbanding dengan hasil atau *revenue* yang hendak dikutip.

Dalam isu ini, adakah munasabahnya kita hendak cari di sini. Sekali lagi timbulnya tohmahan bahawa dalam pelaksanaan GST itu sendiri akan melibatkan beberapa tender kerajaan seperti penyediaan infrastruktur, persediaan barangkali kemudahan elektronik dan sebagainya yang juga melibatkan kerajaan terpaksa menanggung satu perbelanjaan baru untuk di tender kepada penender-penender awam.

Di sini juga dibimbangkan bahawa wujudnya suasana biasa iaitu kronisme, memberi kepada kontraktor-kontraktor tertentu atas syarikat-syarikat yang berkaitan dengan mereka sahaja. Bukan isu menambah *revenue* melalui kutipan cukai itu tetapi membelanjakan wang kerajaan untuk pelaksanaan itu. Terima kasih.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Indera Mahkota. Saya ambil ringkas sahaja. Saya telah ulangi dan saya tegaskan untuk RMKe-10 benar-benar berjaya. Kerajaan di bawah Perdana Menteri

mesti komited untuk melakukan yang *'walk the talk,'* mengotakan apa yang dikata. Kalau tidak – saya ingatkan kepada Perdana Menteri dan semua kerajaan hari ini supaya diingatkan firman Allah SWT. *[Membaca beberapa potong ayat Al-Quran]* “Wahai orang-orang yang beriman, jangan kau bercakap apa yang kau tidak lakukan. Besar sangat kemarahan Allah terhadap mereka yang mengatakan apa yang mereka tidak lakukan.”

■1500

Begitu sahaja saya rasa Yang Berhormat Indera Mahkota jawapannya dan akan tergantung kejayaan RMKe-10 atas komitmen *delivery system*. Tuan Yang di-Pertua, banyak masa lagi ya? Ada dua, tiga *point* lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ada tiga minit Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Apabila bercakap ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kalau tidak hendak tiga minit itu, boleh bagi balik kepada saya Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Lalu kalau saya ingin sebutkan sedikit, dalam hal yang dikatakan baru-baru ini oleh Ketua Pembangkang dan kawan-kawan yang lain. Apabila kerajaan kembali untuk melihat persoalan *construction* dan sektor pembinaan itu, kalau itulah prioritinya, kalau itulah *aulawiyatnya*, kalau itulah keutamaannya untuk dibelanjakan wang rakyat, untuk menyejahterakan rakyat, saya mempertikaikan perkara itu Tuan Yang di-Pertua. Sama ada tanah Sungai Besi, atau *trophy assets* di Sungai Buloh atau yang lain-lain di Jalan Stonor dan sebagainya, sudah cukup dalam soal pembangunan fizikal ini

Tuan Yang di-Pertua, kerana antara lainnya saya membaca daripada mengikut pusat informasi hartanah kebangsaan. Di bawah Kementerian Kewangan sendiri terdapat sebanyak RM5.38 bilion *property overhang*, dengan izin *glut* dengan kata lain. Kalau saya hendak baca satu persatu ini pun boleh. Akan tetapi hendak ambil ringkasnya, sama ada *property* ataupun hartanah yang bersifat *residential shocks industrial* - yang telah dilaksanakan, yang telah dibina tetapi tidak ada. *Only 20% take* atau yang *buyers*, atau yang dibeli, yang dalam perangkaan suku ketiga tahun sudah, yang *overhang* seperti itu juga, yang bakal dibina - yang telah diluluskan untuk dibina.

Saya ingat sudah sampai waktunya kita beralih daripada hanya meletakkan *construction* dan pembinaan. Kita tahu pembinaan dan *construction* ini membawa *multiplier* - kesan berganda yang besar. Saya tahu. Akan tetapi untuk seperti mana yang

telah saya tegaskan tadi, falsafah pembangunan kita ini Tuan Yang di-Pertua, supaya kita keluar daripada perangkap ini.

Saya ingin teruskan sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, supaya dapat saya sebutkan sedikit di sini. Apabila kita mahu idea besar - kembali kepada idea besar. Idea bersara pertama yang disebutkan oleh Perdana Menteri adalah supaya pacuan pembangunan dalam RMKe-10 berdasarkan apa yang dikatakan sebagai dipacu - ekonomi dipacu oleh faktor dalam negeri di samping mengambil kira persekitaran luar negara. *At least, for once...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Saya hendak *landing* Tuan Yang di-Pertua. Untuk pertama kalinya, sedikit kemunasabahan kita dapat saksikan daripada Perdana Menteri supaya *investment* ataupun pelaburan dipacu daripada dalam negara. Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan bahawa simpanan kita - *national saving* yang tinggi hampir 48% KDNK, tetapi *private investment* kita daripada dalam negara hanya 20%. Kita ada kesenjangan dalam kurang lebih 20%, yang agak besar. Ini kita boleh memobilisasikan dalam memacu pembangunan dan *growth* - pertumbuhan.

Akan tetapi persoalannya, mengapa? Mengapa *our big boys*? Mengapa *our* konglomerat besar lebih rela keluar untuk membuat pelaburan di luar? Tidak perlu saya sebutkan nama-nama mereka itu. Berlaku aliran-aliran dana yang begitu besar. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua - banyak hal hendak saya sebutkan, tetapi masa tidak mengizinkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, baik Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Beri kawan-kawan lain untuk berucap. Akan tetapi, saya mengingatkan untuk diri saya dan kawan-kawan di sebelah sini dan khususnya kepada kerajaan di bawah pemerintahan Perdana Menteri supaya memerhatikan.

Akhirnya, jangan diulangi segala pengurusan tempang, pincang yang akhirnya membawa khianat kepada rakyat apabila segala yang baik, yang dirumuskan oleh pemikir-pemikir dan *think-tank*, tetapi dimusnahkan dan di *subvert* dengan izin, disabotaj oleh ahli politiknya yang merupakan kepimpinan elit daripada UMNO Barisan Nasional. Oleh kerana itu, buat hari ini mereka yang memerintah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**  
Panjang sangat penutupan Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Kita akan memberikan teguran ini selama kita masih lagi di sini. Mungkin giliran ke hadapan mereka akan memberi teguran kepada kami. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**  
Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tengok berapa orang hendak bercakap. Ada lagi yang hendak bercakap atau tidak? Ini kerana Yang Berhormat kita ada sehingga 22 hari bulan, dan mengikut perhitungan saya 16 jam. Kalau 16 jam, kalau 30 minit, kita hanya boleh buat 32 orang bercakap. Jadi dengan itu dan selepas itu, Ahli-ahli Yang Berhormat saya hendak turunkan masa kepada 20 minit seorang. Saya ingat cukup 20 minit seorang. Itu keputusan Yang Berhormat, terima kasih. Okey, Yang Berhormat Sarikei.

### **3.05 ptg.**

**Tuang Ding Kuong Hiing [Sarikei]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk saya membahaskan ucapan RMKe-10 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mengemukakan beberapa isu.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama ialah menyelaraskan prosedur tawaran penerimaan biasiswa JPA dan urusan kemasukan matrikulasi. Dalam Dewan yang mulia ini saya mencadangkan bahawa urusan menyelaraskan prosedur penerimaan biasiswa JPA kepada pelajar yang berkelayakan dengan kata yang lebih cepat dan efisien. Ini adalah memandangkan pelajar yang sedang menuntut di matrikulasi setelah mendapatkan biasiswa JPA, ataupun selepas rayuan berjaya memperoleh biasiswa JPA tersebut. Banyak peluang dan kekosongan tempat pelajar tidak diisi semula. Dari segi peluang pendidikan, ia amat merugikan khasnya bagi mereka yang berminat belajar di matrikulasi. Justeru itu, saya mengesyorkan bahawa urusan pemberian biasiswa perlu mendahulukan urusan tawaran kemasukan di matrikulasi. Kekosongan yang ada perlu diberi kepada mereka yang buat rayuan dan pengambilan semula dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua ialah merasionalisasikan subsidi kepada rakyat. Kerajaan telah memberi pelbagai subsidi dan dijangka akan meningkat 100% pada tahun 2019 jika terus memberi subsidi. Kebergantungan rakyat Malaysia kepada kerajaan memberi subsidi jauh lebih besar jika dibandingkan dengan negara lain.

Langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan subsidi perlu dilakukan secara berperingkat, khasnya keperluan asas harian, petrol, buku teks dan sebagainya.

Dalam Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya mengambil langkah mengumumkan subsidi perlu dijalankan secara serius dan berhati-hati. Iaitu berusaha sedaya upaya memerangi gejala rasuah di negara ini dan memberhentikan pembaziran perbelanjaan mengurus baik sedia ada dasar baru mahupun *one-off* serta projek-projek pembangunan di agensi-agensi atau jabatan-jabatan kerajaan. Setiap program atau aktiviti yang hendak dilaksanakan perlu diteliti sehalus-halusnya oleh pihak MAMPU dan jawatankuasa-jawatankuasa yang diberi penguatkuasaan sebagai pegawai pengawal.

■1510

Kajian-kajian yang lebih relevan ke atas spesifikasi-spesifikasi tender juga perlu diteliti halus dan garis panduan yang lebih jelas supaya perbelanjaan berlebihan atau pembaziran tidak berlaku malah memberi impak yang maksimum kepada negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, pembinaan keperluan kolej komuniti di Sarikei. Langkah kerajaan untuk memperkenalkan kolej komuniti di negara ini adalah sangat tepat pada masanya supaya kualiti tenaga pekerja dipertingkatkan. Tidak kurang juga Sarikei sangat memerlukan sebuah kolej komuniti untuk meningkatkan tenaga pekerja yang mampu dibekalkan kepada kawasan sekitar khasnya. Sarikei yang terletak di tengah-tengah kawasan Pembangunan Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak atau SCORE dan kawasan hab halal di Tanjong Manis adalah sangat sesuai dibina sebuah kolej komuniti supaya kemahiran pekerja dapat dilatih, dipertingkatkan dan dihasilkan serta dibekalkan.

Namun yang demikian dalam sesi-sesi Parlimen bersidang yang lepas, Kementerian Pengajian Tinggi telah menyatakan secara lisan bahawa sebuah kolej komuniti akan dicadang dan dibina di Sarikei. Saya berharap Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Unit Perancangan Ekonomi dan lain-lain agensi yang berkenaan dapat memasukkan agenda ini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, keempat peruntukan mengadakan prasekolah di semua sekolah rendah. Kementerian Pelajaran telah mengarahkan semua sekolah khasnya sekolah rendah mengadakan kelas prasekolah di seluruh negara pada tahun 2011. Saya memuji langkah Kementerian Pelajaran mengambil langkah positif kepada rakyat

supaya minda kelas pertama rakyat didahulukan dan dipupuk sejak dari awal kanak-kanak lagi. Ini adalah selaras dengan langkah kerajaan supaya rakyat di negara ini menjadi minda kelas pertama.

Namun demikian sebagai langkah awal mungkin menghadapi kesukaran untuk mengadakan kelas tersebut dari pelbagai aspek. Maka saya mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya menyediakan peruntukan sewajar kepada sekolah-sekolah yang mengadakan kelas prasekolah khasnya membina bilik darjah, dewan makan, tapak permainan dan lain-lain kemudahan asas. Sekolah di kawasan saya kebanyakan bangunan di sekolah adalah dimakan anai-anai dan lapuk boleh mengundang kecelakaan. Oleh itu pihak kementerian perlu menimbang semula dan mengkaji langkah-langkah yang telah diambil khasnya dari segi peruntukan untuk sekolah-sekolah yang akan mengadakan kelas prasekolah.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir ialah penambahbaikan dan pembinaan semula bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kuching No. 1 Sarawak. Untuk makluman dewan yang mulia ini, Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kuching No. 1 telah ranap pada empat tahun yang lepas. Melibat 12 bilik darjah termasuk tiga bilik makmal sains. Walau bagaimanapun, kejadian ini telah menimbulkan perasaan risau dan bimbang kepada ibu bapa mereka yang menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah ini. Namun usaha telah dilakukan oleh pihak PIBG sekolah dengan sekadar mampu yang boleh. Buat masa ini sekolah ini telah menghadapi masalah serius kekurangan bilik darjah untuk menampung keperluan iaitu hanya lima bilik darjah sementara dibina. Keadaan ini bukan sahaja ibu bapa yang merungut malah pelajar pun merungut sehingga poteng sekolah.

Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya mengambil langkah positif untuk membina semula bangunan yang telah ranap dan keselamatan pelajar-pelajar di sekolah tersebut terjamin. Lebih-lebih lagi pelajar-pelajar ini adalah harapan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**3.15 ptg.**

**Tuan Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini pandangan dari Sabah atas Rancangan Malaysia Kesepuluh. Rancangan Malaysia Kesepuluh sekali lagi beri Sabahan kekecewaan. Di Sabah, Sabahan berharap tinggi

atas Rancangan Malaysia Kesepuluh dan semoga Sabah akan mendapat keuntungan dari rancangan baru ini.

Aspek yang paling mengecewakan adalah bahawa tidak ada usaha atas pembanterasan kemiskinan yang dialami di negeri Sabah. Orang-orang luar bandar tidak mendapat faedah dari RMKe-7, RMKe-8 dan RMKe-9. Kadar kemiskinan masih berada di angka 23%. Saya hairan bagaimana kerajaan akan mencapai kosong kemiskinan pada akhir 2010. Kemiskinan di luar bandar adalah tersebar luas. Dengan hanya membina jalan atau jambatan, pemasangan bekalan elektrik dan air tidak akan membantu mereka jauh dari kemiskinan. Kerajaan harus melihat bagaimana menolong mereka menjadi lebih produktif dan mengerakkan skim yang membantu mereka.

Di Sabah syarikat-syarikat besar merampas beratus ribu hektar tanah dari orang kampung. Tanah itu adalah tanah nenek moyang mereka dan ini telah menyebabkan kemarahan. Ini adalah satu lagi skandal yang mendorong orang-orang miskin menderita. Kes-kes seperti yang dilaporkan di surat khabar baru-baru ini adalah di Pitas, Kota Marudu dan di Lahad Datu, di mana orang-orang yang tinggal di sana dipaksa keluar dari tanah mereka. Apa logik di atas perkara ini? Hal ini tidak akan membantu orang miskin di Sabah. Apa guna untuk berbincang tentang rancangan Malaysia? Saya tahu masalah tanah merupakan masalah Kerajaan Negeri Sabah. Namun apabila melihat keadaannya ini terlibat kehidupan rakyat inilah urusan Persekutuan.

Rumah sakit - perkhidmatan, perubatan dan rumah sakit umum di Kota Kinabalu adalah salah satu masalah besar. Kita tidak boleh menunggu sehingga selesai RMKe-9 dan menunggu RMKe-10 baru membina rumah sakit itu. Lokasi Rumah Sakit Umum KK telah bertukar dari tempat ke tempat. Sekarang ada satu tapak 50 ekar di Bukit Padang yang dilapor dalam surat khabar oleh Timbalan Menteri Kesihatan, yang lucu adalah bahawa Menteri Kesihatan sendiri pun tidak tahu mengenai *proposal* itu. Blok *twin tower* dengan 600 katil dilaporkan akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh tetapi ini akan disiap sedia dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Orang-orang sakit tidak akan mampu menunggu selama itu dan juga semua kemudahan rumah sakit di Sabah perlu ditingkatkan dan diberi tambahan. Di manakah semua yang dijanjikan?

Masalah tempat meletak kereta masih belum diselesaikan di KK hingga hari ini. Doktor, jururawat, pelawat dan pesakit tetap menerima saman dari trafik polis setiap hari. Bila boleh selesai masalah ini? Lagi baik hantar semua saman kepada pejabat kesihatan.

**■ 1520**

Tuan Yang di-Pertua, banjir di Kota Kinabalu benar-benar satu yang kita tidak boleh menerima. Mengapa hingga tahun 2010, bandar raya Kota Kinabalu masih tidak boleh mengatasi masalah banjir. Masalah ini boleh dapat diatasi jika ada cukup wang yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Kes khas adalah projek mitigasi banjir di Sungai Darau, Pulutan Menggatal. Projek ini sudah tunggu lama dan saya diberitahu projek ini akan dibuat dalam banyak bahagian dan peringkat pembinaan kerana kekurangan peruntukan.

Kita bukan mahu minta bilion ringgit untuk mengatasi banjir di beberapa kawasan di Kota Kinabalu tetapi untuk masa yang lama semenjak empat dekad yang lalu, tidak ada penyelesaian untuk menghentikan banjir di bandar Kota Kinabalu. Orang-orang di Kota Kinabalu menjadi sangat marah kerana barang-barang mereka rosak oleh air banjir dan ada masalah lain juga. Banjir bukan sahaja di Kota Kinabalu sahaja, di Kota Belud, Beaufort dan di Kota Marudu dan tidak lupa Kinabatangan adalah daerah yang sering menghadapi banjir.

Mereka tidak hanya hilang harta dan kewangan, kehidupan juga tidak selesai. Kita perlu rancangan yang baik untuk menghentikan banjir. Rancangan Malaysia Kesepuluh perlu dimasukkan ke dalam perhatian, tambahan kepada masalah ini dan beri lebih peruntukan, lebih banyak wang ke Sabah untuk menyelesaikan masalah banjir kami.

Tuan Yang di-Pertua, elektrik dan air. Rancangan Malaysia Kesepuluh juga menyebutkan memberikan bekalan elektrik dan air yang mencukupi untuk semua kawasan luar bandar hingga 99% pada tahun 2015 di Sabah. Apa gunanya menyebut 99% sehingga hari ini banyak tempat ada paip tambah air dan tiang elektrik tambah bekalan elektrik, masalah tambah bekalan air dan elektrik di Sabah masih belum dapat diselesaikan. Kami tidak dapat lihat bahawa kerajaan boleh mengatasi ini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Kami telah melalui begitu banyak rancangan Malaysia dan hari ini apa yang kita lihat di Sabah adalah sangat mengecewakan dan kurang keyakinan. Di Kota Kinabalu, ibu kota Sabah, boleh didapati bahawa ada beberapa buah kampung yang dekat bandar Kota Kinabalu masih menggunakan air tidak bersih dari bukit dan sungai. Pulau Kaya, sebuah pulau yang hanya beberapa batu dari daratan Kota Kinabalu masih tanpa bekalan air. Di Pantai Timur Sabah, kita masih menghadapi kekurangan bekalan air dan elektrik. Di Sandakan, bekalan air adalah air masin, baik untuk minum? Situasi bekalan

air dan elektrik akan menjadi semakin teruk jika kerajaan tidak mengadakan rancangan sekarang untuk menyelesaikan masalah ini.

Hingga sekarang kita belum melihat apa penjanaaan elektrik baru disediakan tetapi kita nampak tua, *second hand*, asap hitam, generator set digunakan. Mengapa ACSP masih terus berkeras penggunaan penjanaaan kuasa tenaga gunakan arang batu? Orang ramai tidak sokong guna arang batu di Sabah. Pandangan masyarakat perlu dihormati. ACSP perlu batalkan program ini.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh mengatakan bahawa akan ada 2,500 km panjang jalan raya akan dibina untuk kawasan luar bandar di Sabah. Kita boleh melihat jalan raya di kampung hari ini adalah dalam keadaan yang teruk dan susah untuk kenderaan. Jalan raya ini hanya sesuai untuk lembu dan kerbau sahaja. Menteri-menteri harus pergi untuk melihat sendiri keadaan jalan ini dan juga banyak jalan raya di dalam bandar Kota Kinabalu, Tawau, Kota Belud, Sandakan dan Lahad Datu perlu diperbaiki. Adakah rancangan untuk jalan raya di situ?

Kami telah menunggu dari rancangan ke rancangan, kondisi jalan raya di Sabah adalah buruk dan bilakah kerajaan akan memberi wang untuk meningkatkan? Kami berhak untuk mempunyai kualiti jalan raya yang sama dengan Semenanjung. Mengapa Sabah diberi jalan raya kelas kedua? Jalan Kalabakan – Sepulut yang dipanggil jalan raya utama sehingga hari ini masih belum ada tar. Bilakah ini akan dilakukan? Pada Rancangan Malaysia Kedua Belas? Projek *fly over* di Tanjung Aru dan landasan kapal terbang (KKIA) ditundakan. Bilakah tarikh boleh siap? Kita tidak boleh menunggu untuk selamanya. Jika kontraktor tidak bagus, cari orang lain yang dapat membuat kerja itu.

Subsidi. Pada subsidi, ini adalah bahawa kerajaan tidak dapat memberi bantuan kepada orang-orang di Sabah dan di Malaysia. Andai kata kerajaan akan bankrap pada tahun 2019 jika subsidi diteruskan. Petani-petani miskin di Sabah sangat bergantung pada subsidi kerajaan. Jika ini dipotong, bagaimana mereka boleh menanam dan hasilkan padi untuk kita. Subsidi padi perlu diubah menjadi harga tinggi untuk beli padi dari mereka. Ini supaya mereka dapat memiliki manfaat yang lebih baik. Tidak semua berhak dan perlu bantuan daripada kerajaan. Sekarang dengan pemotongan subsidi pasti akan mendorong kepada kesulitan terutama kepada orang-orang miskin.

Adalah dikatakan bahawa jika mengurangkan rasuah di Malaysia ini, tidak akan menikmati faedah yang lebih dan kehidupan yang baik. Amalan rasuah di Malaysia berasal daripada kerajaan dan dalam sistemnya. Penyakit ini harus dihilangkan dan

bahawa ia adalah ibu dari segala kejahatan. MACC harus menangkap orang yang merasuah, jangan tangkap ikan bilis sahaja dan membiarkan buaya besar.

Sabah Development Corridor (SDC) memotong perbelanjaan bagi koridor pembangunan Sabah menunjukkan kerajaan tidak mempunyai cukup wang untuk memulakan koridor pembangunan itu di Sabah. Bilion ringgit telah diumumkan dan apa yang kita lihat di Sabah, di manakah projek yang kerajaan umumkan akan membawa manfaat kepada masyarakat Sabah? Kami hanya melihat gas alam sekitar yang berharga dihantar ke Bintulu dan kehilangan blok minyak L dan M. Semua projek dalam SDC ini memerlukan banyak wang. Jika kerajaan tidak dapat mencari wang untuk memberi subsidi kepada rakyat, bagaimana mereka boleh cari wang untuk SDC projek? Bahawa kenaikan penduduk dan masalah MyKad di Sabah adalah bahagian awam.

Kami telah mendengar berulang kali tentang orang asing dapatkan identiti Malaysia. Dalam jangka yang panjang, ini akan menjadi sengsara kepada negara. Kami memerlukan tenaga kerja asing tetapi bukan bererti sejauh untuk mengesahkan pendatang tanpa izin (PTI) dan dipercayai mereka diberi MyKad. Sesuatu sistem diperlukan untuk mengendalikan orang-orang ini oleh pihak berkuasa seperti polis, imigresen dan JPN. Adakah rancangan kerajaan untuk mengendalikan mereka?

Keselamatan di Malaysia terutama di sekeliling laut dan pantai semakin di luar kawalan sekarang. Terlepas dari pelbagai jaminan yang diberikan oleh pihak polis, kejahatan masih terjadi di sana sini. Penculikan dua orang pekerja di Semporna lima bulan lalu, orangnya belum dijumpai dan kes masih dalam siasatan. Insiden seperti itu berlaku di laut Kudat juga. Apa tindakan akan diambil jika insiden lain berlaku?

#### ■ 1530

Pantai dan laut harus dilindungi dan rakyat tidak selamat. Kerajaan perlu meningkatkan kekuatan dan kemudahan tentera laut dan pasukan keselamatan yang lain di Sabah. Pada masa ini anggota keselamatan di Sabah tidak cukup kakitangan untuk melindungi kita. Dengan demikian saya mencadangkan bahawa Rancangan Malaysia Kesepuluh haruslah dibincangkan dengan berhati-hati untuk mempertimbangkan apakah keperluan untuk negeri Sabah. Jangan lupa bahawa Sabah adalah rakan kongsi dan jangan anggap Sabah hanya sebagai salah satu negeri sahaja. Kami memang selalu dilupakan.

Bilakah dan berapa kalikah menteri-menteri datang melawat Sabah dalam tahun yang lepas. Benarkah mereka betul-betul peduli negeri Sabah? Kami bukan negeri

kelas kedua dan kami menuntut hak-hak kami di Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**3.31 ptg.**

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Saya sebenarnya tadi berminat untuk berdiri bertanyakan minta penjelasan kepada rakan saya dari Kota Kinabalu sebab banyak sangat sebut nama Kota Belud dan sebagainya. Akan tetapi saya cuma ingin mengingatkan rakan saya dari Kota Kinabalu jangan menggunakan fakta-fakta yang silap yang cuba untuk mengaburi mata rakyat. *It is not good, do your research.* Nanti kalau ada masa nanti bawa *Hansard* jumpa dengan saya dan kita bercerita tentang masalah negeri Sabah bersama-sama. Saya tiada masa untuk memperjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah merupakan rancangan yang perlu kita sokong dan pastikan ia berjaya kerana ianya satu pendekatan baru dalam membangunkan negara kita. Selama ini kita difahamkan kerajaan meletakkan pembangunan terhadap *physical development*, dengan izin dan sekarang ini dengan pengkhususan yang lebih tepat iaitu pembangunan modal insan memberikan kepakaran baru kepada rakyat dan mengurangkan kebergantungan kepada pembangunan fizikal sebagai pemacu negara kita. Ini adalah satu lonjakan baru dalam dasar kerajaan yang perlu kita sokong kerana ia membolehkan kita melonjakkan lagi kemampuan negara mengeluarkan barangan dengan perkhidmatan yang lebih baik dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya ingin membawa sedikit permasalahan daripada kawasan saya. Apabila kita melihat kepada Kota Belud contohnya permasalahan yang besar yang masih lagi menghantui di kawasan saya ialah bekalan air. Bekalan air di Kota Belud ini Tuan Yang di-Pertua agak unik sedikit. Kita mempunyai loji air yang lebih daripada mencukupi untuk memberi bekalan kepada keseluruhan kawasan Kota Belud.

Kerajaan telah berbelanja banyak untuk membina loji yang baru. Cuma yang menjadi masalah kita ialah perpaipan. Jumlah yang diperuntukkan sebelum ini amat kurang sehingga apabila loji baru ini dibuka, paip yang lama dan sudah tua itu pecah

dan menyebabkan bekalan air tidak sampai ke sasaran. Jadi saya minta kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya melihat dan saya pasti ada perancangan yang teratur untuk Kota Belud supaya memastikan janji kerajaan pada hujung tahun 2012, 98% daripada kawasan negeri Sabah terutamanya kawasan seperti Kota Belud akan mendapat bekalan air dan juga bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk membincangkan soal subsidi. Setiap kali rakan-rakan daripada pihak di sebelah sana berdiri memperkatakan tentang subsidi *rationalization* ia merupakan satu topik yang begitu membawa polemik yang begitu kuat seolah-olah kerajaan ini adalah kerajaan yang zalim, yang hanya mahu menarik subsidi ini daripada orang-orang miskin. Saya tidak tahu dari mana dasar teori ekonomi yang dipakai oleh rakan-rakan di sebelah sana. Saya bermula dengan percanggahan fakta dahulu.

Kita diberitahu Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini PEMANDU mengatakan RM74 bilion subsidi negara kita secara langsung atau secara tidak langsung. Selepas itu Kementerian Kewangan mengatakan ianya berbeza lebih kurang RM18 bilion kalau saya tidak silap. Akan tetapi sebenarnya data ini adalah data yang sama. Cuma tidak *refund accounting*nya sahaja yang berbeza. Contohnya, kalau *Treasury very clear*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, duit yang tidak sampai kepadanya tidak boleh dikatakan duit dia.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Data yang...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekejap, sekejap saya akan bagi. *Accounting*, duit yang tidak sampai kepada Kementerian Kewangan, (*Treasury*) Perbendaharaan tidak akan dikira sebagai pendapatan dan bagaimana ia mahu berbelanja kepada duit yang tidak sampai ke tangannya. Akan tetapi pada PEMANDU dia memasukkan contohnya subsidi yang diberikan oleh Petronas kerana PEMANDU ini telah dipertanggungjawabkan untuk melihat makroekonomi. Statistik yang ada kepada PEMANDU bukan sahaja tentang subsidi, jenayah, jumlah sekolah dan sebagainya. Maka saya tidak mendapati ada perbezaan ketara di antara jumlah yang telah ditunjukkan oleh Kementerian Kewangan dan juga PEMANDU kerana subsidi yang diberikan oleh Petronas itu adalah juga sebahagian daripada subsidi kerajaan. Kepada *Treasury* dia tidak boleh menganggap duit itu tidak sampai ke tangannya terlebih dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih rakan Yang Berhormat Kota Belud. Saya memahami dan berkongsi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Belud kerana kalau kita meneliti dokumen yang dibekalkan kepada kita ini, Rancangan Malaysia Kesepuluh dan juga salah satu yang di sebut antara yang awal itu saya rasa ada baiknya Yang Berhormat Kota Belud teliti sedikit muka surat 151 terang menceritakan tentang kedudukan semasa di Sabah negeri Yang Berhormat sepatutnya perjuang apa dia. Muka surat 151 menyatakan daripada jawapan Menteri tadi kata sebanyak RM21.74 bilion yang disalurkan atau dimaksudkan untuk Sabah RM14.7 bilion telah pun dibelanjakan, maksudnya ada banyak lagi baki. Mengambil kira kedudukan itu, sekejap saya hendak terangkan satu perkara.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya cakap pasal *accounting* Yang Berhormat Indera Mahkota. *If you want to go to the other point, I will ask you....*

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ada baiknya untuk beritahu...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak apa kemudian nanti. Saya cuma ceritakan tentang kemiskinan. Satu sahaja Indera Mahkota. *Just one thing!*

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat tidak boleh macam ini Yang Berhormat, dia belum bagi jalan lagi Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya cakap pasal *accounting* you cakap pasal Sabah buat apa. Tuan Yang di-Pertua saya mahu memberitahu sedikit bahawa perbezaan *accounting* ini penting untuk diperhatikan...

**Seorang Ahli:** Saya hendak tanya Yang Berhormat sebab saya wakil dari Sabah....

**Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]:** Tunggu, tunggu lah jangan takut-takut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Indera Mahkota duduk, sekejap lagi...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Akan tetapi soal yang sebenarnya ditanya oleh Yang Berhormat Indera Mahkota itu berlainan dengan apa yang saya sebutkan di sini.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya rasa ada baiknya sebab dokumen ini yang kita bincangkan sekarang.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Nanti saya beri peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Ada peluang Yang Berhormat bercakap nanti.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya bagi, okey.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sambung semula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya peringatkan kita ada 20 minit lagi. Kalau kita hendak buat macam ini tidak habis Yang Berhormat.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Okey, satu perkara, Sabah punya kadar kemiskinan Yang Berhormat 19%.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kemudianlah. Saya sentuh pasal yang lain saya kena fokus kepada *point* saya. *Point* saya ialah Yang Berhormat dan juga rakan-rakan yang lain mengatakan kerajaan menipu tentang jumlah subsidi. Saya mengatakan kerajaan tidak menipu. Saya hanya mengatakan tentang *accounting procedure*. *Treasury* tidak boleh mengatakan duit Petronas yang dibelanjakan untuk gas dan sebagainya adalah subsidi yang datang daripada *Treasury* faham tidak. Kalau tidak faham sekolah balik.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Saya pun terbaca laporan daripada buku itu, Yang Berhormat jangan mengelirukan...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya tidak mengelirukan. Saya kata muka surat 151 ada sebutkan fasal kemiskinan di Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Indera Mahkota duduk Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** RM21 bilion yang telah dibelanjakan 68.7% yang selebihnya RM7 bilion itu dia *on going* masih berterusan. Apa yang kita susah hati bukan dia ke mana-mana.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itulah sebetulnya dan soal kemiskinan memang kita akui. Walau bagaimanapun komitmen kerajaan begitu memastikan bahawa 2015 nanti kemiskinan ini akan dapat dikurangkan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tidak apalah Yang Berhormat Indera Mahkota *I will give your chance* nanti kalau ada masa 20 minit sahaja *brother*.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Okey... Okey.

■1540

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya cuma ingin mengingatkan kepada rakan-rakan, sebenarnya tidak ada perbezaan dalam jumlah yang ditunjukkan, tidak ada. *Treasury* senang. Dia tidak boleh mengatakan duit itu duit saya sedangkan Petronas yang membelanjakannya. Sebab itu dalam PEMANDU, ianya merangkumi makro ekonomi. Ia bukan sahaja melihat kepada statistik subsidi, ia melihat kepada statistik bagaimana LRT, berapa ramai penumpang dalam LRT, berapa buah bas yang berada di jalan raya kita. Jadi ia melihat kepada keseluruhan. Sebab itu di dalam jumlah yang disebut RM74 bilion itu, PEMANDU betul sebab ia merangkumi subsidi yang diberikan oleh Petronas. Kepada *Treasury, it is not my money yet, so it is not suppose to be my account*. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pembohongan dan juga *statement* yang selalu dibuat oleh pembangkang ialah subsidi ini ditarik balik untuk menzalimi orang miskin. Ini adalah satu pembohongan yang amat-amat nyata. Saya tidak tahulah sama ada pihak pembangkang malas untuk membaca atau tidak, tetapi kalau kita pergi kepada *website* PEMANDU, *website* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita dengan jelas menyatakan yang menjadi masalah kita ialah bukan subsidi kepada rakyat, yang menjadi masalah kita ialah subsidi yang tidak kena pada sasarannya. *I think you agree with that*, kalau Yang Berhormat tolak pendekatan politik. Ini juga baik. Manalah tahu tahun 2013 Yang Berhormat akan menjadi kerajaan.

**Beberapa Ahli:** Amin.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tentunya akan menjadi satu permasalahan – subsidi yang tidak kena pada tempatnya. Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua. Kita berbelanja cukup banyak untuk diesel.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Itu yang elok Yang Berhormat, tuju kepada saya Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Duduk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak mengapa Yang Berhormat, berdiri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya katakan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berbelanja cukup banyak untuk diesel kepada nelayan contohnya. Betul! Untuk orang yang miskin, kita faham sentimennya. Akan tetapi apa yang kita tahu, setiap tahun perbelanjaan diesel bertambah tetapi pendapatan ikan, penangkapan ikan kita berkurangan. Ke mana duit itu pergi? Ke mana? Sebabnya adalah disalahgunakan...

**Seorang Ahli:** Siapa?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Oleh pelbagai pihak. Saya tidak mahu menunjuk jari kepada sesiapa tetapi hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, ialah subsidi itu disalahgunakan dan tidak sampai kepada sasarannya. Jadi kerajaan ini bertanggungjawab. Kita katakan kepada mereka ya. *"Okey, selain daripada memberi diesel secara subsidi, sekarang kita ubah pendekatan"*.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Jadi Yang Berhormat setuju tarik subsidi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat jangan ganggu Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kita bagi subsidi kepada penangkapan ikan. Kalau dahulu kita bagi RM0.10 kepada setiap kilo nelayan angkat daripada laut, sekarang kita bagi RM0.50.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat cadang tarik balik subsidiakah?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jadi masalahnya diesel itu dapat kita kurangkan. Kalau betul-betul nelayan ini keluar untuk....

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat cadang untuk tarik balik subsidiakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Indera Mahkota, jangan buat macam ini Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Indera Mahkota dengar dahulu.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Sokonglah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kadang-kadang saya pun mendengar juga hujah-hujah ekonomi Yang Berhormat. Kadang-kadang saya pun bingung tetapi saya dengar juga walaupun panjang tetapi saya ini *very simple*.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu mengurangkan diesel yang tidak sampai kepada sasarannya. Contohnya baja, Tuan Yang di-Pertua. Baja juga tidak sampai kepada

sasarannya. Ini adalah hakikatnya. Oleh sebab itu kita mahu memperkemaskan sistem subsidi ini tanpa kita mahu melihat, mempertikaikan bahawa orang-orang miskin memerlukan subsidi. Contohnya *electricity*. Kita sudah buat kajian. Dalam rasionalisasi subsidi kerajaan nanti, 56% pengguna *electricity* yang terdiri daripadanya orang miskin tidak akan mendapat kebaikan *electricity*, 56%. Selainnya itu adalah banglo yang besar yang mempunyai 300 buah lampu, itu kita potong. Kita beritahu kepada orang-orang kaya ini, kalau kamu mampu mempunyai banglo yang cukup besar, maka kita perlu potong subsidi yang kita beri.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Minta laluan sedikit sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Begitu juga kepada mereka seperti Yang Berhormat yang mungkin memakai kereta yang besar.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Kereta saya kecil sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kalau Yang Berhormat pakai kereta besar, Mercedes Benz contohnya, tidak patut Yang Berhormat mendapat subsidi kerajaan dalam petrol, tidak patut.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Semalam saya nampak Yang Berhormat Permatang Pauh balik daripada Parlimen pakai Mercedes 320.

**Seorang Ahli:** Sama yang cakap itu pun.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jadi kalau dia turun dan sampai ke stesen minyak, tentunya beliau akan membeli minyak pada harga yang telah disubsidikan oleh kerajaan, sedangkan kita bayar gaji dia sebagai Ketua Pembangkang.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Laluan, laluan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jadi beginilah ceritanya.

**Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Kota Belud, saya hendak tanya apa kereta yang awak pandu sekarang? Jangan *make accusation only*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kita jangan berpolitik. Ini adalah masalah jangka panjang negara kita.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Sedikit penjelasan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kita harus bertanggungjawab, kedua belah pihak harus bertanggungjawab untuk memastikan masalah subsidi ini dapat ditangani kerana...

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Sedikit, mengenai subsidi.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Subsidi? Saya bagi 20 saat.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Terima kasih. Saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Kota Belud mengatakan bahawa kita kena *structure* balik subsidi itu kerana subsidi itu tidak sampai kepada sasaran yang disebut dalam portal Perdana Menteri dan sebagainya.

Persoalannya sekarang, ke mana duit itu pergi seperti yang disebutkan Yang Berhormat Kota Belud? Kita mendapati bahawa ada berlaku unsur-unsur rasuah, kroni dan sebagainya. Itu yang menyebabkan kita membantah cadangan-cadangan yang disebut oleh kerajaan tadi.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak mengapa, okey. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya faham, itu kita tidak mahu lari daripada itu. Kalau ada kroni kah, *corruptions* kah, kita akan deal dengan *problem* itu pada satu sudut yang lain. Akan tetapi masalah yang di depan mata kita ini subsidi tidak lagi *sustainable*. *Anyone of you there as an economist understand this, unless you go and argue on political basis.* Itu tidak bertanggungjawab.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Sedikit lagi. Berapa peratus subsidi kepada rakyat yang diberi berbanding dengan jumlah yang lebih besar dalam industri-industri yang lebih besar berbanding dengan jumlah 27 juta rakyat dalam pertanian, dalam pemakanan dan sebagainya. Hanyalah kurang lebih 20%.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sebab itu saya katakan Yang Berhormat, kita berada pada paras yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Kedah, ini bukan mesyuarat jawatankuasa parti, di sini Parlimen, ia ada peraturan tersendiri. Minta tolonglah sedikit. Kalau kita tidak boleh tunjuk di kuorum di sini, macam mana hendak jadi kerajaan?

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih atas ingatan Tuan Yang di-Pertua. Ini masalahnya subsidi ini ialah ianya dicampur gaulkan dengan kepentingan politik. Saya beritahu kepada rakan-rakan, kalaulah Kerajaan UMNO Barisan Nasional seperti selalu disebut pembangkang ini mahu bermain politik, kita tidak akan sentuh soal subsidi ini. Kita tidak akan sentuh, malah kita tambah lagi. Biarlah negara ini *bankrupt*, asalkan sahaja kita menang dalam pilihan raya. Akan tetapi kerajaan ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab yang melihat kepada masa depan

negara ini, kepada rakyat. Kalau tentang soal politik, sudah tentu kita tidak mahu meletakkan tangan, jari kita untuk mengurangkan subsidi. Ini faktanya.

Begitu juga dengan soal lesen judi Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu ini soal yang begitu polemik dan kadang-kadang orang kata kenapa perlu seorang wakil rakyat daripada UMNO yang beragama Islam mahu berbincang tentang lesen judi, tetapi saya berdasarkan kepada fakta Tuan Yang di-Pertua, fakta.

Fakta yang pertama, RM20 bilion wang kita mengalir keluar negara. Kebanyakannya mengalir ke luar negara kerana ramai di antara kita yang berjudi melalui internet dan 'Ah Long' dan sebagainya yang terpaksa keluar daripada negara – duit itu. Duit ini jugalah Tuan Yang di-Pertua, yang akan digunakan untuk membiayai kegiatan *organize crime, prostitution, 'Ah Long', drugs, human trafficking*. Inilah semua duit ini dipakai. Dalam kekalutan kita bercerita tentang polemik judi ini, kita terlupa apa sebabnya kerajaan mahu mencadangkan supaya lesen judi *sport betting* ini diadakan.

Saya tolaklah hujah-hujah agama sementara sebab itu nanti saya akan serahkan kepada pihak kerajaan. Kalau pihak kerajaan menarik balik, kita ikut. Sebenarnya *if we have a choice*, kalau kita ada pilihan, sudah tentu tidak ada satu negara yang mahu melesenkan judi ini. Akan tetapi kita berdepan dengan satu polemik, satu masalah yang terang. Kita selalu berkata di dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah dadah di negara kita, tidak habis-habis. Kenapa? Kerana *organize crime* mempunyai duit yang cukup banyak yang kebanyakannya duit ini daripada *illegal gambling* ini.

**Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat, boleh saya minta penjelasan?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak mengapa, nantilah Yang Berhormat. Saya pun tidak tahu Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Masa tidak ada lagi Yang Berhormat.

**Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]:** Sebab jikalau *you* buat *argument on* lesen judi...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak apa, dengar dahulu saya cakap Yang Berhormat.

**Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]:** *...I think we can solve the dadah problem by legalize dadah juga? If we* ikut awak punya *argument*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Apa dia?

**Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]:** Kita juga boleh mengatasi masalah dadah kita *if we follow your point of argument* macam itu. *If we legalize dadah, then we can solve prostitution and dadah juga, bukan? If we follow your points.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, *with all due respect, you are the one of the worst* Yang Berhormat *I have ever heard statement from you. Are you saying that we are supposed to legalize drug because....*

■1550

**Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]:** *No. I'm saying we - No argument. Do you understand? [Dewan riuh]*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *You listen to me and you sit down.*

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Minta penjelasan, minta penjelasan. Minta penjelasan.

**Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]:** *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Nombor satu, Yang Berhormat *you* berdiri tidak ada kebenaran daripada saya. Saya cakap tadi ikutlah *decorum* dalam Dewan sikit. Kalau hendak mencelah, idea itu memang berlainan. Pendapat, pendirian berlainan. Akan tetapi mencelah itu ikutlah peraturan. Ini Dewan.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Boleh saya mencelah sekarang?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menjawab Tuan Yang di-Pertua. Ini persoalan yang cukup bagus.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Penjelasan, boleh?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Mengikut. Tidak apalah, Yang Berhormat Indera Mahkota. *You know I need the time.* Bukan saya tidak mahu bagi tetapi masa tidak mencukupi.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya hendak satu penjelasan pasal jumlah...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak apa, tidak apa, tidak apa, Yang Berhormat. Saya tidak cukup masa, saya tidak cukup masa.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Jumlah, jumlah, jumlah *revenue* judi ini tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Dia kena habiskan masa, Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya tidak cukup masa. Saya dengar juga *argument* ini, Tuan Yang di-Pertua. Katanya kalau kita *legalize sports betting*, kalau *argument* saya katakan tadi “oh, kenapa kita tidak *legalize* sekali *prostitution* dengan *drugs*?” *I mean this.*

Tuan Yang di-Pertua, mungkin rakan-rakan saya di sebelah pihak sana tidak tahu bahawa sebenarnya di negara kita ini perjudian itu halal. Ada yang halal. Dilesenkan. *It's already in this country.* Ada. *You* pergi *sports betting* semua, 4D dan sebagainya telah pun di- kita sudah pun mempunyai asas untuk menghalalkan dan memberi lesen kepada perjudian. *We have never legalized drugs, my friend. We have never legalized prostitution.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Masa sudah habis, Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekejap, sekejap Tuan Yang di-Pertua. Ini amat penting. Minta saya sedikit. Tolong jangan ganggu sedikit. Jadi pada saya Tuan Yang di-Pertua, soal...

**Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]:** Kita pun tidak *illegalized prostitution.*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *No, no. We have no legalized prostitution in this country.*

**Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, *point* saya ialah kita telah pun menghalalkan beberapa bentuk perjudian. Kasino, empat nombor ekor, lumba kuda dan sebagainya. Menambah kepada *sports betting* ini Tuan Yang di-Pertua, hanyalah satu tambahan kepada perkara yang telah pun dihalalkan sebelum ini. Akan tetapi yang paling penting kepada saya Tuan Yang di-Pertua ialah saya minta kalau boleh untuk pengetahuan Ketua Wanita PKR di dalam...

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** *Please don't have to refer that.*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ketua Wanita PKR, Yang Berhormat Ampang, untuk pengetahuan Yang Berhormat Ampang, baca *Hansard* dalam

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Pulau Pinang meluluskan 253 buah premis judi tahun lepas, okey?

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Yang Berhormat Kota Belud sebut nama saya...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya minta supaya Yang Berhormat Ampang sebelum hendak bertanyakan kepada saya, tanya kepada Yang Berhormat Bagan bagaimana Kerajaan Negeri Pulau Pinang...

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** ...beri saya peluang untuk bercakap. *Since you mention my name, let me speak okay?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ampang, tidak boleh macam ini, Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...meluluskan 253 premis judi di Pulau Pinang.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ini dalam *Hansard*, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Masa Yang Berhormat sudah habis, sudah.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kalau saya menipu, menipulah Yang Berhormat Bagan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kota Belud, sudah habis masa.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekejap, sekejap. Lima minit Tuan Yang di-Pertua. Yang ini amat penting. Minta sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya menggulung, Tuan Yang di-Pertua. Jangan ganggu dulu.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Di Selangor, Yang Berhormat Ampang. Selangor kita sudah tahu. Sejak Pakatan Rakyat memerintah, lebih banyak

lagi premis-premis, *cyber cafe* dan benda-benda yang tidak sepatutnya berlaku di Selangor wujud.

Tuan Yang di-Pertua, soal judi ini Tuan Yang di-Pertua, dalam kehairahan kita mengatakan ini haram dan halal dan sebagainya tidak apa.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ini gulung apa, ini?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Akan tetapi saya ingin ingatkan kepada Dewan yang mulia ini, soal judi ini jauh besar dan dalam polemiknya. Berkenaan dengan dadah, duit yang digunakan untuk dadah, pembuangan bayi, masalah sosial semuanya berlaku kerana kegiatan-kegiatan *underground* ini berleluasa. Kalau kita tidak mahu lesenkan judi *sports betting* ini, saya minta supaya pihak pembangkang mengadakan satu cadangan. Bagaimana? Kita terbuka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, masa sudah habis, Yang Berhormat. Masa.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Bagaimana untuk. [*Dewan riuh*] Bagaimana untuk menyelesaikan masalah judi ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh, tadi saya sudah..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya tidak bagi masa lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey, *last*. *Last*, Tuan Yang di-Pertua ya. *Last, last*. [*Dewan riuh*] Saya gulung, saya gulung. Jadi Tuan Yang di-Pertua, tentang soal subsidi tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, duduk, Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, saya tahu. Saya seminit. 30 saat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Tidak apa, Yang Berhormat. Sudah terlebih sangat masa itu.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** 30 saat. Ini ada banyak gangguan, Tuan Yang di-Pertua. 30 saat. Saya akan gulung dalam masa 30 saat. Saya cuma minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** 30 saat, Tuan Yang di-Pertua kalau boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, ya.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Baik, Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih. Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Langat.

**3.55 ptg.**

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya juga kena terima hakikat di sini ada giliran-gilirannya masing-masing, Yang Berhormat. DAP, PAS dan PKR. Jadi giliran itu saya ikutkan.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Okey. Ruang 20 minit ini Tuan Yang di-Pertua, saya akan penuh dengan penelitian saya tentang penghujahan yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 10 Jun 2010. Bertarikh itu, daripada perkara 1 sehingga 111, tidak menampakkan sesuatu pun atas usul untuk membantu menaiktarafkan pekerjaan dalam bentuk penyelesaian atau pelan induk yang hendak dilaksanakan. Saya bermula daripada perkara 10. Perkara 10 berbunyi apa? Ia berbunyi daripada pelaksanaan program kemiskinan tegar. Miskin ada dua kumpulan. Satu miskin tegar, satu miskin. Ahli-ahli Parlimen juga miskin apabila mereka pencen esok.

Jadi dari kadar untuk mengatasi masalah miskin, kerangka pelaksanaan harus dilaksanakan. Pembentukannya tidak menampak tetapi jelas *percentage* nya ada. Dalam pembentukan itu, menurut pada perkara 20 yang telah dibentangkan, meningkatkan taraf kehidupan isi rumah pendapatan rendah. Bagaimana penyelesaian itu hendak dibuat?

Pertama, harus ada satu kerangka yang menjamin bahawa isi rumah menepati sasaran. Pertama, yang saya fikirkan ialah untuk gaji minimum. Di dalam pembentangan itu tidak menampak langsung gaji minimum untuk menaiktarafkan kehidupan rakyat terbanyak. Enam juta keseluruhan rakyat Malaysia yang mengundi atas dasar pekerja. Dalam pada itu, jelas menunjukkan bahawa keseluruhan yang

berlaku dalam menaiktarafkan penghidupan termasuk Ahli-ahli Parlimen, termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri. Seorang peguam melepaskan jawatan profesionnya menjadi Speaker tetapi gajinya yang paling terendah dalam dunia. Begitu juga Ahli Dewan yang lain. Apakah itu tidak termasuk dalam ke rangkuman Rancangan Malaysia Kesepuluh? Itu pun termasuk. Jadi Yang Berhormat kena sedar diri. Yang Berhormat juga miskin esok bila pencen.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Sebab itu saya sarankan Menteri Kewangan supaya memikir dan mengkaji semula tentang masa depan Ahli-ahli Parlimen termasuk Barisan Nasional bagaimana...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini ucapan, saya setuju. Saya sokong.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yalah. Belum habis, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ini untuk memastikan bahawa hak itu diberikan pada tempatnya. Di mana-mana negara kita lihat bahawa pendapatan yang diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat begitu luar biasa. Di Morocco contohnya. Tidak boleh saya samakan kerana nanti orang kata kecil hati. Kita negara yang *develop* tetapi pendapatan wakil rakyatnya yang paling miskin dalam dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ini baru balik daripada Moroccolah ini? *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh, boleh.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mengambil peluang ini sekali lagi...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta saya cakap?

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...dalam isu pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh, ingin merayu kepada Menteri Kewangan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, boleh?

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...mengkaji semula tentang kedudukan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mewakili rakyat 28 juta yang membuat dasar, membuat pindaan rang undang-undang kebaikan rakyat harus juga difikirkan masa depan mereka.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta?

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ketahuilah Ahli-ahli Yang Berhormat, pada suatu masa yang dahulu telah menjadi seorang penjual pisang, seorang penjual kripap, menjadi seorang penjaja di pasar malam. Ini berlaku. Tidak perlu disebutkan nama.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh menyampuk, Yang Berhormat?

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Akan tetapi jelas menunjukkan bahawa kebajikan kerajaan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, duduk dulu, Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Belum habis lagi. Banyak lagi ini. 20 minit, 20 minit, 20 minit. Jadi apa pun, apa pun, saya memohon supaya berilah ruang sedikit kepada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mahu sokong sikit saja.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ..diberikan supaya mereka juga perlu diberikan fokus ataupun formula untuk menjadi penyelesaian. Kita tidak mahu, kita menjadi pejuang kepada rakyat akhirnya kita menjadi papa kedana dan bila kita pencen, menjadi seorang yang miskin kerana pendapatan meningkat, taraf penghidupan isi rumah adalah RM3,000 ke bawah. Jadi, dengan saranan demikian, saya mencadangkan kepada Menteri Kewangan, fikir dan kaji semula untuk kebaikan seluruh Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat sekalian.

Meneruskan hujah saya dalam memastikan bahawa rakyat terbanyak ini dibela. Saya mengambil pendekatan pada perkara 73 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan. Seramai 100,000 orang lepasan SPM atau 22% memasuki pasaran pekerjaan setiap tahun. Apa perkara yang boleh kita laksanakan tanpa latihan kemahiran. Kita ada latihan kemahiran. Bajet yang ada RM500 juta diberikan untuk memastikan bahawa separuh daripada 23% daripada keseluruhan 23% tenaga kerja kita merupakan tenaga kemahiran kerja tinggi.

Saya bersetuju. Saya amat bersetuju untuk memastikan ruang itu diberikan sepenuhnya kepada setiap pelajar lepasan SPM dan tidak berkemahiran diberi ruang untuk mendapatkan pekerjaan. Akan tetapi persoalannya, apa kerangka yang dilaksanakan?

## ■1600

Jadi, bagi pandangan saya secara peribadi setiap mereka itu yang mendapatkan keluaran daripada SPM ini diwajibkan memasuki atau pun dibenarkan tanpa ada sekatan, berkebolehan untuk memasuki pusat latihan kemahiran. Ini memberikan peluang mereka untuk menjadi pekerja yang sepenuh kemahiran seperti mana yang ditargetkan sejumlah RM500 juta disediakan di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran yang dianggarkan manfaatnya sebanyak 38,000 pekerja. Di samping itu, saya mengambil peluang ini untuk menyatakan dengan jelas bahawa saya ingin cadang kembali satu tabung yang dipanggil *Retrenchment Fund* diwujudkan untuk menyelamatkan dan memastikan bahawa setiap kerangka pusingan...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua pun bertukar, selamat datang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Kita diberi ruang. Ini bermakna saya ada lagi 20 minit. Sebentar lagi Yang Berhormat Kinabatangan boleh mencelah.

Jadi, dalam RM500 juta ini saya mohon diadakan satu kewujudan *fund* yang dipanggil *Retrenchment Fund* sesuai di bawah Seksyen 60J Akta Pekerja yang membolehkan kita melaksanakannya. Ianya seperti di Thailand dan Australia yang juga telah dilaksanakan termasuk di Eropah. Apa salahnya dalam kutipan RM500 juta itu yang mewakili 6 juta pekerja tempatan diberi ruang untuk *develop* apabila mana berlaku pusingan peruduman ekonomi atau krisis yang mana kita telah bersedia dalam keadaan kita senang kita akan tenang, apabila hujan kita telah simpan air yang banyak, ketika kemarau kita gunakan air yang kita simpan. Itu adalah falsafah ekonomi yang baik. Akan tetapi sampai ke hari ini dibicarakan oleh Menteri Sumber Manusia di *study* dan dikaji tidak datang juga cadangannya. Ini kesan buruk kepada Dewan yang mulia yang mulia ini setelah dijanjikan tetapi tidak ditepati.

Berbalik kepada soal hala tuju. Perkara 38, saya ingat semasa tahun lepas Menteri Kewangan melaporkan bahawa mengumumkan cuti 16 September cuti wajib. Saya tanya dengan Menteri Kewangan, wajib itu apa? Sampai ke hari ini set akta rang undang-undang itu tidak dibawa untuk dibentangkan. Di bawah Seksyen 60D Akta

Pekerja 1955 diwajibkan dimasukkan sebagai akta membolehkan ia dibawa dan diguna pakai oleh semua majikan. Hari ini majikan mana yang boleh katakan bahawa 16 September cuti umum? Tidak! Jawapannya ialah retorik bicara.

Berbalik kepada soal bagaimana untuk kita memastikan bahawa undang-undang perburuhan dikaitkan dengan kaji semula? Menteri bercakap demikian. Saya mahu menegur Menteri Sumber Manusia, baru-baru ini satu rang undang-undang dicadangkan untuk dipinda. Ada tiga perkara. Satu ialah mereka yang memegang gaji RM10,000 ke atas tidak layak membuat pampasan. Saya mahu beritahu bahawa kalau itu berlaku maka 6 juta pekerja dalam negara ini berada di 'hujung tanduk'. Dibuang kerja bila-bila masa. Mengapa rang undang-undang ini mahu dijalankan sedangkan ini menganiaya pekerja? Ini dibuat atas dasar untuk memastikan beberapa korporat mendapat tempat dan membuat penganiayaan yang seluas-luasnya kepada pekerja. Contohnya, saya boleh mengajikan seorang itu gajinya RM10,001 dan saya boleh pecat dia pada bulan hadapan tanpa pampasan. Ini namanya undang-undang celaka haram jadah.

Kedua, dalam kita bicarakan soal *provision* Tun Yang di-Pertua. *Provision* tidak boleh meminta pampasan dan apabila tidak boleh meminta pampasan, saya boleh *continue provisions* tahun demi tahun akhirnya akan berlakulah 'kunta-kunte' dalam negara kita. Negara sendiri tetapi menjadi hamba kepada undang-undang yang telah dibentuk oleh negara Malaysia. Ini namanya undang-undang berat sebelah.

Ketiga, satu cadangan yang hendak dibuat oleh kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu *contract workers*. Tuan Yang di-pertua, *contract workers* ini kalau dibuat bunyinya sedap. Kerjanya apa? Pekerjaannya Pegawai *Marketing* Telekom tetapi kontrak. Kontrak tidak boleh dituntut pampasannya. Ini apa? Begitulah kedudukan undang-undang yang dibuat sebelum ini iaitu di bawah industri. Mahkamah Industri ini untuk siapa? Adakah untuk majikan? Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sri Gading. Undang-undang di bawah Mahkamah Perusahaan ini wujudnya apa?

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Undang-undang apa?

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dibuat pada tahun 1967. Alasannya untuk membela pekerja. Akan tetapi hari ini di bawah Seksyen 30 Akta Perusahaan 1967 dikawal selia oleh pihak hakim menjatuhkan hukum. Kerjanya 30 tahun, pampasannya dua tahun. Menunggu kes lapan tahun. Masuk Mahkamah Tinggi empat tahun, sudah jadi 12 tahun. Sampai tua mampus pun orang itu mendapat dua tahun sahaja pampasan. Ini undang-undang apa ini? Ia dipanggil undang-undang 'kunta-kunte'. Kaki digari, tangan dikawal, dan mulut disiap. Jadi, saya merayu...

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Hebat Yang Berhormat Kuala Langat.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Siapa itu?

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya merayu Dewan yang mulia ini mengkaji semula...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Pejuang pekerja.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...Memikir bila mana Menteri Kewangan... *[Bercakap dengan nada perlahan]* Ini merayu perlu *slow*.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Merayu perlu *slow*. Saya merayu Perkara 78.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Undang-undang apakah itu?

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Kecekapan pasaran buruh negara perlu dipertingkatkan. Undang-undang perburuhan yang berkaitan akan dikaji semula. Cadangan telah dibuat...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Ini jenis undang-undang apa pula?

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya. Yang Berhormat Lenggong itu memang begitulah. Dia hanya orang kampung saya, Tuan Yang di-Pertua. Dia selalu menyampuk. Apabila *turn* dia bercakap nanti saya menyampuk.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dia punya kedudukan pindaan ini perlu dikaji. Saya mohon kajian itu jangan membebankan rakyat. Tsunami 2008, beritahu saya kota dan bandar mana yang dimonopoli atau pun ditakluki oleh Barisan Nasional atas nama pekerja majoriti. Namakan saya satu daerah. Oleh sebab itu, saya merayu jangan disentuh kuasa keramat kuasa pekerja. Jikalau disentuh, saya yakin PRU ke-13 ke Putrajaya kita singgah.

**Beberapa Ahli:** *[Dewan Riu]*

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Dewan Riu]*

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Singgah sahaja tidak mengapa.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** .Dalam...

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Singgah tidak mengapa.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Jangan menguasai, singgah sahaja.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Sekarang boleh singgah.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Bicara apa sekali pun, seloroh apa sekali pun, hari ini kita berdepan dalam fenomena pekerja asing yang berlebihan. Sebelum ini, Menteri Kewangan akta levi majikan bayar. Menteri Sumber Manusia kata pekerja bayar. Akhirnya, *ding dong ding dong* tidak tahu siapa bayar. Tercetuslah satu idea mengatakan dengannya demikian Dasar Penggajian Pekerja Asing akan diperkemas dan diperkenalkan kadar levi berbeza. Masuk hari ini berbeza, buatnya bila? Tidak tahu. Persoalan kita sekarang ialah mengapa tidak konsisten?

Ini kerana tidak ada satu konsesi daripada kementerian bersungguh untuk memastikan setiap kali berlakunya isu berbangkit maka isu itu dianggap isu remeh. Dijawab hanya seloroh atau sepintas lalu. Tindakan susulan tidak dibuat. Pekerja asing melimpah ruah. Mengikut laporan Menteri Kewangan 1.9 juta pekerja asing. Saya mahu beritahu, pekerja asing yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, melebihi kadar 3.1 juta baik yang haram atau yang halal. Jadi, persoalannya mereka sudah berada dalam negara. Penjualan manusia berleluasa dilonggok di KLIA dan dibeli orang yang kedua. Badannya besar harganya besar dan badannya kecil harganya kecil. Jadi, apa pun bicaranya, itu adalah kesan daripada penguasaan yang tidak... Ada berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ada sepuluh minit lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Datuk Ronald Kiandee]:** Tujuh minit lagi.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Apa bicara pun, kekhuatiran Yang Berhormat yang saya lihat semuanya sama. Alunan lagunya dan rentaknya sama. Ia tidak mahu pekerja asing dimonopoli pekerja tempatan. Ya, benar saya pun setuju tetapi sampai bilakah? Dari dahulu kita telah pun diberitahu dan berita ini berkait-kait dan bercakap-cakap sampai letih mahu bercakap dalam Dewan ini. Penguatkuasaannya di mana? Pekerja asing yang datang secara haram dan halal begitu berpusu-pusu,

melimpah ruah hinggakan kita tidak dapat meruangkan pekerja tempatan. Apabila tidak dapat pekerja tempatan dia kata kita memilih.

Tuan Yang di-Pertua, betul kata Yang Berhormat Sri Gading, semasa kita lihat daripada rang undang-undang yang sudah dibuat gaji minimum, sekuriti atau pegawai keselamatan. Pada masa itu pun, dengan ini saya mengisytiharkan bahawa setelah Kabinet bersetuju, gaji minimum RM1,200. Apabila datang juga majikan, majikan kata tidak perlu kita buat. Ini akan jadi masalah begitu. Akhirnya kendur semula. Kita kerajaan, kita perlu tegas. Jikalau mahu buat dan membela nasib rakyat persetankan... [*Dewan Riu*] korporat-korporat dan keparat-keparat. Bukan kita dimainkan dengan lagu tarik tali takut diugut. Ini namanya 'kepimpinan bacul'.

Oleh sebab itu saya cadangkan supaya gaji minimum ini dilaksanakan keseluruhan sektor bukan sahaja sekuriti dan tegas. Jikalau mahu buat, buat. Jika tidak mahu buat, cakap tidak mahu buat kerana takut. Dengan siapa? Terpulang. Akan tetapi ingat setiap dasar pelaksanaan itu harus tertegas. Wajib dilaksanakan bukan bermain retorik politik. Oleh sebab itu, apabila bicarakan soal pekerja asing, penguatkuasanya mana? Pekerja asing datang yang ditangkapnya pekerja. Majikannya terlepas. Akan tetapi untuk maklumat, di bawah Seksyen 60M diharamkan boleh dihukum penjara satu tahun 2,000. Huh! Bunyinya sedap tetapi sejarah tidak pernah menyatakan Seksyen 60M itu dilaksanakan dan tidak ada mana-mana majikan yang mengambil pekerja asing secara haram lebih-lebih lagi secara rakus tidak dihukum.

#### ■1610

Tidak langsung dihukum dan sejarah mengatakan demikian. Jadi, wacana untuk mempertahankan hak pekerja oleh Yang Berhormat Sri Gading hanya hangat-hangat tahi ayam. Ini kerana tidak ada pelaksanaan termasuk saya sekali. Jadi, bicara kami hanya sekadar bicara keriuhan Dewan tetapi di luar sana sepi macam tidak ada manusia atau pun tiada orang yang membicarakan soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, melunakkan lagi daripada RMKe-10 ini, saya mengambil peluang ini untuk memberikan sedikit teguran. Sebelum ini saya sudah membuat teguran yang banyak tentang kuasa mahkamah perusahaan seperti mana Yang Berhormat Sri Gading maklumkan kepada saya, suruh mempertahankan benda ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia supaya melahirkan satu lagi yang dipanggil sebagai Mahkamah Tinggi Perusahaan yang merujuk khusus kes tanpa ada batas pampasan. Seksyen 30 harus ditarik balik kerana kesan buruknya kepada enam juta dan pekerja-pekerja yang terlibat

secara pembuangan ini tidak akan bermaharajalela. Cadangan untuk mengadakan, cadangan pindaan terhadap penerimaan pampasan di bawah Seksyen 20 Akta 1967. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, tolonglah jangan laksanakan ini kerana kesannya enam juta pekerja di hujung tanduk dan mereka bila-bila masa akan dibuang. Terima kasih Speaker. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habis sudah? Yang Berhormat Jasin.

#### 4.12 ptg.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pembentangan RMKe-10. Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang komprehensif dengan menggabungkan pembangunan fizikal dan pembangunan modal insan sebagai teras.

Strategi yang berkesan ini adalah semata-mata untuk meletakkan negara di landasan yang tepat ke arah mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi. Rancangan ini adalah satu usaha yang ikhlas dan komitmen yang tinggi untuk memajukan negara dan akan meletakkannya pada landasan yang betul ke arah meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam tempoh jangka panjang. Terutamanya menerusi pelaksanaan projek pembinaan sebanyak 52 projek, yang bernilai sebanyak RM63 bilion yang akan menjana dan merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan mengunjurkan untuk mencapai purata pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 6% pada setiap tahun sehinggalah tahun 2015. Memandangkan Malaysia sebagai sebuah negara yang terbuka, ekonomi Malaysia bukan sahaja ditentukan oleh faktor dalaman atau pun domestik bahkan terdedah kepada pelbagai risiko ekonomi global yang belum pulih sepenuhnya.

Soalan saya, apakah usaha lain yang dijalankan oleh kerajaan untuk melindungi negara kita daripada ancaman luar bagi memastikan sasaran pertumbuhan kita tetap dicapai. Contohnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita menyasarkan pertumbuhan sebanyak 6% tetapi kita hanya berjaya mendapat 4.2% sahaja dalam tempoh yang berkenaan kerana kita terjejas dengan krisis kewangan di Amerika Syarikat.

Untuk itu, beberapa pembahas daripada parti pembangkang yang banyak sebenarnya menafikan atau pun tidak dapat menerima hakikat bahawa negara kita sedang dalam perjalanan untuk satu kejayaan. Bahkan pertumbuhan 6% yang diunjurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri banyak daripada kalangan yang mempertikaikannya bahkan untuk maklumat, walaupun pada tahun 2000 sehingga tahun 2009 pertumbuhan KDNK kita mencatat hanya 4.7% sahaja. Akan tetapi, kita pernah mencatat lebih daripada 6% iaitu pada tahun 1990 sehingga tahun 1999 yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.2%.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu berhati-hati kerana kita sedang berhadapan dengan berbagai-bagai-bagai cabaran untuk mengurangkan defisit fiskal. Akan tetapi pada masa yang sama, kita juga perlu untuk terus berbelanja untuk melaksanakan projek yang bakal memberikan impak yang besar kepada ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus dipuji atas iltizamnya untuk mengurangkan defisit fiskal kita pada angka 5.3% kepada di bawah 3%. Usaha ini adalah selaras dengan negara-negara lain supaya kita terus dapat bersaing di peringkat global dan memberikan keyakinan kepada pihak pelabur. Untuk itu soalan saya, apakah langkah-langkah yang akan dijalankan oleh kerajaan bagi memastikan supaya kita dapat mengurangkan perbelanjaan mengurus dan pada masa yang sama kita dapat meningkatkan pendapatan negara daripada hasil negara. Ini kerana tiada cara lain lagi kecuali memastikan segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan benar-benar berkesan dan memberi manfaat kepada rakyat.

Saya menyebut tadi tentang defisit fiskal. Saya memetik daripada satu artikel keluaran *Economist* bertarikh 6 Jun, yang menyebut di sini bahawa negara China pada ketika ini defisit fiskalnya sebanyak 3.1% dan *current account balance* ia sebanyak RM282.2 bilion. Sementara Indonesia yang mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun lepas, defisitnya berada pada -2.1% dan *current account balance* ia hanya ada RM1.9 bilion sahaja.

Di sini Malaysia, defisit fiskal kita mencatatkan sebanyak 5.4% bahkan kita dapat mencatatkan satu *current account balance* sebanyak RM14 bilion kerana ini menunjukkan bahawa angka eksport kita begitu cemerlang mengatasi daripada bilangan import kita. Sementara Singapura mencatat -2.7% dan *current account balance* mereka adalah sebanyak RM34.2 bilion. Jadi, di sini cukup jelas bahawa kita mahu bersaing di peringkat global dan membuktikan keupayaan negara kita, bahawa kita juga

berkeupayaan untuk mencatatkan di bawah 3% kalau benar-benar kerajaan dapat diberikan sokongan oleh semua pihak.

Seterusnya penjualan tanah agensi kerajaan dengan tujuan untuk menjana pendapatan adalah perkara biasa yang telah dibuat oleh banyak negara lain bagi mengurangkan defisit fiskal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada bawa satu petikan daripada majalah *Economist* juga, yang ada menyebut bahawa banyak negara yang telah mengamalkan perkara yang sama, menjual aset kerajaan yang tidak digunakan. Janganlah hendaknya pihak pembangkang mengatakan seolah-olah kita mahu melelong harta kerajaan. Tujuan kita adalah satu sahaja, semata-mata untuk mengurangkan defisit fiskal supaya kita terus dapat bersaing di peringkat global.

Di sini saya ingin menyebutkan Hong Kong dan Singapura telah jalankan penjualan tanah. Di Hong Kong penjualannya dibuat pada tahun 2008 yang memperoleh sebanyak Dolar Hong Kong 62 bilion atau pun 17% daripada pendapatan kerajaan. Sementara Singapura pun telah menjualkan tanahnya pada bulan Mac 2009, pada tahun lepas dan mendapat pulangan sebanyak *Singapore Dollar 7.3 billion* iaitu 22% daripada jumlah pendapatan kerajaan. Jadi, apa yang dibuat oleh kerajaan pada ketika ini adalah selaras dengan usaha kita, supaya kita dapat mengurangkan defisit fiskal kita.

#### ■1620

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan dan menyambut baik pelan strategik yang membabitkan perbelanjaan Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak RM230 bilion bagi melahirkan masyarakat berpendapatan tinggi sekali gus mencapai sasaran negara maju menjelang tahun 2020. Kalau kita lihat daripada peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut fizikal dan juga bukan fizikal peratusan jumlahnya. Kalau kita lihat pada Rancangan Malaysia Kesembilan kita diberikan peruntukan RM230 bilion dan Rancangan Malaysia Kesepuluh juga angka yang sama sebanyak RM230 bilion.

Akan tetapi kalau kita lihat daripada segi pembahagian RMKe-9 diberikan sebanyak 78% untuk tujuan fizikal, sementara Rancangan Malaysia Kesepuluh diberi 60% fizikal sahaja. Akan tetapi dalam masa yang sama Rancangan Malaysia Kesembilan kita dapat 22% bukan fizikal, akan tetapi RMKe-10 kita memperuntukkan sebanyak 40% bukan fizikal. Jadi soalan saya, apakah sebenarnya rasional kerajaan dalam membuat pembahagian peruntukan dengan mengurangkan untuk fizikal

sebanyak 60% berbanding dengan sebanyak 78% pada RMKe-9, sementara kita meningkatkan 40% untuk tujuan bukan fizikal.

Pada jangkaan saya Tuan Yang di-Pertua, kita tidak guna mempunyai hospital yang cantik, yang canggih akan tetapi kita tidak mempunyai – ataupun dengan peralatan yang cukup baik. Akan tetapi tidak mempunyai doktor pakar dan juga jururawat-jururawat yang terlatih. Tidak guna kita ada sekolah yang besar-besar akan tetapi guru-gurunya tidak mempunyai kemampuan untuk kita melahirkan satu generasi anak bangsa yang benar-benar berkualiti. Kita mengharapkan agihan peruntukan pembangunan haruslah bertepatan seperti mengurangkan fizikal pada 60% dan menaikkan bukan fizikal kepada 40% supaya kita dapat membelanjakan peruntukan untuk meningkatkan modal insan, latihan, peningkatan dengan anggota yang benar-benar terlatih.

Tuan Yang di-Pertua kita bersyukur, WCY telah meletakkan kedudukan Malaysia pada tahun ini berada pada kedudukan ke-10 sebagai negara paling berdaya saing. Ini berbanding tempat ke-18 pada tahun lalu yang memberikan pengiktirafan kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, sekali gus kita mempunyai keupayaan untuk menarik minat pelabur. Pada suku penggal pertama, kita telah mencatat pertumbuhan sebanyak RM70.1 bilion.

Berikutan kesan prestasi ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan sasaran untuk meningkatkan kedudukan daya saing negara ke tempat kelima dalam tempoh terdekat ini. Sebenarnya ini adalah satu unjuran yang cukup bertepatan, bukan sahaja berdasarkan daripada angka pertumbuhan ekonomi kita bahkan trend pelaburan pada ketika ini yang banyak memihak untuk datang bersama-sama kita. Akan tetapi soalan saya apakah langkah-langkah perlu yang dilihat oleh kerajaan bagi memastikan supaya kedudukan daya saing kita terus dapat dipertingkatkan oleh semua sektor pelaburan supaya kita terus dapat bersaing dan menarik minat dan keyakinan pelabur asing.

Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang berpotensi untuk menjana pendapatan tinggi. Salah satunya ialah minyak sawit di mana Malaysia adalah di antara negara pengeluar utama dunia. Dengan keluasan tanaman sebanyak 4.7 juta hektar kelapa sawit, berkeupayaan menyumbang pada tahun 2008 sebanyak RM65.2 bilion. Pada tahun 2009 sebanyak RM49.6 bilion, bersamaan tahun 2008 mencatat sebanyak 12.34% GDP dan juga tahun 2009 sebanyak 9.55% GDP. Jadi soalan saya, mengapakah getah tidak dimasukkan sedangkan getah juga telah menghasilkan pulangan eksport sebanyak RM30 bilion

pada tahun 2008 dan sebanyak RM25 bilion pada tahun 2009, dan menyumbang sebanyak 5% kepada KDNK negara.

Tuan Yang di-Pertua, di awal tahun 70-an industri getah adalah penyumbang utama kepada ekonomi negara dan seterusnya berkurangan. Ketika ini kita jatuh di tempat ketiga sebagai pengeluar getah asli dunia. Pada ketika ini, Malaysia menjadi *net importer* kepada getah *latex* yang merupakan bahan utama untuk menghasilkan produk berasaskan *latex* seperti sarung tangan, kondom dan juga *catheters*. Di samping itu kita dapat melihat Malaysia adalah pengeluar terbesar produk yang berasaskan *latex* seperti bebenang getah dan lain-lain saya sebut tadi.

Kedua, Malaysia berada pada kedudukan yang kelima pengguna terbesar getah asli di dunia. Ketiga, Malaysia adalah pengguna *latex* pekat di dunia yang terbesar sekali. Keempat, kita di tempat kelapan terbesar bagi semua jenis getah asli dan juga getah tiruan. Pada ketika ini keluasan tanaman getah semakin menurun. Pada tahun 2000, kita hanya ada 1.4 juta hektar akan tetapi pada tahun 2009 kita hanya tinggal 1.1 juta hektar sahaja. Ini di mana 95% adalah pekebun kecil yang melibatkan hampir 300,000 keluarga yang bergantung kepada industri ini sebagai sumber pendapatan.

Daripada jumlah ini, 95% adalah bumiputera dan dalam masa yang sama industri ini adalah amat penting dan seharusnya diberikan perhatian.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [*Bangun*]

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jasin, terima kasih. Saya lihat Yang Berhormat Jasin amat *obsess* dengan produktiviti ladang getah dan kelapa sawit negara kita. Yang Berhormat, satu lagi perkara yang saya kira boleh kongsi bersama ialah bagaimana ladang-ladang getah yang luas melebihi empat, lima juta ekar dan juga kelapa sawit ini juga mempunyai kekuatan ataupun kapasiti untuk mengeluarkan *carbon dioxide*, *carbon credit*. Di mana di dalam kaedah perdagangan dunia pada hari ini, *carbon credit* ini juga boleh digunakan sebagai salah satu daripada indeks produktiviti ladang-ladang di negara kita, yang memang seluruh dunia mengenali negara kita kaya dengan diversiti ini.

Apa pandangan Yang Berhormat tentang peluang yang ada ini, yang boleh dijadikan sebagai punca pendapatan negara dan juga kaedah penambahan daya pengeluaran? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya dari Tangga Batu. Memang saya *obsess* sedikit kerana sebagai wakil rakyat daripada kawasan

pendalaman. Banyak daripada pengundi-pengundi saya adalah terdiri daripada pekebun-pekebun kecil. Seterusnya apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangga Batu tadi tentang pemanasan global dan juga pelepasan karbon. Sebenarnya untuk makluman, Malaysia menjadi autoriti bukan sahaja daripada teknologi getah bahkan juga teknologi kelapa sawit.

Pada ketika ini, kita bukan sahaja menjadi pengeluar – di antara pengeluar yang terbesar, bahkan kita berjaya berkeupayaan mengeksport kelapa sawit yang mempunyai kualiti terbaik sekali.

■1630

Seterusnya, pada ketika ini, kerajaan hanya memberikan bantuan untuk tanaman semula getah sebanyak RM7,000 sahaja sehektar untuk satu *cycle* selama enam tahun. Manakala untuk tanaman getah di kawasan baru berasaskan kebun kecil yang ada, kebun getah yang lain dan tiada bantuan untuk tanaman baru.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya, kita telah memulakan penanaman getah di kawasan sawah terbiar dan dibuktikan bahawa kita berkeupayaan untuk menanam komoditi tersebut dan kita mahu kalau boleh pihak kerajaan mengkaji semula supaya bantuan untuk pekebun-pekebun kecil selain daripada yang berasal daripada getah bahkan untuk tanaman baru pun diberikan pertimbangan.

Berikutan harga getah asli yang memberangsangkan adalah dicadangkan supaya jumlah bantuan ini dinaikkan pada sekurang-kurangnya sebanyak RM10,000 untuk satu hektar satu *cycle* berdasarkan kos pembangunan tanah satu hektar pada ketika ini mencecah sebanyak RM13,000 terutamanya di kawasan yang berbukit dan kos tanaman hutan getah dengan izin, *rubber forest plantation* untuk menghasilkan balak kosnya adalah sebanyak RM12,000 satu hektar. Pada masa ini...

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Jasin, mohon penjelasan.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Okey. Silakan.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Saya juga Tuan Yang di-Pertua melihat pada ucapan daripada Yang Berhormat Jasin mengenai pentingnya hasil daripada getah ini. Di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ada disebutkan tentang pembangunan tanah Lembaga Getah Malaysia di Sungai Buloh seluas 3,300 ekar dengan anggaran kos sebanyak RM10 bilion.

Soalan saya adakah projek pembangunan ini ditumpukan untuk membuat penyelidikan yang mana di Sungai Buloh ini memang terkenal dengan pusat

penyelidikan getah untuk menghasilkan klon-klon yang baik di dalam negara kita. Adakah projek pembangunan ini akan menjejaskan penyelidikan di bawah Lembaga Getah Malaysia ini? Mohon penjelasan.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya daripada Kuala Krau. Saya rasa saya pulangkan kepada menteri untuk menjawab soalan tersebut. Apa pun saya telah menyebutkan tadi tujuan kerajaan untuk menjual aset-aset yang mempunyai potensi untuk dibangunkan adalah semata-mata untuk mendapatkan pulangan dengan satu tujuan iaitu untuk mengurangkan defisit fiskal kita. Janganlah lagi daripada pihak pembangkang membuat andaian dan tuduhan seolah-olah kerajaan ini tidak bertanggungjawab bahkan seharusnya kita sebagai manusia yang tahu bersyukur kepada nikmat Allah SWT, kita mestilah berterima kasih pada kepemimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membuktikan keupayaannya sekali gus membawa negara kita daripada berpendapatan menengah pada berpendapatan tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh menggulung Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan menyediakan pinjaman mudah dengan faedah 3% pada pinjaman yang diselaraskan oleh dengan izin, *Forest Plantation Development Sdn. Bhd.* sebagai SPV di bawah MTIB. Pinjaman ini untuk mereka yang mempunyai keluasan tanah sekurang-kurangnya empat hektar. Cadangan ini adalah sangat bersesuaian untuk membantu serta menarik minat pekebun kecil untuk terus memajukan tanah mereka yang terbiar dan menaikkan jumlah penanaman getah dan meningkatkan jumlah eksport serta sumbangan kepada GDP.

Keduanya, saya ingin mencadangkan supaya bantuan tanaman meliputi tanah baru walaupun pada ketika ini hanya meliputi tanah yang asalnya getah. Seterusnya pada ketika ini, penanaman kelapa sawit diberikan insentif sebanyak RM500 kepada setiap pekebun-pekebun kecil dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua kerana pada masa ataupun tempoh menunggu hasil dituai, pekebun-pekebun kecil diberikan insentif sebanyak RM500 untuk menyara kehidupan mereka.

Soalan saya adakah kerajaan akan mempertimbangkan insentif yang serupa bagi membantu pekebun-pekebun kecil getah untuk menampung kehidupan mereka selama enam tahun satu *cycle* sebelum pokok getah mereka mengeluarkan hasil? Keduanya, adakah kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan bantuan tanaman

baru bagi tanah terbiar ataupun tanam lain yang ditanam untuk getah supaya kita dapat menarik minat pekebun-pekebun kecil dan mengurangkan tanah terbiar dan mengoptimumkan penggunaan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, swasta akan menjadi pemacu ekonomi jika wujud mesra perniagaan dan juga *environment*. Soalan saya, pertumbuhan ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh diterajui oleh sektor swasta. Apakah peranan sektor swasta untuk mengerakkan agenda transformasi ekonomi negara melalui inisiatif utama perkongsian awas swasta ataupun PPP.

Seterusnya, pembangunan *inclusive* dasar ekonomi baru adalah membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunaikan janji-janjinya menghapuskan tanggapan bahawa beliau meninggalkan kaum bumiputera. Rancangan Malaysia Kesepuluh menggariskan langkah dan pendekatan segera untuk melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera bagi membolehkan sasaran pemilikan ekuiti ekonomi kaum bumiputera sebanyak 30% melalui Model Baru Ekonomi. Soalan saya, apakah bentuk bantuan serta bimbingan yang akan dilaksanakan bagi memastikan supaya kelompok 40% di bawah pendapatan RM1,440 ditingkatkan mutu kehidupan mereka kerana daripada jumlah tersebut lebih daripada 60% terdiri daripada bumiputera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Seterusnya, saya hanya ada satu perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua. MARA adalah sebuah agensi yang dikenal pasti dapat membantu membimbing serta mendidik bumiputera untuk dapat bersaing dan menceburkan diri dalam perniagaan dan pendidikan. Pada tahun lalu, apabila MARA menghadapi masalah kewangan, kerajaan telah membantu sebanyak RM500 juta. Soalan saya, adakah kerajaan bercadang dan mempertimbangkan MARA ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya MARA benar-benar dapat sentiasa diberikan perhatian.

Satu perkara yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Pada dua minggu yang lepas Menteri telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa MARA akan mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara mulai tahun hadapan. Saya rasa inilah masanya untuk kita membuktikan bahawa kerajaan benar-benar peka dan mahu melihat supaya kita membela nasib anak-anak bumiputera supaya mereka dapat diberikan pendidikan formal. Kalau kita lihat mereka boleh maju belajar di luar negara, mengapakah kita mesti mengurangkan bilangan mereka. Kalau kita mengurangkan bilangan mereka, bukan sahaja kita membunuh niat ataupun matlamat ataupun iltizam

penuntut-penuntut kita bahkan kita tidak sebenarnya memenuhi janji-janji kita untuk membela kaum bumiputera.

Golongan sasar masih lagi memerlukan subsidi. Boleh lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis masa Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Saya menyokong.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**4.38 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya tidak ada masalah tetapi saya rasa Yang Berhormat Speaker sepucuk surat telah dihantar oleh Ketua DAP mengatakan bahawa giliran ini sepatutnya adalah Yang Berhormat Puchong. *I do not want to take his turn.* Saya hanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu cuma panduan dalam peraturan mesyuarat ini.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Sudah beri peluang tidak mahu pula.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bukan. Bukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kalau Yang Berhormat tidak hendak bangun tadi, saya tidak panggil tetapi Yang Berhormat bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak berani.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang perlu diberikan perhatian yang telah diambil kira adalah mengenai masalah biasiswa iaitu *scholarship*. Baru-baru ini pada hari Rabu yang dahulu satu perjumpaan telah diadakan di Parlimen yang mana kecoh dan telah berlaku dan disebabkan oleh beberapa faktor. Saya tidak ingin mengatakan dengan *detail* apa yang terjadi. Itu adalah Tuan Yang di-Pertua telah mengatakan akan membuat satu keputusan pada 30 Jun. Akan tetapi niat dan mengapa perjumpaan itu dibuat perlu diambil kira.

## ■ 1640

Pada hari itu kami difahamkan di antara 2,000 *scholarship* yang dijanjikan oleh kerajaan tetapi hanya 1,500 sahaja akan diawardkan kepada penuntut-penuntut yang *the best qualified person in the country*. Akan tetapi saya difahamkan kriteria yang digunakan bukanlah kriteria yang telah diberitahu oleh kerajaan pada tahun 2008.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Hari itu Yang Berhormat tidak memberi...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ada.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Tidak berani kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Drama sudah bermula.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya Terima kasih Yang Berhormat. Dia *gentlemen*. Tuan Yang di-Pertua, sekejap sahaja Yang Berhormat...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Satu minit.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak sampai. Saya memang mengharapkan komitmen Yang Berhormat, akhirnya Yang Berhormat memperakui bahawa Yang Berhormat mengadakan perjumpaan haram di dalam Dewan ini yang saya telah bantah iaitu Yang Berhormat menjemput orang luar memaki hamun dalam Dewan ini.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi betullah Yang Berhormat yang *organizer* dia. Memanggil orang luar membuat perjumpaan haram dalam Dewan ini ya?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Kinabatangan, tidak sedemikianlah kerana saya telah membuat permohonan. Saya tidak mahu mengulas mengenai perkara tersebut kerana itu dalam penyiasatan Speaker, tidak baik kita membahaskan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Akan tetapi Yang Berhormat sekurang-kurangnya memperakuilah Yang Berhormat mengurus perjumpaan haram.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Itu bukan untuk Yang Berhormat untuk membuat keputusan, tetapi tidak apa saya hendak balik kepada perkara hari itu Yang

Berhormat, bila saya bangun tidak memberi laluan kepada saya. Saya hendak tanya soalan ini, bila Yang Berhormat menyokong kepada *gambling* iaitu judi di mana kerajaan memberi kebenaran. Saya kurang fahamlah, bila UMNO mengatakan bahawa ini adalah negara Islam, macam mana ini boleh dibenarkan, saya kurang faham.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh saya jawab.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, Yang Berhormat tidak perlu memberi penjelasan, saya harap kerajaan akan mengambil perkara yang saya bangkitkan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** DAP memang telah menyokong sebab dialah *master* sindiket, dia yang *organize* sindiket perjudian haram, dia yang atur.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ini kerana saya rasa satu kesalahan apabila mengatakan pendirian mereka. UMNO kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** .. bahawa ini adalah negara Islam tetapi di satu saat dia kata ini negara Islam tetapi di satu saat yang lain dia kata "*Oh! betting illegal, berjudi boleh dihalalkan*".

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita sahkan perjudian sebab kalau tidak Yang Berhormat DAP yang memanipulasikan, yang mengaut keuntungan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Itu saya tidak faham. Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan ke Yang Berhormat?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak. Tuan Yang di-Pertua ini perkara yang saya berhajat untuk membangkitkan hari itu tetapi tidak ada masa. Saya harap kerajaan akan memberi satu penjelasan macam mana boleh dikatakan ini satu negara Islam, ini UMNO yang kata, kita tidak setuju langsung. Akan tetapi dalam saat-saat yang sama membenarkan perjudian, lesenkan perjudian itu menjadi halal dan sebagainya, saya kurang faham.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau Yang Berhormat beri peluang, saya jelaskan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Mengenai *scholarship* negara ini, pada tahun 2008..

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh saya jelaskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh? Saya mahu perjumpaan apa masalah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak perlu, tidak perlu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan, duduklah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Kinabatangan *is always waste of time. No use, no use, a waste of time.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak, dia mahu minta penjelasan, saya boleh jelaskan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak perlu Yang Berhormat, minta maaf. Yang Berhormat belum jadi Menteri lagi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak apa, tidak perlu kerajaan, saya boleh jelaskan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Lagipun Yang Berhormat tidak ada lesen hendak cakap. Saya tidak beri *floor*, lesen itu. Lesen judi mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2008, saya lagi ingat Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri telah mengatakan kuota di antara bumiputera dan bukan bumiputera adalah untuk bumiputera 55% dan bukan bumiputera adalah 45%. Saya hendak tahu kenapa pada bila memberi *scholarship* kepada murid-murid ke luar negara. Nombor satu, mengapa ia telah dikurangkan lebih dua ribu *scholarship* pada tahun 2008 hingga 2009 kepada 1,500 sekarang. Nombor dua, kenapa kuota tidak diikuti seperti yang telah dijanjikan?

Kedua adalah di mana untuk matrikulasi dan JPA *scholarship*, ada empat kriteria yang digunakan, dikatakan sebelum seorang murid dipilih, di antaranya adalah akademik *performance*. Kedua adalah bahawa dia perlu ada satu *interview* JPA *award* atau matrikulasi *award* akan dibuat dan juga akademik *background* dan juga keadaan spesifik perkara tersebut. Saya hendak tahu kenapa perkara-perkara ini tidak diwartakan, tidak ada dalam *website* di mana *economic background* mereka, akademik *qualification* mereka dan kokurikulum aktiviti mereka tidak di nyatakan. Kenapa kerajaan tidak ingin terbuka mengenai perkara tersebut. Itulah yang sangat membawa ramai rakyat Malaysia marah kerana ada manipulasi yang dibuat dikatakan oleh kerajaan

kerana tidak ada ketelusan di mana bila memilih murid-murid untuk dihantar ke luar negara, nampaknya ada pilih kasih.

Di antaranya saya difahamkan, bila saya ada diskusi pada hari rabu yang lepas di Parlimen ini, dikatakan bahawa ramai di antara murid-murid yang telah layak dikatakan adalah orang-orang daripada berpendapatan tinggi, itu nombor satu. Kedua, mereka adalah anak-anak kepada orang-orang yang berpendapatan tinggi di kerajaan. Ketiga, mereka adalah anak-anak Menteri, anak-anak Timbalan Menteri, anak-anak Ahli Parlimen telah mendapat. Ramai di antara mereka telah mendapat *scholarship* ini untuk melanjutkan pelajaran. Jadi kenapa kerajaan tidak ingin adakan satu sistem telus di mana ada transparansi supaya kita semua dapat tahu siapa yang layak dan kenapa mereka layak. Kita tidak menyoal kenapa seseorang murid itu diberi keutamaan atau diberi *scholarship*. Akan tetapi kenapa dia dipilih berbanding dengan murid yang lain di mana ada ramai di antara anak kita yang 12A, 11A tidak layak tetapi ada anak kita hanya 5A dan 3A dapat melanjutkan pelajaran, itu nombor satu.

Nombor dua, dalam jurusan pelajaran kenapa kerajaan telah mengatakan bahawa pada tahun hadapan dia akan mengurangkan kuota atau akan menghapuskan *scholarship* kepada anak-anak kita ke luar negara. Itu adalah satu, saya rasa itu polisi yang tidak baik kerana kita patut memberi galakan kepada anak-anak kita yang ada kelebihan yang luar biasa di mana kita perlu mengiktiraf anak-anak kita yang ada ilmu, yang dapat kelulusan yang baik boleh melanjutkan pelajaran ke *Oxford*, ke *Cambridge* dan di universiti-universiti yang tertentu.

Selain itu, jangan kita hantar ke universiti-universiti yang kita tidak pernah dengar nama universiti tersebut. Ada ramai di antara anak-anak kita di mana kerajaan telah memilih mereka menghantar kepada beberapa universiti di UK, di Ireland dan di Amerika. Saya difahamkan bukan sahaja tidak diketahui oleh orang ramai namun saya difahamkan *qualification* akademik mereka diragui dan macam mana satu keputusan dibuat. Ini adalah satu pendirian yang baru perlu diambil. Saya harap kerajaan akan ambil satu tetapan yang baru supaya kita ada satu *progressive nature* dalam perkara ini.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai doktor-doktor di negara ini. hari ini saya baca di surat khabar bahawa Presiden MCA mengatakan bahawa kita perlu lebih banyak doktor. Saya telah menulis beberapa artikel mengenai, kita ada *over supply of doctors* dalam negara ini di mana saya difahamkan kita kemungkinan besar bahawa dalam 12, 15 - Menteri Kesihatan berkata bahawa perlukan kekurangan doktor di antara 15,000 kepada 25,000 tetapi nampaknya setiap tahun di negara kita sendiri akan

mengeluarkan 4,500 doktor-doktor. Ini menunjukkan terlampau banyak doktor *medical* akan dikeluarkan dan ini akan menyusahkan anak-anak kita yang menjalankan dan mempelajari kursus tersebut tetapi bila mereka mahu balik, tidak dapat tempat seperti *house man*, tidak dapat bekerja di hospital atau menjalankan jurusan *medical* ini.

Saya kata, di antara asas saya adalah di mana bila saya membuat cadangan itu baru-baru ini, *medical* MMA Presiden mengatakan bahawa apa yang saya katakan itu adalah dengan berasas dan adalah benar kerana kemungkinan besar bahawa kita ada lebih kurang 24 kolej perubatan di negara ini Tuan Yang di-Pertua dengan satu populasi tidak sampai 30 juta orang.

Selain itu di England, di United Kingdom, 61 juta orang hanya ada 27 *medical college* sahaja. Di Kanada, satu negara yang lebih besar dari segi populasi, ada kolej yang kurang dari Malaysia. Macam mana kita boleh membenarkan lebih kolej dibina di negara ini, memberi kursus sedemikian? Bila kita dapat tahu bahawa ada kemungkinan besar bahawa doktor-doktor akan menjadi penganggur, adakah kita perlu menghadapi satu situasi krisis seperti di Filipina di mana sekarang ramai di antara doktor-doktor yang telah belajar dan keluar daripada universiti tidak ada kerja langsung.

#### ■1650

Apa mereka buat? Mereka memohon untuk menjadi *hospital assistant* di luar negara. Balik belajar untuk satu kursus, mereka tidak boleh lagi melanjutkan pekerjaan sebagai doktor dan adakah ini kemungkinan yang berlaku di negara ini. Apakah tindakan dan pendirian kerajaan supaya perkara ini tidak terjadi, kita tidak membenarkan pembinaan kolej-kolej perubatan dan juga kita ada doktor-doktor yang dikeluarkan dari universiti-universiti tempatan termasuk kolej-kolej *medicine* adalah berkualiti. Saya difahamkan di beberapa bandar terlampau ramai doktor. Kita bukan mengatakan terlampau ramai doktor itu tidak baik, tetapi mereka menjadi penganggur dan tidak lagi berguna kepada masyarakat, itu akan menjadi satu masalah yang besar di negara ini.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Mohon laluan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat terutamanya dalam isu *production of doctors* yang terlalu ramai di Malaysia ini. Sebenarnya isu yang sama telah dibawa oleh Presiden MCA yang baru dalam kenyataan beliau di mana beliau menyatakan ada sasaran di mana kita akan menghadapi *over supply of doctors*. Saya ingin tanya bukannya tanggungjawab terletak di tangan MCA untuk mencari penyelesaian memandangkan Menteri Kesihatan kedua-duanya pun merupakan daripada portfolio MCA dan mereka sepatutnya bekerjasama

dengan rapat, dengan erat dengan semua institut pengajian tinggi untuk mencari satu keseimbangan *demand and supply*. Masalah ini sepatutnya telah diselesaikan dan dilihat di peringkat awal. Sekarang ini seolah-olah sudah terlambat. Mohon penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya setuju Yang Berhormat Lembah Pantai. Ini adalah bukan satu masalah dalaman MCA. Saya hairan bahawa bekas Menteri Kesihatan mengatakan bahawa kemungkinan besar *over supply of doctor* walhal Menteri Kesihatan sekarang mengatakan bahawa *shortage of doctors*. Bukan keliruan. Ada *clash of statistic* dan *figures*. Ini adalah satu pendirian dan satu keikhlasan patut ada dengan kerajaan, kerana saya khuatir di mana saya sendiri tahu di mana ramai di antara orang yang menghantar anak-anak mereka untuk melanjutkan pelajaran dengan wang mereka sendiri ke UK atau di Ireland menggunakan dalam tempoh lima tahun sebanyak lebih dari RM1 juta, apa akan terjadi kepada mereka? *Is it fair to them?* Ini adalah perkara yang perlu diambil kira.

Saya difahamkan jurusan undang-undang pada lima tahun dahulu hanya ada 10,000 peguam, sekarang ada lebih kurang 14,000 peguam. Sebenarnya ada kekurangan *lawyer* di negara ini. Kita perlu seimbang dengan *supply and demand*. Saya harap kerajaan akan mengambil ikhtiar mengambil cadangan dan mengambil tahu bahawa ada satu kesilapan yang terjadi. Jadi soalan saya senang sahaja, kenapa kita perlu ada 24 kolej di negara ini walhal di England *double population* ada 27 kolej sahaja? *Productionnya* di negara ini nampaknya terlampau banyak. Mereka akan menjadi penganggur dan menjadi masalah kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh mengenai sekolah-sekolah Tamil. Kerajaan mengatakan bahawa kerajaan akan *inject* lebih kurang RM70 juta untuk sekolah-sekolah Tamil dan beberapa juta ringgit untuk sekolah-sekolah Cina. Soalan saya ialah RM70 juta untuk lima tahun, *what is the meaning?* Berapa banyak yang boleh menolong sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina?

Kedua ialah lebih kurang 385 sekolah adalah sekolah bantuan modal sahaja. Kenapa kerajaan tidak boleh mengambil alih sekolah-sekolah tersebut dan menjadi bantuan penuh? Apakah ada diskriminasi oleh kerajaan? Kenapa menganaktirikan sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil di mana ada masalah-masalah yang tertentu macam ini?

Di mana sudahlah mereka dalam keadaan yang susah, lagi menyusahkan mereka kerana dana wang mereka yang kekurangan, mereka perlu mendapat *public donation*. Ini adalah masalah yang diketahui oleh kerajaan mengenai sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil dan saya tahu juga ada sekolah-sekolah kebangsaan yang ada masalah. Kenapa kita ada satu negara.. Kita kata satu negara yang akan *develop* dalam tahun 2020. Kenapa kita tidak boleh mengatasi masalah itu sekarang juga?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Dalam isu yang sama memandangkan dalam RMKe-10, antara 10 idea utama ialah memuafatkan kepelbagaian etnik untuk mencapai kejayaan di arena antarabangsa. Walaupun ini sepatutnya sebagai idea. Akan tetapi dari segi pelaksanaan kita lihat layanan yang diberikan kepada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil tidak diberikan penekanan yang sewajarnya, dan ini jelas menunjukkan bahawa walaupun rancangan itu cakap sedemikian tetapi pelaksanaan itu berlainan. Apa sebabnya?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya setuju Yang Berhormat Gopeng. Saya hairanlah kenapa MIC, MCA dan SUPP sangat diam mengenai perkara ini? Bisu. Bisu mengenai perkara ini. Ini adalah satu perkara yang sangat serius bukan satu perkara yang baru, tetapi sudah berlanjutan dalam 52-53 tahun ini. Kenapa pendirian mereka tidak seserius seperti di Pakatan Rakyat? Saya hairan dan saya juga mengalih kepada, adakah kerajaan akan membuat bahasa ibunda *compulsory* di sekolah-sekolah kebangsaan di mana Mandarin dan Tamil akan diberi kepada pihak yang ingin mempelajarinya? Dalam hal ini saya hendak bagi sedikit amaran kerana nampaknya ada...

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Adakah Yang Berhormat Ipoh Barat sedar bahawa masyarakat Cina setiap tahun hendak mengutip sekurang-kurang RM200 juta untuk membantu sekolah SJKC dan juga sekolah menengah bebas untuk setiap tahun. Ini adalah satu angka yang besar, ini yang dikatakan *income tax* yang kedua untuk masyarakat Cina. Adakah Yang Berhormat sedar?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dahulu telah diberitahu bahawa masyarakat Cina membayar *tax* yang dari segi *percentage* yang tertinggi di negara ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak betul.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ini adalah betul. Kalau tidak mahu dengar boleh keluar. Akan tetapi ini adalah betul, kalau statistik menyokong apa yang saya kata...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Racist.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Orang yang cakap *racist* itu tidak menggunakan akal dia. Itu yang saya boleh katakan. Betul saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Bintang bahawa kenapa kita perlu *hardness* mendapat RM200 juta dari satu masyarakat, walhal itu adalah kewajipan kerajaan. Kewajipan satu kerajaan yang madani, yang betul-betul untuk rakyat. Itulah sebab mereka tidak faham. *So* untuk 1Malaysia tetapi sebenarnya *that is no 1Malaysia*, ini tipu Malaysia. *[Ketawa]* Ini dasar Kerajaan Barisan Nasional adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya alih kepada bahasa ibunda di mana ada masalah kita ada kekurangan guru. Sudah ada masalah di sekolah-sekolah Tamil dan Cina kekurangan guru. Bagaimana kerajaan boleh serius supaya boleh memberikan semua sekolah-sekolah kebangsaan boleh menawar pengajaran Mandarin dan Tamil. Ini semua satu tipu helah yang tidak benar, sangat manis Perdana Menteri mengatakan bahawa di sekolah-sekolah kebangsaan, Mandarin dan Cina mungkin akan diwajibkan. *All this is talked. All this is nothing.* Jadi ini perlu diambil. Saya harap kerajaan akan serius.

Saya hendak juga tahu, adakah kerajaan rela untuk memberikan memandangkan Mandarin menjadi satu bahasa yang akan digunakan di seluruh dunia dengan luar biasa dan dari segi ekonomi dan *business*. Adakah kerajaan akan memberikan keluasan supaya Mandarin di sekolah-sekolah akan diajar bukan sahaja di sekolah-sekolah kebangsaan juga di sekolah-sekolah Tamil supaya murid-murid kita dapat tahu bukan sahaja mempelajari bahasa ibunda, tetapi Mandarin menjadi satu bahasa yang sangat mustahak. *We cannot run away from the reality.* Bahawa itu adalah bahasa yang akan diberikan keutamaan. Kalau kita tengok dari segi *business* sekarang Tuan Yang di-Pertua. *The practical side of it*, bahawa bahasa Mandarin adalah yang terlampau mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, saya alih kepada perkara yang terakhir ialah mengenai hal-hal pekerja. Pertama saya hendak tanya, apakah pendirian kerajaan mengenai *equal of opportunity commission*. Pada bulan Mac kerajaan telah mengisytiharkan bahawa satu *equal opportunity commission* akan didirikan.

## ■1700

Akan tetapi mari kita alih belakang sedikit daripada itu. Pada bulan Disember di Konvensyen Pakatan Rakyat, itu adalah satu di antara dasar yang telah diluluskan oleh kami. Akan tetapi tidak apalah, ini 1Malaysia pun *copy* sama Pakatan Rakyat, yang *Equal Opportunity Commission* pun *copy* sama kita.

Akan tetapi apakah *structure* nya? Adakah *structure* nya akan mengikut seperti di negara Amerika atau di negara-negara *South Africa* dan India? Atau ia akan menggabungkan semua ini supaya ia menjadi satu *commission* yang betul-betul memberi perhatian kepada masalah rakyat, kepada masalah pekerja supaya semua ada hak untuk mendapat bekerja, ada hak untuk melanjutkan pelajaran, ada hak macam-macam. Dia boleh pergi ke *Equal Opportunity Commission* menuntut hak ini.

Mengenai *minimum rates*, saya bersetuju bahawa untuk semua swasta, ini diperlukan. Saya hairan kerajaan hanya telah – *there is a back track*. Nampaknya selepas mengisytiharkan kepada pegawai-pegawai sekuriti, sekarang tarik balik dan tidak ada satu pendirian yang telus dan *simple* dalam perkara ini. Saya rasa kalau negara-negara seperti Bangladesh, negara-negara yang banyak miskin dari Malaysia, *we cannot even compare in terms of per capita income*. Mereka sudah pun mengadakan *minimum rates*, kenapa negara kita tidak boleh ada? Saya hairan, apakah pendirian kita? Kenapa kita boleh membenarkan rakyat asing datang bekerja di sini, mengeksploitasi situasi di sini tetapi pekerja-pekerja, rakyat kita sendiri tidak diberikan perhatian? Saya hairan, sehingga sekarang ada ramai di antara rakyat kita yang mendapat pendapatan kurang daripada RM700. Miskin tegar *is nothing*. '*Law*' lower than *that*. Ada keluarga lima enam anak hanya boleh mendapat pendapatan RM300 sebulan. Bukankah kerajaan kita tahu – adakah kerajaan peka mengenai perkara ini? Adakah kerajaan tidak mahu tahu mengiktiraf bahawa ada masalah tersebut?

*The reality is*, ini adalah satu perkara yang serius, di mana kerajaan perlu memberi hak perhatian supaya semua rakyat – kalau kita ada gaji minima, ia akan mengesyorkan supaya tidak ada seorang pekerja pun di negara ini dapat dieksploitasi oleh majikan-majikan, supaya pekerja-pekerja di negara ini dapat ada sekurang-kurangnya *income* mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima Kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dan juga dalam ini, pengerusi-pengerusi Mahkamah Perusahaan Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ada kekosongan lebih dari tujuh jawatan. Adakah ia akan diisikan? Kenapa mereka tidak ada diberi award-

award mengenai *security of tenure*? Mereka sendiri tidak ada *security of tenure*. Dan berapakah kekosongan ini akan diisikan? Dan Mahkamah Rayuan mengenai *Industrial Court* akan kah ia dibuat?

Akhir sekali mengenai *pension* Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan walaupun kerajaan baru-baru ini ada orang yang bekerja lebih dari 25 tahun mereka akan dapat minimum *pension*, tetapi ada ramai di antara mereka pada pengetahuan saya, yang mendapat pencen RM100, RM200. Saya harap kerajaan akan memikirkan perkara ini. *Why don't we have inflation link* supaya macam di negara-negara lain semua orang yang mendapat pencen dapat *inflation link*. Tiap-tiap tahun tidak perlu pergi balik untuk membuat rayuan kepada kerajaan dan sebagainya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah banyak akhir.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Mengenai *pension* juga, saya harap satu sistem dikaji balik di mana apabila kita bercakap pencen, jangan kita setengah daripada pendapatan asas. Kenapa kita tidak memberi *pension* kepada semua *benefit-benefit* yang lain? Saya rasa di antara orang yang mendapat *benefit-benefit* lain macam *housing loan, housing expanses, entertainment expanses* dan sebagainya, ini juga perlu dilanjutkan dalam *pension*. Ini juga perlu diambil kira. Jangan kita apabila memberi pencen dia dapat RM12,000, RM6,000 *basic* dia, dia dapat RM3,000 saja *pension*. Ini adalah tidak baik langsung, ini akan menyusahkan pekerja-pekerja sedemikian.

**Datuk Tuan Raime Unggi [Tenom]:** [Bangun]

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya harap kerajaan ambil tindakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom.

#### 5.04 ptg.

**Datuk Tuan Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk turut membahaskan RMKe-10 iaitu satu pelan lima tahun dalam merencanakan pembangunan negara dalam pelbagai aspek, sekali gus untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak terfikir setakat manakah dikatakan Malaysia itu sebagai sebuah negara maju. Apakah bentuk atau definisi yang cuba dicanangkan sebagai maju itu? Namun bagi pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, pada

hakikatnya sebuah negara yang kaya, kemajuan adalah diasaskan kepada pembangunan yang terdapat dalam sesebuah negara tersebut.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan.

**Datuk Tuan Raime Unggi [Tenom]:** Aduh! Baru hendak mula ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pasir Salak sekejap. Sedikit, boleh?

**Datuk Tuan Raime Unggi [Tenom]:** Ya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi kita ada mendengar daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, yang ada membangkitkan soal satu kaum membayar lebih *tax* daripada satu kaum yang lain.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Betullah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah ini merupakan satu kenyataan yang boleh menyakit hati kaum-kaum tertentu dan menimbulkan perasaan marah? Saya hendak tahu dan ia ini boleh dianggap sebagai satu kenyataan rasis yang paling hebat sekali dalam negara kita ini.

**Datuk Tuan Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Speak the truth and shame the devil.*

**Datuk Tuan Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Kalau Yang Berhormat Ipoh Barat katakan begitu ada buktinya, memang rasis ya. Boleh membangkitkan perasaan tidak senang hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbahasan saya. Akan tetapi dalam tahun-tahun kebelakangan ini, pembangunan sebuah negara pada asasnya dirujuk kepada pertumbuhan ekonomi. Dari segi keluaran negara kasar (KNK), keluaran kasar negara yang tinggi dianggap sebagai ukuran kejayaan dalam pembangunan. Namun begitu, ia telah mula berubah. Faktor pembangunan pada masa kini lebih menyeluruh meliputi pembangunan sosial dan dianggap bahawa jika kemajuan masyarakat hendaklah diperoleh, pertumbuhan ekonomi sahaja tidak memadai walaupun ia diperlukan. Menurut pakar ekonomi, pembangunan adalah pertumbuhan ekonomi berserta dengan perubahan sosial dalam sesebuah negara.

Menurut salah seorang pakar ekonomi yang juga pemenang *Noble Prize Science Economy* pada tahun 1971, Professor Simon Kuznets, beliau ada menyenaraikan enam kriteria yang boleh menggalakkan pertumbuhan yang membolehkan sesebuah negara

beralih kepada negara maju dan kaya iaitu tinggi kadar pertumbuhan per kapita, produktiviti meningkat, tinggi kadar transformasi struktur, tinggi kadar perubahan sosial dan juga ideologi, kemampuan mengeluarkan bahan mentah dan juga memasarkannya dan akhirnya mampu untuk mengetengahkan pertumbuhan ekonomi untuk satu pertiga penduduk dunia.

Saya percaya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang juga selaku Menteri Kewangan, amat mengetahui kehendak pembangunan ekonomi ke arah sebuah negara maju yang dicanangkan sejak zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad. Saya percaya, berdasarkan paksi 10 idea dalam RMKe-10, memperlihatkan kriteria-kriteria yang akan mendukung Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan soal perkembangan teknologi maklumat yang semakin penting dan menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia sejagat. Asas kepada teknologi maklumat ini adalah kelahiran Internet yang bukan sahaja membuka peluang baru dalam pelbagai urusan di dunia ini tetapi menjadi penyelesaian serta memudahkan kehidupan manusia kita pada hari ini.

Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, serta dengan wujudnya Internet, ia juga mewujudkan perbezaan yang amat ketara dalam masyarakat. Antaranya yang berada dan tidak berada, antara yang kaya maklumat dan antara yang miskin maklumat, antara yang boleh menikmati penggunaan Internet dan mereka yang tidak dapat menikmati penggunaan Internet oleh sebab kurang kemampuan ataupun kurang pendidikan untuk menggunakan inovasi baru ini.

Masalah yang wujud berikutan pengenalan Internet ini kini dikenali sebagai jurang digital (*digital divide*). Ada yang melihat ini sebagai satu cabaran untuk diatasi dan cabaran ini cuba ditangani bukan sahaja di peringkat negara tetapi juga di peringkat antarabangsa. Badan-badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sedang memberikan perhatian yang serius terhadap masalah ini, melalui penganjuran beberapa siri pertemuan *World Summit on the Information Society (WSIS)*.

Saya melihat Malaysia adalah antara negara yang sedang memberikan perhatian yang serius untuk bagaimana menggembelng penggunaan Internet supaya ia boleh memberi manfaat kepada negara dan juga rakyat. Saya berpendapat kewujudan Internet sebagai satu peluang yang harus diterokai dan cabaran yang harus ditangani. Kalau diikutkan perkembangan sekarang ini, negara sudah meletakkan dasar pembangunan IT di bawah agenda IT Nasional yang bergerak daripada *ripple to tidal wave* iaitu dari gelombang kecil kepada satu gelombang yang besar. Di bawah dasar ini,

terletak dasar untuk menggembelng kan Internet yang boleh mendatangkan faedah kepada rakyat. Tanpa dasar yang proaktif, hanya mereka yang mampu akan berpeluang menikmati inovasi ini.

■1710

Pelaksanaan dasar ini dibuat melalui pewujudan komuniti elektronik atau lebih dikenali sebagai e-Komuniti, di mana e-Komuniti dilihat sebagai satu kumpulan orang yang berkongsi maklumat ataupun minat dan kepercayaan dalam menggunakan teknologi maklumat dan juga komunikasi seperti juga sebagai satu teras teknologi dalam interaksi harian untuk memperbaiki kehidupan secara signifikan.

Antara objektif e-Komuniti adalah untuk meningkatkan keupayaan persaingan, daya pengeluaran dan juga kreativiti untuk mengekalkan ekonomi berasaskan perkhidmatan yang boleh diperolehi daripada pengetahuan dan juga kemahiran ICT dan untuk membina suatu asas pemerksaan sosial ekonomi ke arah sebuah masyarakat sivil. Antara projek yang dijalankan di bawah program e-Komuniti ialah Desa Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Siber-K, masjid.net, rukuntetangga.net (RT.net), Networking Women, Teleworking, e-Telesmenia, SJ-2005 dan e-Bario.

Cuma persoalan sekarang ialah jurang ICT itu masih ketara apatah lagi seperti di tempat saya di negeri Sabah khusus di Parlimen Tenom. Seharusnya ia boleh digunakan untuk memudahkan penduduk setempat mendapatkan maklumat, berita terkini dan aktiviti terkini yang diadakan dan sebagai forum untuk pengguna-pengguna berinteraksi. Ia juga boleh menawarkan perkhidmatan kaunseling, pengiklanan, pembelajaran, pekerjaan, perniagaan dan juga sebagai satu rakan siber.

Tuan Yang di-Pertua, dalam data terkini Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan penduduk Malaysia kini berjumlah hampir 28 juta orang, kira-kira 60% daripadanya tinggal di bandar atau pinggir bandar dan selebihnya 40% tinggal di luar bandar. Kadar penembusan telefon bagi semua jenis ialah lebih kurang 78% sekarang berbanding 29.4% dalam tahun 1998. Bagaimanapun penembusan ini banyak terletak kepada telefon bimbit iaitu sebanyak 45%, penggunaan telefon bimbit dianggarkan berjumlah 17 juta. Sebaliknya kadar penembusan telefon kekal ialah kurang 17.2% per 100 penduduk.

Ada dua perkara yang perlu diambil kira Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menyebarkan luas penggunaan internet di mana pun iaitu telefon dan juga kuasa elektrik. Telefon kekal yang merupakan satu alat yang penting dalam perhubungan internet masih belum sampai ke sesetengah tempat di negara kita khususnya bagi masyarakat yang berada di luar bandar. Bagaimanapun oleh sebab kini sudah ada

teknologi yang membolehkan hubungan secara mobil dilakukan, masalahnya tidaklah begitu besar sekarang. Namun kosnya terpaksa diambil kira. Namun saya mencadangkan supaya yuran bulanan telefon yang kita bayar pada setiap bulan dimansuhkan sahaja atau mahupun satu pakej istimewa yang disediakan hendaklah pada tahap yang amat rendah sebagai satu langkah yang seimbang sejajar dengan pengurangan subsidi yang hendak dilakukan secara berperingkat-peringkat. Saya percaya rakyat pelbagai lapisan pasti setuju kerana ia juga dilihat sebagai satu bebanan tetapi mempunyai peranan yang amat meluas.

Selain itu kuasa elektrik juga menjadi satu masalah. Masih ada tempat-tempat yang masih belum mempunyai bekalan elektrik dan ini menyulitkan hubungan internet. Ini salah satu sebab utama pentingnya bekalan kuasa elektrik. Semua ini kerajaan harus melihat dengan serius sekiranya mahu menjadikan Malaysia sebagai satu sektor komunikasi dan juga multimedia yang berkuasa tinggi yang merupakan prasyarat dalam usaha untuk menukarkan Malaysia menjadi sebuah negara berasaskan masyarakat yang berpengetahuan sebagaimana yang dihuraikan dalam Wawasan 2020.

Menurut juga Perangkaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, kadar penembusan internet *dial-up* pada akhir tahun 2009 ialah 18% berdasarkan 5.3 juta langganan dan anggaran bilangan penggunaanya lebih 12 juta orang. Jumlah pengguna mungkin lebih tinggi kerana perangkaan ini tidak mengambil kira pengguna selain penggunaan *dial-up*. Itulah sebabnya diperlukan antara lain langkah-langkah pemerkasaan rakyat melalui peruntukan perkhidmatan rangkaian yang membolehkan individu dan juga kumpulan untuk mengakses maklumat dan juga pembinaan ataupun penajaan pengetahuan bagi masyarakat dan negara. Akses yang saksama dan seimbang antara bandar dan kawasan-kawasan yang kurang mendapat perhatian dan juga antara kumpulan yang kaya maklumat dan yang kurang maklumat.

Untuk menjamin kewujudan dan kesaksamaan akses kepada infrastruktur rangkaian dan perkhidmatan negara kita perlu mengadakan liputan yang lebih luas serata antara kawasan-kawasan kumpulan masyarakat yang berlainan. Peruntukan infrastruktur melalui perwujudan *tele-center* akan meningkatkan penembusan komputer dan juga internet dan akan menolong ke arah merapatkan jurang di antara kawasan, kumpulan dan juga masyarakat di dalam negara kita.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** [Bangun]

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Boleh? Terima kasih.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Jangan buang masa.

**Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota):** Ya, saya berminat fasal Yang Berhormat Tenom bawakan isu *digital divide* tadi yang beza antara kadar penembusannya di luar bandar. Akan tetapi sedar tidak Yang Berhormat Tenom bahawa Sabah setakat ini masih merupakan antara negeri yang paling miskin di dalam Malaysia. Kadar kemiskinannya 18%. Negeri lain di Semenanjung sudah 5% ke 3%. Jadi, soal *digital divide* ini memang soal tradisi sedangkan bekalan elektrik pun belum mencukupi lagi ada minta bekalan genset dan sebagainya. Saya rasa adalah lebih baik kalau kita sekarang memfokuskan untuk menurunkan kadar kemiskinan di Sabah ini. 19% ini rasanya tidak munasabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat itu ucapan dia Yang Berhormat.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ya betul. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Tenom adakah bersetuju dengan saya kalau kita fokuskan, kita desak supaya kerajaan menurunkan kadar kemiskinan dulu pada peratus yang munasabah, baru kita cerita untuk *digital divide* ini dikurangkan. Bagaimana? Terima kasih

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Dalam masa yang sama juga kita tidak harus tinggalkan teknologi seperti ini. Memang kerajaan kita lihat hari ini memberi tumpuan yang khusus dalam soal untuk membantu rakyat-rakyat yang miskin. Saya juga tadi menyentuh— kita perlu ada juga satu infrastruktur asas bekalan elektrik menjadi perkara pokok sebelum kita membangunkan masalah internet ini. Jadi, saya kira Yang Berhormat memang betul juga kita perlu untuk memberi membangunkan infrastruktur asas sebelum kita melangkah lebih jauh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbincangan saya. Saya ingin menyentuh tentang peranan RTM yang sudah berusia 64 tahun. Dalam usia ini RTM sudah sewajarnya cukup matang dan bersedia untuk menerajui industri penyiaran tanah air kita. Namun, sejauh manakah tanggapan orang terhadap RTM yang dilihat sebagai stesen orang tua atau orang lama ataupun sebagai '*sleeping giant*'. Apakah usia 64 tahun ini membawa kepada persepsi sedemikian ataupun stesen penyiaran ini dilihat sebagai satu kematangannya untuk terus bersaing dalam bidang penyiaran sekali gus menuju ke arah era globalisasi pada masa depan.

Baru-baru ini kenyataan Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri menyuarakan bahawa RTM boleh hilang taringnya kalau tidak berubah. Kita tidak nafikan malahan mengakui sumbangan dan jasa besar RTM kepada negara sepanjang

64 tahun kewujudannya. RTM memang patut diiktiraf sebagai salah satu medium yang merakamkan banyak peristiwa dan juga sejarah penting bagi negara kita sejak daripada dulu hinggalah ke hari ini. Rakyat Malaysia sememangnya tidak patut melupakan jasa RTM walaupun kita ada banyak pilihan stesen penyiaran.

Sebelum kemunculan stesen TV dan juga radio swasta, RTM adalah penghibur suka dan duka rakyat Malaysia. RTM juga adalah tempat untuk kita mendapat maklumat dengan pantas, menerusi RTM juga jasa dan sumbangan rakyat Malaysia yang bekerja sebagai petani, pekebun kecil, nelayan dan sebagainya dihargai. Begitu juga dengan jasa pasukan keselamatan seperti angkatan tentera dan pihak polis. Semuanya itu hanya ada...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis bangun Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Sekejap Yang Berhormat Lipis. Dalam program terbitan RTM cuma kita tidak pasti segmen itu masih wujud atau tidak. Barangkali masih ada yang kurang popular malah tidak disedari oleh orang ramai. Ya, Yang Berhormat Lipis. Jangan lama Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Bila bercakap tentang RTM ini saya memang mengakui peranan besar yang telah dimainkan oleh RTM ini dalam menyebarkan dasar-dasar kerajaan, hiburan dan sebagainya. Itu memang tidak ada siapa yang boleh menafikannya walaupun kadang-kadang ada pihak pembangkang cuba melecehkan RTM ini.

#### ■1720

Banyak perubahan yang telah berlaku pada RTM itu sendiri tetapi hanya yang membimbangkan saya siaran liputannya ada tempat-tempat yang tidak dapat dicapai. Banyak lagi menara yang perlu dipasang di semua tempat, sebagai contohnya di Jerantut, Lipis, Cameron Highlands. Ada tempat-tempat yang memang tidak dapat liputan RTM ini dan mereka terpaksa menyewa rangkaian TV berbayar sebagai contohnya Astro. Jadi belanja untuk orang kampung ini mahal. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Datuk Raimi Unggi [Tenom]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Itu ada dalam ucapan saya Yang Berhormat Lipis. Jadi Tuan Yang di-Pertua masukkan sekalilah ucapan dia dalam ucapan saya. Namun peredaran zaman mengubah banyak perkara

dari keperluan dan juga cita rasa penonton hinggalah kepada teknologi penyiarannya. Dalam soal ini bukannya RTM tidak bersedia tetapi kita berasaskan mereka di RTM lambat untuk menyesuaikan dengan perubahan ini. Kerenah birokrasi yang diwarisi sejak dari dahulu selain terikat dengan pelbagai peraturan dan juga pekeliling.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Arau bangun Yang Berhormat.

**Datuk Raimi Unggi [Tenom]:** Ya sekejap. Saya habiskan dahulu perenggan ini. Menyebabkan ada kala RTM seperti terbantut dan dalam mengharungi perubahan yang semakin mencabar. Kemunculan banyak stesen TV dan radio baru-baru ini seolah-olah gagal ditangani dengan sebaik-baiknya oleh RTM. Walhal RTM sudah ada pengalaman selama 64 tahun. Di manakah pengalaman RTM selama lebih setengah abad itu dalam menghadapi cabaran dan persaingan stesen penyiaran era baru ini. Saya melihat RTM ketika ini agak ketinggalan bukan kerana kekurangan kelengkapan atau sumber kewangan tetapi kerana faktor lambat untuk bergerak seiring dengan perubahan dan juga teknologi dalam perkembangan penyiaran.

Ini membabitkan soal pemasaran, perhubungan awam, imej korporat, penjenamaan dan publisiti yang selama ini berasaskan dipandang ringan oleh pihak RTM. Pada hal pentingnya semua unit cukup besar kerana pada bahagian inilah juga akan menentukan kedudukan sesebuah stesen penyiaran sebagai stesen penyiaran kerajaan. Memang kita akui tanggungjawab utama RTM adalah menghebahkan dan menjadi agen propaganda kepada apa sahaja dasar dan juga program yang telah disediakan oleh pihak kerajaan kepada rakyat. Kita tahu dan faham, atas sebab itulah peranan RTM untuk bergerak lincah seperti stesen penyiaran swasta agak terbatas. Namun keterbatasan ini sepatutnya dianggap sebagai sebahagian daripada cabaran RTM itu sendiri.

Berkaitan dengan peranannya sebagai media rasmi kerajaan saya ingin juga mendapat tahu. Sejauh manakah pengguna antena ikan, ini kepada yang Yang Berhormat Lipis cakap tadi. antena ikan pada setiap rumah yang saya lihat sekarang. Kebanyakannya sudah beralih kepada parabola Astro. Maknanya orang ramai ataupun rakyat kita pada hari ini sekarang boleh juga melihat siaran TV1 dan TV2 dalam Astro juga tetapi, persoalannya ialah liputan Astro nampak lebih meluas dan mempunyai siaran yang baik berbanding dengan penggunaan antena ikan, antena dahulu-dahulu.

Malah rakyat juga terpaksa membayar setiap bulan sekurang-kurangnya RM30 bagi pakej yang biasa dalam *channel* Astro.

Kalau dahulu kerajaan telah memansuhkan lesen TV sebanyak RM24 setahun dan ini telah disambut baik oleh semua lapisan masyarakat tetapi, sekarang rakyat terutamanya masyarakat di luar bandar terpaksa membayar untuk mendapatkan siaran RTM dalam Astro. Jadi setakat manakah RTM bertindak sebagai media yang mesra dan sepatutnya informatif media elektronik kerajaan ini mendapat percuma. Ya Yang Berhormat Arau.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Tenom. Adakah disebabkan apa Yang Berhormat bangkitkan tadi saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat. Sekiranya kalau kita melihat perubahan yang berlaku dalam semua siaran RTM yang ada sekarang ini adalah disebabkan oleh bukan tidak mahu berubah tetapi disebabkan cara yang kita pameran daripada dahulu sampai sekarang kita tidak mempunyai tenaga-tenaga kreatif baru ataupun golongan-golongan baru yang mungkin kita hantar untuk mendapat pendedahan sama ada di dalam dan di luar negara bagi kita menghasilkan teknik-teknik yang terkini.

Ini kerana kalau kita masih kekal dengan cara, kerana bajet bukan lagi merupakan *constrain*, bukan halangan kerana *hours* yang dibayar pada setiap rancangan yang diimport daripada luar negara melalui filem-filem *syndicated* itu juga besar berdasarkan kepada masa dan nilai *hours* yang diberikan adalah melebihi daripada apa yang sepatutnya. Malah lebih tinggi daripada stesen-stesen TV swasta. Jadi bersetujukah Yang Berhormat kalau di sini RTM perlu mempelbagaikan terutamanya kemasukan tenaga-tenaga muda yang lebih kreatif, yang lebih profesional dalam usaha menghasilkan ilham dan cetusan karya yang lebih bermutu dan yang lebih menghasilkan keterampilan berbanding dengan TV swasta yang ada di negara kita.

**Datuk Raimi Unggi [Tenom]:** Tuan Yang di-Pertua saya setuju, apatah lagi dengan pewujudan universiti-universiti yang berkaitan dengan multimedia. Memang betul pada hari ini banyak cabaran lebih-lebih lagi dalam soal teknologi. Hari ini kita ada dapat satu teknologi minggu depan ada lagi teknologi yang lain. Jadi saya fikir pihak RTM juga perlu mempunyai orang-orang yang berinovatif dalam soal untuk memperlengkapkan atau mempercanggihkan lagi sistem penyiaran dalam RTM.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya setakat manakah sebenarnya timbal balik hasil kerjasama RTM dan Astro? Rakyat semua tahu bahawa pada tahun 2012

RTM memasuki era penyiaran digital dan dilaporkan sekurang-kurangnya 19 lagi saluran baru akan diwujudkan. Ini bermakna kalau Astro sendiri sekarang sudah menyediakan kira-kira 150 saluran apakah perlu lagi RTM menumpang saluran dalam Astro itu sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggulung perbahasan saya ini sekali lagi saya ingin tekankan kepada pihak kerajaan supaya setiap rancangan pembangunan yang diadakan terutama di negeri Sabah seumpamanya untuk menyalurkan pembekalan elektrik, air, kemudahan kesihatan, pendidikan dan juga perniagaan perlulah mengikut perancangan pada masa yang telah dijadualkan.

Malahan setiap pembangunan itu perlu ada kesamarataan. Maknanya sekiranya ada pembangunan pesat berlaku di Sandakan sebagai contoh di Parlimen Tenom juga perlu ada pembangunan yang sama seperti mana yang saya katakan tadi. Ini kerana satu pembangunan yang lestari perlu diwujudkan supaya tiada ada mana-mana kawasan terpinggir atau berlaku jurang yang amat besar. Walaupun kadang kala ada kawasan luar bandar yang lain agak pesat membangun berbanding dengan kawasan luar bandar di negeri yang sama seperti juga di kawasan Tuan Yang di-Pertua di Beluran. Saya percaya banyak lagi infrastruktur yang masih lagi jauh ketinggalan berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain. So dengan itu saya, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Terap.

**5.28 ptg.**

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian. Saya ucapkan terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya untuk membahaskan satu Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak selaku Perdana Menteri Malaysia. Saya telah melihat dan juga meneliti beberapa misi dan juga visi yang digariskan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri untuk memacu Malaysia melangkah ke hadapan. Juga, saya rasa yang paling penting ialah untuk mencapai Wawasan 2020 yang telah digagaskan oleh Perdana Menteri kita sebelum daripada ini.

Ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan dalam ucapan saya ini untuk menyahut seruan Perdana Menteri bagi sama-sama membangunkan negara kita yang

tercinta ini. Perkara yg pertama yang saya ingin bangkitkan dalam perbahasan ini ialah berkaitan dengan FELDA. Satu rancangan tanah persekutuan yang telah dicadangkan...

■ 1730

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sambung esok Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Ya, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya menjemput seorang Menteri untuk membacakan Usul.

**USUL**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

**Kes Kecurian Kereta Bernombor P180  
Milik Encik Toh Khiam Lee**

5.31 ptg.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai kes kecurian kereta - no pendaftaran P180 nama pemilik - Encik Toh Khiam Lee.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kereta curi, repot balailah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Masalah yang dihadapi oleh pemilik kereta ini yang bernama Toh Khiam Lee dari Sitiawan. Encik Toh Khiam Lee telah melaporkan insiden kecurian keretanya bernombor P180 nombor *chasis* B1588 kepada polis, iaitu repot nombor Sitiawan – 005312-05. Hasil siasatan polis bercanggah dengan Encik Toh Khiam Lee dan kereta itu saya difahamkan diberikan kepada pihak yang lain dengan tanpa asas. Polis mengatakan bahawa terdapat dua buah kereta yang didaftarkan di bawah nombor pendaftaran yang sama. Bagaimanakah pihak Jabatan Pengangkutan Jalan boleh melakukan kesalahan yang amat serius ini? Di manakah terletaknya pendirian pihak JPJ semasa kereta Encik Toh Khiam Lee diserahkan kepada pihak yang lain dengan alasan pendaftaran juga dibuat di bawah nama pihak ketiga walaupun kereta ini telah dibeli oleh Toh Khiam Lee.

Saya dengan ini merayu pihak yang berkenaan mengarahkan satu siasatan lanjutan dijalankan dengan terperinci supaya satu penyelesaian dapat dilaksanakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**5.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengangkutan Jalan telah menyemak dan menyiasat laporan polis nombor repot Sitiawan 005312/05 yang telah dibuat oleh Encik Toh Khiam Lee. Berdasarkan kepada siasatan yang telah dibuat oleh JPJ, kita mendapati bahawa B1588 bukanlah merujuk kepada nombor *chasis* kereta tetapi adalah merujuk kepada nombor pendaftaran kenderaan kereta yang mengikut rekod JPJ sememangnya dimiliki oleh Encik Toh Khiam Lee. Sedangkan kenderaan yang berdaftar atas nombor pendaftaran P180 seperti Yang Berhormat sebutkan berdasarkan laporan polis itu, sememangnya dimiliki oleh orang lain iaitu seorang yang bernama Chua Teik Hui dan tidak ada rekod yang menyatakan ianya telah ditukar milik.

Oleh sebab itu saya ingin nyatakan di sini bahawa *chasis* nombor B1588 sama sekali tidak wujud dalam sistem JPJ dan dengan itu tidak timbul persoalan dua kenderaan didaftar di bawah kenderaan yang sama. Berkemungkinan laporan ini tidak begitu lengkap dan kita memerlukan maklumat yang lebih lanjut tentang perkara ini dan saya minta beliau menghubungi kita secepat mungkin untuk mendapatkan penjelasan lanjut dan menyelesaikannya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

### **Pemulihan Projek Nas Pavilion, Jalan Imbi Yang Terbengkalai**

#### **5.33 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Projek Nas Pavilion, Jalan Imbi, Kuala Lumpur ialah salah satu projek terbengkalai di Kuala Lumpur yang terbesar selain Plaza Rakyat. Sebelum ini projek ini dikenali sebagai CN Gallery yang dimajukan oleh Metro Jelita Sdn. Bhd. yang bercadang untuk membina tiga blok mengandungi hotel, pejabat dan kompleks membeli belah. Setelah projek berhenti pada tahun 1998, pemaju digulung di bawah *receivership* maka pada tahun 2004, pemaju Urban Shift Sdn. Bhd. mengambil alih projek ini, tukarkan nama dari CN Gallery kepada Nas Pavilion.

Seramai lebih 400 orang pembeli telah membayar deposit dan sebahagian bayaran projek kepada pemaju asal Metro Jelita Sdn. Bhd. Setelah Urban Shift Sdn. Bhd. mengambil alih, seramai 200 pembeli lagi telah membayar deposit mereka memandangkan Nas Pavilion mencadangkan untuk membina empat blok bangunan, terdiri tiga blok apartmen servis dan pusat beli-belah iaitu lebih besar dari cadangan asal.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya projek ini masih terus gagal dan terbengkalai dan tidak dapat dipulihkan semula. Para pembeli semakin gelisah dan marah kerana para pembeli yang datang dari semua tempat di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak malah juga dari Singapura, Australia, Jepun dan Arab Saudi merasakan wang pelaburan mereka tidak mungkin dikembalikan semula. Para pembeli telah menubuhkan jawatankuasa bertindak untuk menyelamatkan projek ini dan kes ini telah dibawa ke mahkamah.

Dalam satu prosedur, mahkamah memutuskan skim menyelesaikan iaitu para pembeli kumpulan pertama yang dibayar balik amaun 0.25 sen bagi setiap ringgit yang dilabur manakala para pembeli bagi kumpulan kedua dibayar balik 0.10 sen bagi setiap ringgit yang dilabur. Walaupun projek ini dihidupkan semula oleh Carribean Gateway Sdn. Bhd. yang merancang untuk membina lima blok bangunan dan sebuah pusat membeli belah dan telah mengemukakan permohonan perancangan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk meneruskan projek ini. Bagaimanakah nasib yang menimpa ke atas pembeli-pembeli asal yang telah melabur wang simpanan mereka dalam projek ini?

Saya telah menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk meminta campur tangan kerajaan akan tetapi jawapan dari Jabatan Perumahan Negara pada 18 Julai, 2008 bahawa campur tangan kerajaan boleh dianggap tidak menghormati keputusan mahkamah dan jawapan dari Kementerian Kewangan pula merujuk kepada Jabatan Perancangan Bandar kerana projek Nas Pavilion tidak dilesenkan di bawah KPKT. Saya memohon jaminan kerajaan untuk membela nasib 600 pembeli yang teraniaya dan terpinggir dari projek ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

### 5.37 ptg.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang atas keprihatinan beliau untuk membela nasib 600 pembeli yang teraniaya dan terpinggir daripada projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Nas Pavilion adalah sebuah projek milik swasta sepenuhnya. Projek ini telah diberi kelulusan perancangan pertama oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi pembangunan bercampur mengandungi tiga buah blok. Pembangunan tersebut terdiri daripada satu blok hotel setinggi 27 tingkat dengan 325 bilik dan dua buah blok pejabat masing-masing setinggi 12 dan 20 tingkat, sebuah podium membeli-belah setinggi lima tingkat dan sebuah *basement* empat tingkat. Lokasi projek di atas adalah Lot 230 sehingga 232, Lot 625 sehingga 631 dan Lot 647 sehingga 649, Seksyen 67, Jalan Imbi, Kuala Lumpur.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi pemaju projek Nas Pavilion adalah Tetuan Metro Jelita Sdn. Bhd. Berdasarkan kepada rekod Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerja-kerja pembinaan projek ini telah terhenti dalam tahun 1998, pada fasa pembinaan lantai tingkat tiga. Lanjutan daripada itu kelulusan permohonan telah ditamatkan pada 7 Jun, 1999 dan difahamkan kerja-kerja pembinaan projek ini dihentikan atas faktor-faktor kegawatan ekonomi.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kemudiannya telah menerima satu pelan cadangan baru untuk memindah pelan kelulusan pencadangan perancangan lama kepada Syarikat Tetuan Carribean Gateway Sdn. Bhd. yang merupakan pemaju baru projek ini. Permohonan pemindahan ini telah membabitkan cadangan untuk

mengadakan projek pembangunan perdagangan bercampur yang mengandungi lima blok menara, yang terdiri daripada satu blok pangsapuri servis setinggi 25 tingkat, satu blok pangsapuri servis setinggi 29 tingkat dan satu tingkat kemudahan dalam dan kolam renang, satu blok pejabat setinggi 23 tingkat, dua blok kondotel setinggi 22 tingkat dengan satu tingkat kemudahan dalam dan kolam renang. Sebuah podium membeli belah setinggi lima tingkat dan akhirnya *basement* setinggi empat tingkat.

Permohonan pelan pemindahan ini telah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pusat Sehati (OSC) dengan izin, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 12 Mac, 2009 dan 9 April, 2009. Jawatankuasa OSC atau Jawatankuasa Pusat Sehati DBKL kemudian memutuskan supaya pelan-pelan cadangan itu dipinda terlebih dahulu untuk mematuhi spesifikasi teknikal. Namun sehingga kini Tetuan Carribean Gateway Sdn. Bhd. masih belum mengemukakan pelan-pelan pemindahan seperti yang diarahkan. Memandangkan pembangunan ini dimiliki sepenuhnya oleh pihak pemaju swasta dan bukannya sebuah projek usaha sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur maka adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya pemaju untuk melaksanakan projek tersebut sehingga siap sepenuhnya.

Keduanya, bersepakat melaksanakan keputusan mahkamah supaya membayar balik amaun 25 sen bagi setiap ringgit yang telah dilaburkan kepada 400 orang pembeli dari kumpulan pertama dan 10 sen bagi 200 orang pembeli daripada kumpulan kedua. Dan akhirnya mencari alternatif bagaimana cadangan-cadangan terkini projek berkenaan boleh ditawarkan kepada pembeli asal. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Khamis, 17 Jun 2010.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang.***